




WISDOM
PUBLICATION

Matan

**AL-YAQUT
AL-NAFIS**


Bahagian Muamalat

Dr. Abdullaah Jalil



Matan
**AL-YAQUT
AL-NAFIS**

Bahagian Muamalat



Matan
**AL-YAQUT
AL-NAFIS**

Bahagian Muamalat

DR. ABDULLAAH JALIL





Diterbitkan oleh:
WISDOM PUBLICATION NS0078217-W
No. 110, Jalan Dillenia 3, Laman Dillenia,
Nilai Impian,
Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: 06-794 6394
Email: wisdompublisher@gmail.com
Reka Bentuk: Freepik

Hak Cipta Terpelihara © 2023 Wisdom Publication

Edisi Pertama

PDF: 27 Ramadan 1445 Hijrah bersamaan 7 April 2024.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Wisdom Publication (NS0078217-W) atau penulis.

Pencetak:
ZARASA ENTERPRISE,
001372482-A,
C-7-G, Jalan Jati 9, Acacia Avenue, Putra Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: +6019-282 6924
Email: zarasaenterprise@gmail.com

Ilmu, Kefahaman dan Kebijaksanaan tentang Agama
adalah Tanda Kebaikan Kurniaan daripada Allah bagi
Seorang Hamba


عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

« إِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِعَبْدٍ خَيْرًا فَقَهَّهُ فِي الدِّينِ وَأَهْمَهُ رُشْدَهُ »

Daripada ‘Abdullāh Ibnu Mas‘ūd رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
bersabda:

“Apabila Allah mengkehendaki kebaikan bagi seorang hamba, Allah akan mengurniakannya kefaqihan (ilmu, kefahaman dan kebijaksanaan) di dalam agama ini, dan Dia mengilhamkannya (mengurniakannya) petunjuk/ kebenaran/ keselamatan [bagi agama]nya.”

T: (al-Bazzār (292H): al-Baḥr al-Zakḥkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 1700 [Lafaz di atas]; (al-Ṭabarānī (360H): al-Mu‘jam al-Kabīr), No. 10445; (al-Bayhaqī (458H): al-Madkhal ila al-Sunan al-Kubra), No. 354; (Ahmad (241H): al-Zuhd), No. 884; (Abū Nu‘aym al-Asbahānī (430H): Ḥilyat al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā’), No. 5073 dan lain-lain. [Status: Ḥasan atau Ṣaḥīḥ li ghayrih]



Buat kedua ayahanda dan bonda: Hj. Jalil bin Omar dan Hapisah
binti Ismail,

Buat isteri yang dikasihi: Suraiya binti Hj. Osman,
serta anak-anak yang tercinta: Abdurrahman al-Munib, Maryam al-
Safiyah, Sara al-Ameena, Ibtisam al-Nafeesa dan Muhammad al-
Habib.

dan seluruh ahli keluarga,

serta semua umat Islam.



PRAKATA PENERBIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, Tuhan yang mencipta, memiliki dan mentadbir seluruh alam. Selawat dan salam dipanjatkan kepada junjungan kita, Saidina Rasulullah ﷺ, penghulu para Rasul dan Nabi ﷺ, semulia-mulia makhluk di sisi Allah, dan buat ahli keluarga Baginda ﷺ, para sahabat Baginda ﷺ dan seluruh pengikut Baginda ﷺ sehingga ke hari Kiamat.

Ammā ba‘d:

Pihak penerbit memanjatkan rasa syukur kepada Allah ﷻ di atas nikmat dan taufik-Nya untuk kami sekali lagi menerbitkan buah tangan Dr. Abdullaah Jalil dalam bidang penulisan berkaitan muamalat dan turath. Buku ini merupakan terjemahan bagi “Bahagian Muamalat” dari “Matan al-Yāqūt al-Nafīs.” Pembelajaran ilmu agama secara bertalaqqi menggunakan matan asas seperti ini terbukti dapat mengukuhkan kefahaman para pelajar. Pihak penerbit berharap agar buku ini dapat memberi manfaat kepada umat Islam dalam menambah pengetahuan dan penghayatan mereka berkenaan asas fiqh muamalat dan prinsip hukum berkaitannya. Edisi pertama buku ini juga dikongsikan dalam bentuk PDF kepada semua pihak agar kandungannya dapat dimanfaatkan seluasnya. Semoga Allah menerima usaha kami ini. Āmīn.

Wisdom Publication, Nilai.

PRAKATA PENTERJEMAH DAN EDITOR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah, Yang Maha Luas Rahmat-Nya, lagi Yang Maha Mengkhususkan Rahmat-Nya buat sesiapa yang dikehendaki-Nya. Segala pujian hanyalah bagi Allah, Tuhan yang mencipta, memiliki dan mentadbir seluruh alam. Selawat dan salam dipanjatkan kepada junjungan kita, Nabi Muhammad ﷺ, rahmat-Nya buat semua makhluk, pemberi hidayah irshād yang paling sempurna dan pembawa risalah yang terakhir, juga buat ahli keluarga, para sahabat dan umat Baginda ﷺ.

Ammā ba'd:

Segala puji bagi Allah di atas limpah kurnia dan taufik-Nya, maka penulis dapat menyiapkan buku terjemahan “Bahagian Muamalat” dari Matan al-Yāqūt al-Nafīs ini. Matan yang masyhur dan tersusun rapi ini sememangnya dikenali sebagai anak tangga asas bagi pembelajaran fiqh mazhab Syafie. Buku ini digunakan sebagai buku rujukan bagi subjek Fiqh Muamalat II di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk program “Talaqqi Turath” di bawah bimbingan penulis. Semoga Allah ﷻ menerima hasil usaha yang kerdil ini dan mengampunkan segala kecuaiian, kesalahan dan kekurangan yang berlaku dalam menyiapkan buku ini. Akhir kata daripada penulis: “Selamat membaca dan mengambil manfaat. Jangan lupakan kami dalam doa kalian. Ya Allah, terimalah dan berkatilah usaha yang kerdil ini.”

Dr. Abdullaah Jalil, Dar al-Salam NSV.

PANDUAN TRANSLITERASI

'	ء
b	ب
t	ت
th	ث
j	ج
ḥ	ح
kh	خ
d	د
dz	ذ
r	ر
z	ز
s	س
sh	ش
ṣ	ص
ḍ	ض

da	دَ
du	دُ
dī	دِي
al-Taqī	التَّقِيُّ

ṭ	ط
ẓ	ظ
'	ع
gh	غ
f	ف
q	ق
k	ك
l	ل
m	م
n	ن
h	هـ
h	ة
w	و
y	ي

di	دِ
dā	دَا
dū	دُو
Taqiyy al-Dīn	تَقِيُّ الدِّينِ

ISI KANDUNGAN

PRAKATA PENERBIT	i
PRAKATA PENTERJEMAH DAN EDITOR	ii
PANDUAN TRANSLITERASI	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI GAMBAR RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xii
PENDAHULUAN BERKENAAN MATAN.....	1
[1] Peringkat Penulisan Ilmu Turath	2
[2] Definisi Matan (<i>Matn</i>)	2
2.1 Bahasa	2
2.2 Istilah	4
[3] Jenis-jenis Matan Ilmu	5
3.1 Dari Sudut Bentuk	5
3.2 Dari Sudut Skop dan Topik	6
[4] Kepentingan Hafalan Matan Bagi Pembentukan Penguasaan Ilmu	7
[5] Mengenal Rujukan Muktabar di dalam Pengajian Ilmu Islam	9
[6] Matan-matan Utama Fiqh Mazhab Syafie	10
PENGARANG DAN MATAN AL-YĀQŪT AL-NAFĪŞ	13
[1] Al-Imām al-‘Allāmah Aḥmad bin Sālim Al-Shāṭirī (1312H–1360H)	13
[2] Kedudukan Matan al-Yāqūt al-Nafīs	16
AL-YĀQŪT AL-NAFĪS: MUQADDIMAH	19
Muqaddimah: Sepuluh Asas Permulaan Ilmu	22
AL-YĀQŪT AL-NAFĪS: BAHAGIAN MUAMALAT	27
[1] Jual Beli	27

Definisi	27
Rukun-Rukun Jual Beli (3)	27
Syarat-Syarat Pihak Berakad (4).....	28
Syarat-Syarat Subjek/ Barang Akad (5)	29
Syarat-Syarat Şighāh Jual Beli (13)	30
Gambaran Akad Jual Beli.....	31
[2] Riba.....	32
Definisi	32
Hukum Riba	32
Syarat-Syarat Jual Beli Harta Ribawi	33
[i] Harta Ribawi Yang Sama Kategori dan Jenis (3).....	33
[ii] Harta Ribawi Yang Sama Kategori Tetapi Berlainan Jenis (2).....	34
Gambaran Riba	34
[1. Riba al-Faḍl dalam Jual Beli]	34
[2. Riba al-Nasā' dalam Jual Beli]	35
[3. Riba al-Yad dalam Jual Beli]	35
[3] [Jual Beli] Salam	37
Definisi	37
Rukun-Rukun Salam (5).....	37
Syarat-Syarat Sah Jual Beli Salam (+6).....	38
Gambaran Jual Beli Salam.....	39
[4] Rahn (Gadaian)	40
Definisi	40
Rukun-Rukun Al-Rahn (4).....	40
Syarat-Syarat Barang Marhūn (2).....	41
Syarat-Syarat Marhūn Bih (4).....	41
Syarat-Syarat Pemberi Gadaian dan Penerima Gadaian (2)	42
Syarat-Syarat Ungkapan Akad Al-Rahn (13)	42
Gambaran al-Rahn.....	42
[5] Qarḍ (Pinjaman Pakai Habis)	44
Definisi	44

Rukun-Rukun Akad Pinjaman (4).....	44
Syarat-Syarat Pemberi Pinjaman (2).....	44
Syarat-Syarat Peminjam (2).....	45
Syarat-Syarat Barang Pinjaman (1)	45
Syarat-Syarat Ungkapan Akad Pinjaman (13)	45
Gambaran Akad Pinjaman	46
[6] Ḥajr (Halangan Tasaruf)	47
Definisi	47
Jenis-jenis Ḥajr (2)	47
Gambaran Ḥajr ke atas Safīh.....	48
Gambaran Ḥajr ke atas Muflis.....	48
[7] Ṣulḥ (Perdamaian)	50
Definisi	50
Pembahagian Ṣulḥ (2).....	50
Syarat-Syarat Sah Ṣulḥ (2)	51
Gambaran Akad Ṣulḥ.....	51
[8] Ḥawalah / Ḥiwālah (Pemindahan Hutang).....	53
Definisi	53
Rukun-Rukun Ḥawālah (7).....	53
Syarat-Syarat Muḥīl dan Muḥtāl (4)	54
Syarat-Syarat Ijāb dan Qabūl (13).....	54
Syarat-Syarat Dua Hutang pada Ḥawālah (4).....	54
Gambaran Akad Ḥawālah	55
[9] Ḍamān (Jaminan)	56
Definisi	56
Rukun-Rukun Akad Ḍamān (5)	56
Syarat-Syarat Penjamin (Dāmin) (4)	57
Syarat Pihak Yang Mendapat Manfaat Jaminan (Maḍmūn lahu) (1).....	58
Syarat Pihak Yang Dijamin (Maḍmūn ‘anhu) (1).....	58
Syarat-Syarat Perkara Yang Dijamin (Maḍmūn) (3).....	58
Syarat-Syarat Ungkapan Ḍamān (Jaminan) (3).....	59

Gambaran Akad Ḍamān (Jaminan).....	59
Contoh 1: Jaminan Hutang (al-Dayn)	59
Contoh 2: Jaminan Pemulangan/ Pengambilan Barang (al- ‘Ayn)	60
Contoh 3: Jaminan Kehadiran Individu (al-Badan)	60
[10] Sharikah (Perkongsian Modal).....	61
Definisi	61
Rukun-Rukun Akad Sharikah (5).....	61
Syarat Pihak Pemodal Sharikah (2/1)	62
Syarat-Syarat Harta Modal Sharikah (4)	62
Syarat Ungkapan (1)	64
Gambaran Akad Sharikah.....	64
[11] Wakālah (Perwakilan).....	65
Definisi	65
Rukun-Rukun Wakālah (4).....	65
Syarat Pewakil (1)	66
Syarat-Syarat Wakil (2)	66
Syarat-syarat Tugas/ Pekerjaan Yang Diwakilkan (3)	66
Syarat-syarat Ungkapan Wakālah (3)	67
Gambaran Akad Wakālah	67
[12] Iqrār (Pengakuan).....	68
Definisi	68
Rukun-Rukun Iqrār (4).....	68
Syarat-Syarat Pengaku/ Pembuat Pengakuan (2)	68
Syarat-Syarat Pihak Yang Dibuat Pengakuan Untuknya (3) ..	69
Syarat-Syarat Subjek Pengakuan (2).....	69
Syarat-Syarat Ungkapan Pengakuan (1)	70
Gambaran Iqrār	70
[13] ‘Āriyyah (Pinjaman Kegunaan).....	71
Definisi	71
Rukun-Rukun ‘Āriyyah (4).....	71
Syarat-Syarat Pemberi Pinjam (3).....	72

Syarat-Syarat Peminjam (2)	72
Syarat-Syarat Perkara Yang Dipinjam (4)	72
Syarat Ungkapan (1)	73
Gambaran Akad al-‘Āriyyah	73
[14] Ghaṣb (Rampasan).....	74
Definisi	74
Jenis-jenis Rampasan dan Hukumnya (4)	74
Gambaran al-Ghaṣb.....	75
[15] Shuf‘ah (Hak Membeli Secara Paksa).....	76
Definisi	76
Rukun-Rukun Hak Shuf‘ah (3).....	76
Syarat Shafī‘ (1).....	77
Syarat-Syarat Mashfū‘ (3).....	77
Syarat Mashfū‘ Minhu (1).....	77
Gambaran Shuf‘ah.....	78
[16] Qirāḍ (Perkongsian Untung)	79
Definisi	79
Rukun-Rukun Qirāḍ (6)	79
Syarat Pemilik Modal Qirāḍ (1)	80
Syarat-Syarat ‘Āmil (3).....	80
Syarat-syarat Modal Qirāḍ (3).....	80
Syarat-Syarat Pekerjaan ‘Āmil (2).....	81
Syarat-Syarat Keuntungan (2).....	81
Syarat-Syarat Ungkapan (13).....	82
Gambaran Akad Qirāḍ	82
[17] Musāqāh (Usaha Sama Penyiraman).....	83
Definisi	83
Rukun-Rukun Musāqāh (6)	83
Syarat-Syarat Pemilik dan ‘Āmil (1)	84
Syarat-Syarat Pekerjaan Musāqāh (2).....	84
Syarat-syarat Hasil Buah (2)	84

Syarat-Syarat Şīghah (12).....	85
Syarat-Syarat Pokok Musāqāh (6)	85
Gambaran Akad Musāqāh	86
[18] Ijārah (Sewaan dan Upah)	87
Definisi	87
Rukun-Rukun Ijārah (4).....	87
Syarat-syarat Ungkapan Ijārah (12)	88
Syarat-Syarat Upah (3)	88
Syarat-Syarat Manfaat (5).....	88
Syarat-Syarat Pihak Berakad (3).....	89
Gambaran Akad Ijārah	89
Ijārat al-‘Ayn.....	90
Ijārat al-Dzimmah	90
[19] Iḥyā’ al-Mawāt (Mengusahakan Tanah Mawāt)	91
Definisi	91
Rukun-Rukun Iḥyā’ al-Mawāt (2).....	91
Syarat Iḥyā’ (1).....	92
Syarat Tanah Mawāt (2).....	92
Gambaran Iḥyā’ al-Mawāt	92
[20] Waqf (Wakaf)	94
Definisi	94
Rukun-Rukun Wakaf (4).....	95
Syarat-Syarat Pewakaf (2)	95
Syarat-syarat Penerima Wakaf (2)	96
Syarat-Syarat Harta Wakaf (8)	96
Syarat-Syarat Ungkapan Akad Wakaf (5)	97
Gambaran Akad Wakaf	97
[21] Hibah.....	98
Definisi	98
Rukun-Rukun Hibah (4).....	98
Syarat-Syarat Pemberi Hibah (2)	98

Syarat Penerima Hibah (1).....	99
Syarat-Syarat Barang Hibah (5).....	99
Syarat Ungkapan Hibah (13).....	100
Gambaran Akad Hibah.....	100
[22] Luqatah (Barang Hilang dan Dijumpai).....	101
Definisi	101
Rukun-Rukun Luqatah (3).....	101
Jenis-jenis Luqatah dan Hukumnya (10).....	102
Jenis 1.....	102
Jenis 2.....	102
Jenis 3.....	103
Jenis 4.....	103
Jenis 5.....	104
Jenis 6.....	104
Jenis 7.....	105
Jenis 8.....	105
Jenis 9.....	105
Jenis 10.....	106
[23] Laqit (Orang Hilang dan Dijumpai)	107
Definisi	107
Hukum Mengambil Laqit	107
Rukun-Rukun Laqit (Mengambil Laqit) (3).....	108
Syarat-Syarat Laqit (3)	108
[24] Ji'alah/ Ja'alah/ Ju'alah (Janji Hadiah).....	109
Definisi	109
Rukun-Rukun Ji'alah (4)	109
Syarat-Syarat Pekerjaan Ji'alah (3).....	110
Syarat Hadiah Ji'alah (5).....	110
Syarat Ungkapan Ji'alah (1).....	110
Syarat-Syarat Pelaksana Akad Ji'alah (4)	111
Gambaran Akad Ji'alah.....	111

[25] Wadī'ah (Penjagaan Barang)	113
Definisi	113
Rukun-Rukun Wadī'ah (4)	113
Syarat Barang Wadī'ah (1)	114
Syarat Ungkapan Akad Wadī'ah (2)	114
Syarat Mūdi' dan Wadī' (1)	114
Gambaran Akad Wadī'ah.....	115
[26] Musābaqah (Pertandingan)	116
Definisi	116
Hukum (5)	116
Subjek Pertandingan	117
Syarat-Syarat Pertandingan (13).....	118
Gambaran Akad Pertandingan (4)	120
Gambaran 1	120
Gambaran 2	120
Gambaran 3	121
Gambaran 4	121
PENGAJIAN KITAB AL-YĀQŪT AL-NAFĪŞ (2023)	123
DOA PENUTUP MAJLIS ILMU	125
PENTERJEMAH DAN EDITOR.....	128
BIBLIOGRAFI	133

SENARAI GAMBAR RAJAH

Gambar Rajah 1: Jenis-Jenis Matan Ilmu	7
Gambar Rajah 2: Syarat Jual Beli Harta Ribawi dan Kategori Riba Jual Beli Menurut Mazhab Syafie	36

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Matriks Syarat Jual Beli Harta Ribawi Menurut Mazhab Syafie	36
--	----

PENDAHULUAN BERKENAAN MATAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, Tuhan yang mencipta, memiliki dan menguasai seluruh alam ini serta mengutuskan para Rasul ﷺ untuk memimpin manusia dan jin kepada *hidāyah*-Nya dan mendidik mereka di atas syariat-Nya.

Selawat dan salam ke atas junjungan kita Saidina Muhammad al-Nabī al-Ummī al-Nūr al-Ma‘šūm ﷺ dan ke atas ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ, serta orang-orang yang menuruti jejak langkah mereka sehingga ke hari Kiamat.

Ammā ba‘d:

Pengajian ilmu Fiqh Muamalat adalah salah satu tuntutan fardu ain yang perlu dilakukan oleh semua umat Islam yang mukallaf (baligh dan berakal). Ilmu Fiqh Muamalat ini dapat membimbing umat Islam melakukan urusanniaga melalui akad-akad muamalat dan mengetahui hak serta tanggungjawab berkaitan akad-akad tersebut.

Kitab ini merupakan terjemahan bagi bahagian Muamalat dari Matan al-Yāqūṭ al-Nafīs – sebuah matan asas fiqh yang sangat masyhur di dalam mazhab Syafie. Kitab ini disediakan bagi membantu pengajian Fiqh Muamalat berteraskan ilmu turath mazhab Syafie dengan mengekalkan teks asalnya. Semoga ia memberi manfaat kepada para pelajar khususnya dan masyarakat secara umum.

[1] Peringkat Penulisan Ilmu Turath

Tiga (3) peringkat penulisan ilmu di dalam tradisi pengajian ilmu-ilmu turath Islam adalah seperti berikut:

1. Matan (*Matn*)
2. Syarahan (*Sharḥ*)
3. Hāshiyah

Sebahagian ulama' pula menambah dua (2) peringkat berikut:

4. Taqrīr
5. Taqrīr 'alā al-Taqrīr

[2] Definisi Matan (*Matn*)

Kalimah “matan” (*matn*) boleh didefinisikan dari sudut bahasa dan istilah.

2.1 Bahasa

Matan (*matn* dan kata jamaknya: *mutūn*) adalah kata terbitan (*maṣḍar*) yang berasal dari kata kerja *matana*. Dari sudut bahasa, matan (*matana*) mempunyai beberapa makna seperti berikut:

1. Sumpah (*Ḥalafa*)
2. Menetap (*Aqāma*)
3. Panjang/ Berterusan (*Madda*)
4. Kata-kata atau lafaz asal

Matan (*matn*) juga merupakan kata terbitan (*maṣḍar*) dari kata kerja *matuna* yang memberi maksud [al-Ma'ānī]:

صَلْبٌ، إِشْتَدَّ، قَوِي

“Menjadi kuat, teguh dan keras.”

Di antara nama-nama Allah ialah “al-Matīn” yang bermaksud “Yang Maha Teguh Kekuatan-Nya” atau “Yang Maha Kuat Kukuh Kekuasaan-Nya.” Allah ﷻ berfirman (al-Dzāriyāt: 58):

﴿ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ ﴾

“Sesungguhnya Allah Dia lah sahaja Yang Memberi rezeki [kepada sekalian makhluk-Nya, dan Dia lah sahaja] Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh Kekuasaan-Nya.”

Menurut al-Imām Ibnu Fāris al-Qazwīnī al-Rāzī (w.329) di dalam “Mu‘jam Maqāyīs al-Lughāh”:

أَمِيمٌ وَالتَّاءُ وَالنُّونُ، أَصْلٌ صَحِيحٌ وَاحِدٌ يَدُلُّ عَلَى صَلَابَةٍ فِي الشَّيْءِ مَعَ امْتِدَادٍ
وَطُولٍ

“Huruf mīm, tā’ dan nūn adalah merupakan asal yang ṣaḥīḥ (tanpa huruf ‘illah) lagi satu, yang menunjukkan kepada kekerasan/ kekuatan di dalam sesuatu perkara, bersama [sifat] berterusan dan panjang.”

Kaitan makna di antara matan dan definisi bahasanya menunjukkan bahawa matan adalah merupakan jalan yang penting bagi kekukuhan ilmu dan keberkekalannya. Dalam erti kata lain, seorang yang menguasai matan-matan ilmu akan mempunyai ilmu yang kukuh dan kekal.

2.2 Istilah

Dari sudut istilah pula, matan didefinisikan sebagai:

خِلَافُ الشَّرْحِ وَالْحَوَاشِي

“Sesuai penulisan ilmu yang bukan merupakan syarahan atau hāshiyah.”

Matan juga boleh disamakan dengan *mukhtaṣar ʿilmī* (atau ringkasan ilmu) dan boleh didefinisikan sebagai:

مَا قَلَّ لَفْظُهُ وَكَثُرَ مَعْنَاهُ

“Sesuai yang sedikit/ pendek lafaznya, namun banyak atau luas atau mendalam maknanya.”

Dr. Ismāʿīl ʿAbd ʿAbbās (2019) mendefinisikan matan sebagai:

هُوَ كَلِمَاتٌ مُخْتَصَرَةٌ فِي رِسَالَةٍ صَغِيرَةٍ، تَجْمَعُ بَيْنَ سُهُولَةِ النَّطْقِ وَجَمَالِ الْعِبَارَةِ،
وَبَيْنَ إِيجَازِ الْأَلْفَاظِ وَكَثْرَةِ الْمَعَانِي، تُصَاغُ نَثْرًا أَوْ نَظْمًا، تَخْلُو فِي الْغَالِبِ مِنَ
الْإِسْتِطْرَادِ أَوْ التَّفْصِيلِ؛ كَالشَّوَاهِدِ وَالْأَمْثَلَةِ إِلَّا فِي حُدُودِ الضَّرُورَةِ

“Kalimah-kalimah ringkas di dalam risalah yang kecil, yang menghimpunkan sebutan yang mudah dan ayat yang indah, juga menghimpunkan lafaz yang ringkas dan makna yang banyak/luas, disusun dalam bentuk *nathr* (ayat biasa) atau *naẓm* (rangkap syair), pada kebiasaannya ia tidak mengandungi huraian dan perincian seumpama *shawāhid* (bukti/hujah sokongan) atau contoh-contoh, melainkan pada kadar yang sangat diperlukan.”

[3] Jenis-jenis Matan Ilmu

Jenis-jenis matan ilmu boleh dibahagikan dari dua sudut iaitu:

- (i) Bentuk.
- (ii) Skop dan topik.

3.1 Dari Sudut Bentuk

Dari sudut bentuk, matan boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu:

1. nathar (*nathr* atau *manthūr*) dan
2. nazam (*naẓm* atau *manẓūmah*).

Nathar ialah matan dalam bentuk ayat yang biasa dan kebanyakan matan adalah dalam bentuk ini. Nazam pula ialah matan yang disusun seperti syair, dengan ‘arūd dan qāfiyahnya, dan juga dikenali sebagai al-shi‘r al-ta‘līmī (syair pengajaran). Kebanyakannya adalah dalam bentuk baḥr al-rajz, walaupun terdapat juga nazam dalam baḥr yang lain.

Baḥr al-Rajz
Wazannya adalah: مُسْتَفْعِلُنْ مُسْتَفْعِلُنْ مُسْتَفْعِلُنْ * مُسْتَفْعِلُنْ مُسْتَفْعِلُنْ مُسْتَفْعِلُنْ
Baḥr al-Rajz adalah salah satu bentuk baḥr (irama) di dalam syair Arab. Kata mufrad bagi syair baḥr al-rajz ialah “urjūzah” (أرجوزة), dan kata jamaknya ialah “arājiz” (أراجيز). Penyair baḥr ini dipanggil rājiz (راجز).
Ia dipanggil rajz kerana ia bergerak kemudian berhenti, kemudian ia bergerak lagi, dan berhenti lagi, seumpama penyakit rajz yang menimpa kaki unta dan mengeluarkan bunyi pada kakinya itu. Ia

menyebabkan unta itu berjalan dan kemudiannya berhenti, lalu berjalan dan berhenti lagi. Unta sebegini dinamakan sebagai *rajzā'* (رَجَزَاءُ) [bagi betina] atau *arjaz* (أَرْجَزُ) [bagi jantan].


Matan nazam pula boleh dibahagikan kepada dua jenis:

1. Nazam ilmu yang asal. Contohnya:
 - a. “Alfiyat Ibn Mālik” di dalam ilmu nahu.
2. Nazam bagi matan ilmu yang pada asalnya disusun dalam bentuk nathar. Contohnya:
 - a. “Alfiyat al-‘Irāqī” adalah nazam bagi matan “Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ” (nathar) dalam ilmu hadis dirāyah.
 - b. “Nazm al-‘Imrīṭī / al-‘Amrīṭī” adalah nazam bagi matan “al-Waraqāt fī Uṣūl al-Fiqh” oleh Imām al-Ḥaramayn Abū al-Ma‘ālī al-Juwaynī.

3.2 Dari Sudut Skop dan Topik

Dari sudut skop dan topik pula, matan boleh dibahagikan kepada matan yang umum dan matan yang khusus. Matan yang umum menyentuh sesuatu disiplin ilmu secara holistik. Matan yang khusus pula membincangkan topik-topik tertentu dalam sesuatu disiplin ilmu. Matan ada yang pendek, sederhana dan panjang.

Gambar Rajah 1: Jenis-Jenis Matan Ilmu



[4] Kepentingan Hafalan Matan Bagi Pembentukan Penguasaan Ilmu

Para ulama' menyatakan bahawa:

مَنْ حَفِظَ الْمَثُونَ حَازَ الْفُنُونََ

“Barang siapa yang menghafal matan-matan [ilmu], maka dia akan menguasai seni-seni/ bidang-bidang [ilmu].”

Al-Imām al-Raḥbī al-Shāfi‘ī, yang juga dikenali sebagai “Ibnu al-Mutqinah” atau “Ibnu al-Mutafanninah” (w.577H) menyebut di dalam matan nazamnya yang mayshur “al-Raḥbiyyah” atau “Bughyat al-Bāḥith ‘an Jumal al-Mawāriḥ”:

فَاَحْفَظْ فَكُلُّ حَافِظٍ اِمَامٌ

“Maka hafallah [wahai pembaca/penuntut ilmu], maka sesungguhnya setiap yang menghafal itu adalah imam.”

Kepentingan hafalan bagi ilmu juga disebut oleh ulama’:

حِفْظُ سَطْرَيْنِ خَيْرٌ مِنْ حَمْلِ وَقْرَيْنِ

“Hafalan dua baris adalah lebih baik dari beban [buku yang dibawa] dan seorang kawan.”

[Al-Ḥasan al-Yūsī (2003): Zahr al-Akam fi al-Amthāl wa al-Ḥikam]

Dan:

حَرْفٌ فِي قَلْبِكَ خَيْرٌ مِنْ أَلْفٍ فِي كُتُبِكَ

“Satu huruf di hatimu (hafalanmu) lebih baik dari seribu huruf di dalam kitab-kitabmu.”

[Al-Ḥasan al-Yūsī (2003): Zahr al-Akam fi al-Amthāl wa al-Ḥikam]

Dan adalah lebih baik jika hafalan-hafalan ini dimulakan sejak kecil lagi, bak kata ulama’:

الْحِفْظُ فِي الصَّغَرِ كَالنَّقْشِ عَلَى الْحَجَرِ

“Menghafal ketika usia muda adalah seumpama mengukir di atas batu (kesannya lama dan mudah kekal).”

Matan adalah merupakan anak tangga atau anak kunci pertama dalam sistem pegajian turath Islam. Para penuntut ilmu seharusnya mempelajari dan menghafal matan-matan asas dalam sesuatu ilmu yang dipelajarinya. Matan juga sebenarnya dapat membentuk peta minda (*mind map*) bagi memudahkan kefahaman dan penguasaan sesuatu ilmu.

Dalam sistem pengajian turath, hafalan atau hafazan matan adalah penting dan dikira sebagai batu asas dalam penguasaan ilmu. Walaupun kefahaman sesuatu ilmu adalah lebih utama berbanding hafazan teksnya, namun ini tidak bermakna hafazan perlu diabaikan. Bahkan, kefahaman yang diikat dengan hafazan matan akan lebih kekal lama dan kukuh.

[5] Mengenal Rujukan Muktabar di dalam Pengajian Ilmu Islam

Ilmu bagi Syariat Islam perlu diambil daripada sumbernya yang berautoriti, iaitu para ulama' dan kitab-kitab yang muktabar. Menurut al-Shaykh al-Muḥaddith Dr. Usāmah al-Sayyid al-Azharī, sesuatu kitab itu boleh dianggap muktabar atau “disambut oleh umat Islam dengan penerimaan” (*talaqqathu al-ummah bi al-qabūl*) apabila mempunyai tiga (3) ciri-ciri berikut:

[i] Kitab tersebut diajar secara terus menerus oleh para ulama' di dalam majlis ilmu mereka.

[ii] Isi kandungan kitab tersebut dinukilkan oleh para ulama' di dalam kitab-kitab tulisan mereka.

[iii] Kitab tersebut diberi khidmat oleh para ulama' dengan membuat ringkasan, syarahan, takhrij, nazam dan seumpamanya baginya.

[6] Matan-matan Utama Fiqh Mazhab Syafie

Berikut adalah contoh-contoh matan dalam disiplin ilmu fiqh mazhab Syafie:

- i. Matan al-Ghāyah wa al-Taqrīb (juga dikenali sebagai Matan Abī Shujā‘ atau Matan Ghāyat al-Ikhtiṣār) oleh al-Imām Abū Shujā‘ (w.593H). Matan terawal dan paling masyhur di dalam fiqh mazhab Syafie.
- ii. Matan al-Minhāj (Minhāj al-Ṭālibīn wa ‘Umdat al-Muftīn) oleh al-Imām al-Ḥāfiz Shaykh al-Islām Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī (w.676H). Ia adalah sebuah matan yang panjang dan paling penting dalam fiqh mazhab Syafie.
- iii. Matan ‘Umdat al-Sālik wa ‘Uddat al-Nāsik oleh al-Imām Shihāb al-Dīn Ibnu al-Naqīb al-Miṣrī (w.769).
- iv. Matan Manzūmat al-Zubad (Nazm) oleh al-Imām al-‘Allāmah al-Shaykh (Aḥmad bin Ḥusayn bin Ḥasan) Ibnu Ruslān (w.844H). Nazam ini mengandungi seribu rangkap syair.
- v. Matan Taḥrīr Tanqīḥ al-Lubāb fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī dan matan Manhaj al-Ṭullāb fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī ﷺ (ringkasan matan al-Minhāj karangan al-Imām al-Nawawī) oleh al-Imām Shaykh al-Islām Zakariyyā al-Anṣārī (w.926H).
- vi. Matan al-Muqaddimah al-Ḥaḍramiyyah fī Fiqh al-Sādah al-Shāfi‘iyyah (juga dikenali sebagai Mukhtaṣar Bāfaḍl atau al-Mukhtaṣar al-Kabīr atau Masā’il al-Ta‘līm) oleh al-Imām al-‘Allāmah al-Faqīh ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Raḥmān Bāfaḍl (w.918H).

- vii. Matan al-Mukhtaṣar al-Laṭīf fī al-Fiqh al-Shāfi‘ī (atau al-Mukhtaṣar al-Ṣaghīr) oleh al-Imām al-‘Allāmah al-Faqīh ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Raḥmān Bāfaḍl (w.918H)
- viii. Matan Qurrat al-‘Ayn bi Muhimmāt al-Dīn oleh al-Imām Aḥmad Zayn al-Dīn bin ‘Abd al-‘Azīz al-Malībārī al-Ghazālī al-Fannānī al-Shāfi‘ī (w.1028H).
- ix. Matan al-Riṣalah al-Jāmi‘ah wa al-Tadzkirah al-Nāfi‘ah oleh al-Imām al-Sayyid al-Sharīf al-‘Ālim al-‘Allāmah al-Ḥabīb bin Zayn bin ‘Alawī al-Ḥabashī (w.1144H).¹ Matan ini disusun bersama asas akidah Ahli Sunnah Wal Jama’ah dan asas ilmu tasawuf.
- x. Matan Sullam al-Tawfiq ilā Maḥabbat Allāh ‘alā al-Taḥqīq oleh al-Imām al-Faqīh ‘Abdullāh bin Ḥusayn bin Ṭāhir Bā‘alawī al-Ḥaḍramī (w.1191H). Matan ini disusun bersama asas akidah Ahli Sunnah Wal Jama’ah dan asas ilmu tasawuf.
- xi. Matan Safīnat al-Ṣalāh oleh al-Sayyid ‘Abdullāh bin ‘Umar bin Abū Bakr bin Yaḥyā al-‘Alawī al-Ḥaḍramī al-Shāfi‘ī (w.1265H)
- xii. Matan Safīnat al-Najā/al-Najāh [fīmā Yajib ‘alā al-‘Abd li-mawlāh] oleh al-‘Allāmah al-Qāḍī al-Faqīh al-Shaykh Sālim bin ‘Abdullāh bin Sa‘īd bin Sumayr al-Ḥaḍramī al-Shāfi‘ī (w.1271H).²
- xiii. Matan al-Yāqūt al-Nafīs fi Madzhab Ibn Idrīs oleh al-Imām al-‘Allāmah al-Sayyid al-Sharīf Aḥmad bin ‘Umar al-Shāṭirī (w.1360H) [Kitab ini].

¹ Sebahagian para ulama’ mengkehadapkan matan ini berbanding matan Safīnat al-Najā/al-Najāh dalam pengajaran.

² Matan ini boleh dianggap sebagai matan paling masyhur di kalangan ulama’ mazhab Syafie yang muta’akhhir.

- xiv. Al-Subḥah al-Thamīnah Naẓm al-Safīnah oleh al-Sayyid al-‘Allāmah al-Dā‘ī ilā Allāh al-Ḥabīb Aḥmad Mashhūr bin Ṭāhā al-Ḥaddād al-‘Alawī al-Ḥaḍramī al-Shāfi‘ī (w.1416H). Beliau juga merupakan pendakwah yang sangat terkenal dan masyhur. Nazam ini merupakan syair bagi matan Safīnat al-Najā/al-Najāh. Ia disusun menjadi hampir tiga ratus rangkap syair.
-

PENGARANG DAN MATAN AL-YĀQŪT AL-NAFĪŞ

[1] Al-Imām al-‘Allāmah Aḥmad bin Sālim Al-Shāṭirī (1312H–1360H)

Beliau ialah al-Sayyid al-‘Allāmah Aḥmad al-Shāṭirī al-‘Alawī al-Tarīmī al-Ḥaḍramī al-Shāfi‘ī (1312H–1360H) bin ‘Umar bin ‘Iwaḍ bin ‘Umar bin Aḥmad bin ‘Umar bin Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥusayn bin Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Umar bin ‘Alawī al-Shāṭirī bin al-Faqīh ‘Alī bin al-Qāḍī Aḥmad bin Muḥammad Asadullah bin Ḥasan al-Turābī bin ‘Alī bin al-Faqīh al-Muqaddam al-Ustādz al-A‘zam Muḥammad (574H – 653H) bin ‘Alī Bā‘Alawī bin Muḥammad Şāhib Mirbāṭ (w.556H) bin ‘Alī Khāli‘ Qasm (w.529H) bin ‘Alawī bin Muḥammad bin ‘Alawī bin ‘Ubaydullah bin Aḥmad al-Muhājir (273H-345H) bin ‘Īsā bin Muḥammad al-Naqīb bin ‘Alī al-‘Arīḍī (w.210H) bin Ja‘far al-Şādiq (w.148H) bin Muḥammad al-Bāqir (w.114H) bin ‘Alī Zayn al-‘Abidīn (w.95H) bin [Saidina] al-Ḥusayn al-Sibṭ [ﷺ] (w.61H) bin [Saidina] ‘Alī [ﷺ] (w.40H) bin Abū Ṭalib, yang merupakan suami kepada Saidatina Fāṭimah [ﷺ] (w.11H) binti Saidina Rasulullah ﷺ (w.11H).

Beliau dilahirkan di Tarim, Yaman pada tahun 1312 Hijrah daripada dua pasang suami isteri yang mulia iaitu al-Sayyid al-Mustaqīm ‘Umar bin ‘Iwaḍ al-Shāṭirī dan al-Sharīfah Zahrā’ binti ‘Allāmah Ḥaḍramawt al-Shā‘ir al-Sayyid Abu Bakr bin ‘Abd al-Raḥman bin Shihāb al-Dīn.

Beliau berasal daripada pohonan nasab yang sangat mulia dan dibesarkan di dalam suasana yang mulia. Akhlak-akhlak yang indah

dan lurus telah zahir pada diri beliau semenjak kecil dan muda lagi sehinggakan guru beliau al-Imām ‘Abdullāh bin ‘Umar al-Shāṭirī pernah memuji beliau [sewaktu beliau masih muda] dengan berkata:

إِنَّهُ شَابٌّ لَا صَبُوءَ فِيهِ

“Sesungguhnya beliau ialah seorang pemuda yang tidak ada kelalaian/ cenderung terhadap syahwat.”

Beliau menuntut ilmu semenjak kecil lagi sebelum madrasah yang tersusun dibina di Tarīm lagi. Beliau kemudiannya meneruskan pengajian ke Ribāt dan mendapatkan ilmu dan didikan daripada guru beliau yang paling utama iaitu al-Imām al-‘Allāmah al-Sayyid ‘Abdullāh bin ‘Umar al-Shāṭirī. Guru beliau ini telah mengajar di Ribāt Tarīm lebih dari lima puluh (50) tahun dan bilangan para ulama’ dan penuntut ilmu yang telah mengambil ilmu daripada beliau melebihi sepuluh ribu (10,000) orang.

Di antara guru-guru beliau yang lain ialah:

- Al-Shaykh al-‘Allāmah al-Sayyid ‘Alawī bin ‘Abd al-Raḥmān al-Mashhūr (w.1341H)
- Al-Shaykh al-‘Allāmah al-Sayyid ‘Alawī bin ‘Abd al-Raḥmān al-Mashhūr
- Al-Shaykh al-‘Allāmah al-Sayyid ‘Alī bin ‘Abd al-Raḥmān al-Mashhūr (w.1344H)
- Al-Shaykh al-‘Allāmah al-Sayyid ‘Alī bin Muḥammad al-Ḥabshī
- Al-Shaykh al-‘Allāmah al-Sayyid Aḥmad bin Ḥasan al-‘Aṭṭās

- Al-Shaykh al-‘Allāmah al-Sayyid Aḥmad bin ‘Abd al-Raḥmān al-Saqqāf
- Al-Shaykh al-Sayyid ‘Abdullāh bin ‘Alawī al-Ḥabshī
- Al-Shaykh al-Sayyid ‘Umar bin Ṣāliḥ al-‘Aṭṭās
- Al-Shaykh al-Sayyid ‘Abdullāh bin ‘Aydarūs al-‘Aydarūs
- Al-Shaykh al-‘Allāmah al-Sayyid Abū Bakr bin ‘Abd al-Raḥmān bin Shihāb al-Dīn.

Di antara kitab-kitab karangan beliau ialah:

- Nayl al-Rajā’ bi Sharḥ Safīnat al-Najā’
- Al-Yāqūt al-Nafīs bi Madzhab Ibn Idrīs (Kitab ini)
- Al-Shāfī al-Anīs fi Naẓm al-Yāqūt al-Nafīs
- Al-Fatāwā
- Ta’liqāt Muhimmah ‘alā Fatāwā al-‘Allāmah Muftī Ḥaḍramawt al-Ḥabīb ‘Abd al-Raḥmān al-Mashhūr

Beliau mempunyai ramai para pelajar dan di antara mereka ialah:

- Al-Shahīd al-‘Allāmah Muḥammad bin Sālim bin Ḥafīẓ (w.1392H)
- Al-Shaykh al-‘Allāmah Sālim bin Sa‘īd Bukayr (w.1386H)
- Al-Shaykh al-‘Allāmah al-Ḥabīb Muḥammad bin Aḥmad al-Shāṭirī (w.1422H) (anak beliau)

Beliau wafat di Tarīm pada hari Jumaat, 5 Rabi’ul Akhir 1360 Hijrah bersamaan 2 Mei 1941 Masihi, dan dikebumikan di perkuburan Zanbal, Tarīm, Yaman.

[2] Kedudukan Matan al-Yāqūt al-Nafīs

Al-Yāqūt al-Nafīs bermakna “Permata Yaqut Yang Amat Berharga” atau “Bernilai Tinggi.” Ia merupakan salah satu kitab asas yang amat berharga – sesuai dengan namanya – di dalam pengajian fiqh mazhab Syafie. Kitab ini dikarang oleh al-Imām al-‘Allāmah Aḥmad al-Shāṭirī dengan isyarat daripada guru utama beliau iaitu al-Imām al-‘Allāmah ‘Abdullāh bin ‘Umar al-Shāṭirī. Kitab ini telah mendapat pujian dan penerimaan daripada kalangan para ulama’ mazhab Syafie khususnya. Ia sebuah matan ilmu yang tersusun dengan sangat baik bagi memudahkan para penuntut ilmu mendapatkan kefahaman berdasarkan pandangan yang berautoriti di dalam mazhab Syafie.

Kitab “al-Yāqūt al-Nafīs” ini mempunyai keistimewaan dari beberapa sudut seperti berikut:

[1] Berasaskan pandangan muktamad dalam mazhab Syafie. Ini adalah kerana ia merupakan salah satu matan fiqh mazhab Syafie yang paling terkini.

[2] Memulakan setiap bab dengan takrif atau definisi berdasarkan pandangan muktamad mazhab Syafie.

[4] Memberikan gambaran (ṣūrah) atau contoh bagi akad-akad muamalat yang diterangkan. Dengan ini, pembaca dapat memahami praktikal akad dengan mudah.

[3] Pendekatan yang sistematik dan tersusun dalam pembentangan setiap bab. Secara umumnya susunan perbincangannya adalah seperti berikut: definisi, pembahagian, rukun, syarat-syarat bagi rukun, perkara sunat

dan makruh, perkara haram atau membatalkan, dan gambaran atau contoh.



Matan
al-Yāqūt al-Nafīs



AL-YĀQŪT AL-NAFĪS: MUQADDIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى مَا شَرَعَ مِنَ الدِّينِ، وَهَدَى إِلَى الصِّرَاطِ الْمُسْتَبِينِ،

Segala puji bagi Allah di atas pensyariatan-Nya bagi agama ini, dan petunjuk-Nya ke jalan yang nyata kebenarannya.

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى الرَّسُولِ الْأَمِينِ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ الطَّاهِرِينَ، وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Selawat dan salam ke atas Rasulullah ﷺ yang benar lagi jujur, Saidina Muhammad [ﷺ], ahli keluarga Baginda ﷺ yang suci dan para sahabat Baginda ﷺ kesemuanya.

أَمَّا بَعْدُ:

Ammā ba‘d (Adapun selepas itu):

فَقَدْ أَشَارَ عَلَيَّ مَنْ لَا مَنُذُوحَةَ لِي فِي مُخَالَفَتِهِ، وَلَا مَزْحَلَ إِلَّا إِلَى مُوَافَقَتِهِ، أَنْ أَكْتُبَ رِسَالَةً فِي مَذْهَبِ الْإِمَامِ الشَّافِعِيِّ.

Sesungguhnya telah memberi isyarat kepada saya seseorang yang saya tidak mempunyai alasan untuk menyalahi isyaratnya, dan tidak ada alasan bagi saya melainkan untuk menuruti isyaratnya, agar saya menulis sebuah risalah di dalam mazhab al-Imām al-Shāfi‘ī,

جَامِعَةٌ لِلتَّعَارِيفِ، حَاوِيَةٌ لِلْأَرْكَانِ وَالشُّرُوطِ، مُصَوِّرَةٌ لِلْأَنْوَاعِ.

[dengan manhaj berikut:]

- yang menghimpunkan takrif-takrif [bagi topik dan isu yang penting dalam ilmu fiqh];
- yang meliputi rukun-rukun dan syarat-syarat [berkaitan sesuatu topik dan isu fiqh tersebut];
- yang memberi gambaran (contoh) bagi jenis-jenis [pembahagian / masalah yang terdapat dalam topik dan isu fiqh tersebut]

خِدْمَةٌ لِصِغَارِ الْمُتَعَلِّمِينَ، وَخُفْيَةً لِأَتْعَابِ الْمُعَلِّمِينَ.

[bertujuan] untuk:

- berkhidmat kepada para penuntut ilmu yang masih muda,
- meringankan beban para pengajar [ilmu ini].

فَسَارَعْتُ عَلَى قُصُورِي الْبَيْنِ إِلَى تَلْبِيَّتِهِ،

Maka saya pun bersegera untuk memenuhinya walaupun bersama kekurangan saya yang nyata.

وَجَمَعْتُ مَا أَمْكَنَنِي جَمْعُهُ فِي هَذِهِ الْوَرِيقَاتِ الَّتِي سَمَّيْتُهَا: «الْيَاقُوتَ النَّفِيسَ فِي

مَذْهَبِ ابْنِ إِدْرِيسَ»

Dan saya pun menghimpunkan apa yang saya mampu himpungkannya di dalam lembaran-lembaran ini, yang saya namakannya sebagai:

“Permata Yaqut yang Bernilai Tinggi berkenaan Fiqh Mazhab
Imam [Muḥammad] Ibnu Idris [al-Shāfi‘ī (w.204H)].”

وَالْمَأْمُولُ مِنَ الْمُطَّلَعِينَ الرِّضَا، وَالْإِعْضَاءُ عَمَّا لَيْسَ مُتَّعِينَ الخَطِّ، وَمَنْ المَوْلَى
سُبْحَانَهُ الْإِثَابَةُ وَالْقَبُولُ.

Dan harapan saya ialah keredaan daripada mereka yang meneliti kitab ini, dan [agar mereka] menundukkan pandangan daripada perkara yang tidak tertentu kesalahannya [di dalamnya], dan saya mengharapkan agar Allah ﷻ mengurniakan ganjaran dan penerimaan [bagi usaha saya ini].

Muqaddimah: Sepuluh Asas Permulaan Ilmu

مُقَدِّمَةٌ

Ini adalah sebuah muqaddimah:

إِعْلَمْ: أَنَّهُ يَنْبَغِي لِكُلِّ شَارِعٍ فِي فَنٍّ أَنْ يَعْرِفَ مَبَادِئَهُ الْعَشْرَةَ؛

Ketahuiilah: sesungguhnya setiap orang yang mula memasuki suatu disiplin ilmu hendaklah mengetahui asas-asas permulaannya yang sepuluh.

وَهِيَ حَدُّهُ، وَمَوْضُوعُهُ، وَفَائِدَتُهُ، وَمَسَائِلُهُ، وَاسْمُهُ، وَاسْتِمْدَادُهُ، وَحُكْمُ الشَّارِعِ فِيهِ، وَنَسْبَتُهُ إِلَى سَائِرِ الْعُلُومِ، وَفَضْلُهُ، وَوَاضِعُهُ.

Dan asas-asas permulaan itu ialah:

1. Hadnya (takrif/ definisinya).
2. Subjeknya (topiknya/ skopnya).
3. Faedahnya.
4. Masalah-masalahnya.
5. Namanya.
6. Sumber pengambilannya.
7. Hukum syarak berkenaan pengajiannya.
8. Nisbahnya kepada seluruh ilmu-ilmu yang lain.
9. Kelebihannya.
10. Pengasasnya/ penyusunnya.

📖 Al-Imām Abū al-Irfān, Muḥammad bin ‘Alī al-Ṣabbān al-Miṣrī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī al-Shādzulī (w.1206H) menyebut sepuluh (10) asas ini di dalam nazamnya yang masyhur:

إِنِّ مَبَادِيَّ كُلِّ عِلْمٍ عَشْرَةٌ	أَحَدٌ وَالْمَوْضُوعُ ثُمَّ الثَّمَرَةُ
--	---

[a] Sesungguhnya asas-asas permulaan bagi setiap ilmu itu ada sepuluh perkara ❁ [1] had (takrifnya), [2] subjek (topiknya), kemudian [3] buah (hasil/ faedahnya);

وَنَسَبَتُهُ وَفَضْلُهُ وَالْوَاضِعُ	وَالِاسْمُ وَالِاسْتِمْدَادُ حُكْمُ الشَّارِعِ
--------------------------------------	--

[b] Dan [4] nisbahnya [dengan ilmu-ilmu yang lain], [5] kelebihanannya, [6] pengasasnya/ penyusunnya, ❁ [7] namanya, [8] sumbernya, [9] hukum syariat [bagi mempelajarinya];

مَسَائِلٌ وَالْبَعْضُ بِالْبَعْضِ اكْتَفَى	وَمَنْ دَرَى الْجَمِيعَ حَازَ الشَّرْفَا
--	--

[c] [10] Masalah-masalah[nya]. Dan sebahagian [penuntut ilmu] merasa cukup dengan sebahagiannya ❁ dan barang siapa yang mengetahui kesemuanya, maka dia akan memperolehi kemuliaan [dalam ilmu tersebut].

وَالْفَنُّ الَّذِي نَحْنُ بِصَدَدِهِ الْفِقْهُ

Dan disiplin ilmu yang kita sedang membicarakannya ialah [ilmu] al-Fiqh.

فَحَدُّهُ: الْعِلْمُ بِالْأَحْكَامِ الشَّرْعِيَّةِ الْعَمَلِيَّةِ الْمَكْتَسَبُ مِنْ أَدِلَّتِهَا التَّفْصِيلِيَّةِ.

Maka hadnya (definisinya) ialah: ilmu berkenaan hukum-hukum³ syariat yang amali dan diusahakan pengambilannya daripada dalil-dalilnya yang terperinci.

وَمَوْضُوعُهُ: أَفْعَالُ الْمُكَلَّفِينَ.

Dan subjeknya: perbuatan-perbuatan para mukallaf.

وَفَائِدَتُهُ: إِمْتِثَالُ الْأَوْامِرِ ، وَاجْتِنَابُ النَّوَاهِي.

Faedahnya: Mematuhi perintah-perintah Allah ﷻ dan menjauhi larangan-larangan-Nya.

وَمَسَائِلُهُ: هِيَ الْقَضَايَا الَّتِي تُذَكَّرُ فِيهِ.

Dan masalah-masalahnya ialah: isu-isu [ibadat, muamalat, munakahat, jinayat dan lain-lain] yang dibincangkan di dalamnya.

وَأَسْمُهُ: عِلْمُ الْفِقْهِ.

Dan namanya: ilmu Fiqh.

³ Hukum ialah “penetapan sesuatu bagi sesuatu” atau “menafikan sesuatu daripada sesuatu.”

وَاسْتِمْدَادُهُ: مِنَ الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ وَالْإِجْمَاعِ وَالْقِيَاسِ.

Dan sumber pengambilannya: daripada al-Quran, al-Sunnah, al-Ijmā' dan al-Qiyās.⁴

وَحُكْمُ الشَّارِعِ فِيهِ:

Dan hukum syariat bagi pembelajarannya:

الْوَجُوبُ الْعَيْنِيُّ: فِيمَا تَتَوَقَّفُ عَلَيْهِ صِحَّةُ الْعِبَادَةِ وَالْمُعَامَلَةِ وَالْمُنَاكَحَةِ.

[i] wajib aini: bagi ilmu yang diperlukan untuk [mengetahui] kesahihan ibadah, muamalat dan munakahat.

وَالْكِفَايَةُ: فِيمَا زَادَ عَلَى ذَلِكَ إِلَى بُلُوغِ دَرَجَةِ الْفَتْوَى.

[ii] wajib kifayah: bagi ilmu yang melebihi kadar [wajib aini] tersebut sehingga mencapai darjat bagi [kelayakan] berfatwa.

وَالنَّدْبُ: فِيمَا زَادَ عَلَى ذَلِكَ .

[iii] sunat: bagi ilmu yang melebihi kadar tersebut.

وَنِسْبَتُهُ إِلَى سَائِرِ الْعُلُومِ: الْمُغَايِرَةُ لَهَا.

Dan nisbahnya kepada ilmu-ilmu yang lain: ialah ia ilmu yang berbeza dengan sekalian ilmu tersebut.

⁴ Ini adalah empat dalil syarak yang utama dan disepakati oleh para ulama'. Dalil-dalil syarak yang lain ialah: [5] Qawl al-Şahābī, [6] al-Istiṣhāb, [7] al-Istiqrā', [8] al-Akhdz bi aqall mā qīl, [9] al-Istiḥsān, [10] al-Maṣāliḥ al-Mursalāh, [11] 'Amal Ahl al-Madīnah, [12] Sadd al-Dzarī'ah, [13] al-'Urf dan [14] Shar' man qablanā.

وَفَضْلُهُ: فَوْقَانُهُ عَلَى سَائِرِ الْعُلُومِ.

Dan kelebihanannya: ketinggiannya ke atas seluruh ilmu-ilmu yang lain.

وَوَاضِعُهُ: هُمْ الْأَئِمَّةُ الْمُجْتَهِدُونَ.

Dan pengasasnya/ penyusunnya: mereka adalah para imam yang mujtahid.*

* Seperti al-Imām al-Shāfi‘ī, al-Imām Abū Ḥanīfah, al-Imām Mālik, Imam Aḥmad, al-Imām Sufyān al-Thawrī, al-Imām Sufyān bin ‘Uyaynah (Sufyānān), al-Imām al-Ḥasan al-Baṣrī, al-Imām Dāwud al-Zāhirī, al-Imām Ishāq bin Rāhuyah/ Rāhawayh/ Rahwayh, al-Imām al-Awzā‘ī, al-Imām al-Layth bin Sa‘d, al-Imām Ja‘far al-Ṣādiq [yang dirosakkan mazhabnya oleh golongan Syiah] dan lain-lain. Mereka adalah para ulama’ mujtahid muṭlaq dan mustaqill. Ia merupakan peringkat mujtahid yang paling tinggi. Setelah mereka, terdapat para ulama’ mujtahid muntasib, mujtahid madzhab atau aṣḥāb al-wujūh, mujtahid al-fatwā, nuzẓār fī al-tarjīḥ dan ḥamalat fiqh.

AL-YĀQŪT AL-NAFĪS: BAHAGIAN MUAMALAT

[1] Jual Beli

الْبَيْعُ

Jual Beli

Definisi

لُغَةً: مُقَابَلَةٌ شَيْءٍ بِشَيْءٍ.

Dari sudut bahasa: “pertukaran sesuatu dengan sesuatu yang lain.”

وَشَرْعًا: عَقْدٌ مُعَاوَضَةٌ مَالِيَّةٌ تُفِيدُ مِلْكَ عَيْنٍ، أَوْ مَنْفَعَةٍ عَلَى التَّأْيِيدِ.

Dari sudut syarak: “akad pertukaran harta yang memberikan pemilikan ke atas sesuatu barang atau sesuatu manfaat secara kekal.”

Rukun-Rukun Jual Beli (3)

أَرْكَانُ الْبَيْعِ ثَلَاثَةٌ:

[1] عَاقِدَانِ، وَهُمَا: الْبَائِعُ وَالْمُسْتَرِي، [2] وَمَعْقُودٌ عَلَيْهِ، وَهُوَ: الثَّمَنُ وَالْمُثْمَنُ، [3] وَصِيغَةٌ وَهِيَ: الْإِجَابُ وَالْقَبُولُ.

Rukun-rukun jual beli itu adalah tiga (3) perkara:

1. Dua pihak yang berakad iaitu penjual dan pembeli.
2. Barang yang menjadi subjek akad iaitu harga dan barang.
3. Ungkapan akad* iaitu ijab dan qabul.**

* Menurut mazhab Syafie, kaedah asal bagi pelaksanaan akad jual beli ialah lafaz ijab dan qabul. Menurut mazhab Maliki, kaedah asal bagi pelaksanaan akad jual beli ialah adat atau kebiasaan masyarakat. [Kifāyat al-Akhyār]

** Menurut mazhab Syafie, ijab ialah ungkapan yang dilafazkan oleh penjual (pemilik barang: *tamlik*) dan qabul ialah ungkapan yang dilafazkan pembeli (pembayar: *tamalluk*). Menurut mazhab Hanafi pula, ijab ialah ungkapan pertama yang dilafazkan dalam akad sama ada daripada penjual atau pembeli. Qabul pula ialah ungkapan seterusnya sama ada daripada penjual atau pembeli. [al-Mu'āmalāt al-Māliyyah]

Syarat-Syarat Pihak Berakad (4)

شُرُوطُ الْعَاقِدَيْنِ أَرْبَعَةٌ:

[1] إِطْلَاقُ التَّصَرُّفِ، [2] وَعَدَمُ الْإِكْرَاهِ بِغَيْرِ حَقٍّ، [3] وَإِسْلَامٌ مَنْ يُشْتَرَى لَهُ نَحْوُ مُصْحَفٍ، أَوْ مُسْلِمٍ أَوْ مُرْتَدٍّ لَا يَعْتِقُ عَلَيْهِ، [4] وَعَدَمُ حِرَابَةٍ مَنْ يُشْتَرَى لَهُ عِدَّةٌ حَرْبٍ.

Syarat-syarat bagi dua pihak yang berakad adalah empat (4) perkara:

1. Mempunyai hak untuk bertasaruf⁵ (berhak menjalankan tindakan pengelolaan atau pengurusan ke atas harta).

⁵ “*Taşarruf* (atau *tasaruf*) ialah tindakan pengelolaan perniagaan (harta) mengikut kemahuan individu tanpa sekatan atau syarat. *Tasarruf* boleh berbentuk perkataan atau perbuatan. *Tasarruf* perkataan terbahagi kepada dua jenis, iaitu akad dan bukan akad. Contohnya, urusan jual beli, gadaian, pajakan, hibah, wasiat atau wakaf. Manakala contoh

2. Tiada paksaan tanpa hak.
3. Keislaman bagi seseorang yang dibeli untuknya sesuatu barang seperti mushaf Al-Quran atau [hamba] muslim atau [hamba] murtad [sekiranya] tanpa tujuan untuk dimerdekakan.
4. Bukan kafir ḥarbī bagi seseorang yang dibeli untuknya peralatan peperangan.

Syarat-Syarat Subjek/ Barang Akad (5)

شُرُوطُ الْمَعْقُودِ عَلَيْهِ خَمْسَةٌ:

[1] كَوْنُهُ طَاهِرًا، أَوْ يُمَكِّنُ تَطْهِيرَهُ بِالْغَسْلِ، [2] وَكَوْنُهُ نَافِعًا، [3] وَكَوْنُهُ
مَقْدُورًا عَلَى تَسْلِيمِهِ، [4] وَوِلَايَةُ اللَّبَائِعِ عَلَيْهِ، [5] وَعِلْمُ اللَّعَاقِدَيْنِ بِهِ: عَيْنًا،
وَقَدْرًا، وَصِفَةً.

Syarat-syarat bagi barang yang menjadi subjek akad adalah lima (5) perkara:

1. Sesuatu yang suci atau boleh disucikan dengan basuhan.
2. Mempunyai manfaat.
3. Mampu untuk diambil penyerahannya/ diterima [dan diserahkan].
4. Penjual memiliki wilāyah (hak tasaruf) ke atasnya.
5. Kedua-dua pihak mempunyai maklumat tentang fizikal barang, kuantitinya dan kualitinya.

tasarruf bukan berbentuk akad adalah tuntutan mahkamah, pengakuan, ingkar atau sumpah menafikan tuntutan. *Tasarruf* perbuatan merangkumi tindakan seperti mengumpul, merampas dan merosakkan harta orang atau menyerahkan produk jualan.” (Perniagaan Islam) (Rujukan: DBP).

Syarat-Syarat Şighāh Jual Beli (13)

شُرُوطُ صِيغَةِ الْبَيْعِ ثَلَاثَةٌ عَشْرٌ:

[1] أَنْ لَا يَتَخَلَّلَ بَيْنَ الْإِيجَابِ وَالْقَبُولِ كَلَامٌ أَجْنَبِيٌّ، [2] وَأَنْ لَا يَتَخَلَّلَ بَيْنَهُمَا سُكُوتٌ طَوِيلٌ، [3] وَأَنْ يَتَوَافَقَا فِي الْمَعْنَى، [4] وَعَدَمُ التَّعْلِيقِ، [5] وَعَدَمُ التَّأْقِيتِ، [6] وَأَنْ لَا يَتَغَيَّرَ الْأَوَّلُ قَبْلَ الثَّانِي، [7] وَأَنْ يَتَلَفَّظَ بِحَيْثُ يَسْمَعُهُ مَنْ بَقُرْبِهِ، [8] وَبَقَاءُ الْأَهْلِيَّةِ إِلَى وُجُودِ الشَّقِّ الْآخِرِ، [9] وَالْخِطَابُ، [10] وَأَنْ يُتِمَّ الْمُخَاطَبُ، [11] وَأَنْ يَذْكَرَ الْمُبْتَدِي الثَّمَنَ، [12] وَأَنْ يُضِيفَ الْبَيْعَ لِحُمْلَتِهِ، [13] وَأَنْ يَقْصِدَ اللَّفْظَ لِمَعْنَاهُ.

Syarat-syarat bagi şighah (ungkapan) jual beli adalah tiga belas (13) perkara:

1. Tiada kata-kata lain yang menyelangi (mencelah) di antara ijab dan qabul.
2. Tiada diam yang panjang menyelangi (mencelah) di antara ijab dan qabul.
3. Kedua-dua ijab dan qabul mempunyai makna yang sama.
4. Tidak digantungkan (dikaitkan) dengan sesuatu yang lain.
5. Tidak diletakkan tempoh masa.
6. Tidak berubah ungkapan pertama sebelum ungkapan kedua.
7. Dilafazkan dalam keadaan yang didengari oleh orang yang berdekatan dengannya.
8. Kekalnya kelayakan berakad sehinggalah ungkapan kedua dilakukan.

9. Dilakukan dengan lafaz khitab (berbicara dengan orang yang berada di hadapannya) [dan bukan dengan lafaz khabar]
10. Ungkapan disempurnakan oleh pihak yang menerima bicara.
11. Pihak pertama hendaklah menyatakan harga.
12. Lafaz jualan (jual beli) hendaklah ditambahkan dalam bicaranya.
13. Hendaklah dia memaksudkan lafaz tersebut dengan maknanya [yang hakiki dan bukan kiasan].

Gambaran Akad Jual Beli

صُورَةُ الْبَيْعِ:

Gambaran akad jual beli:

أَنْ يَقُولَ زَيْدٌ لِعَمْرٍو: (بِعْتُكَ هَذِهِ الدَّارَ بِأَلْفِ دِينَارٍ)، فَيَقُولُ عَمْرٍو: (قَبِلْتُ).

Zaid berkata kepada Amar: “Aku menjual rumah ini kepada kamu dengan harga seribu (1,000) dinar.” Amar pun berkata: “Aku terima.”

[2] Riba

الرِّبَا

Riba

Definisi

لُغَةً: الزِّيَادَةُ.

Dari sudut bahasa: “tambahan/ pertambahan.”

وَشَرْعًا: عَقْدٌ عَلَى عَوَظٍ مَّخْصُوصٍ، [i] غَيْرِ مَعْلُومِ التَّمَاثُلِ فِي مَعْيَارِ الشَّرْعِ
حَالَةَ الْعَقْدِ، [ii] أَوْ مَعَ تَأْخِيرِ فِي الْبَدَلَيْنِ أَوْ أَحَدِهِمَا.

Dari sudut syarak: “akad ke atas pertukaran [bagi sesuatu harta] yang dikhususkan [oleh syarak] (harta ribawi):

[i] tanpa pengetahuan tentang kesamaan kuantiti pada neraca syarak pada waktu akad, atau

[ii] dengan penangguhan kedua-dua barang pertukaran atau salah satu daripada kedua-duanya.”

Hukum Riba

حُكْمُ الرِّبَا: التَّحْرِيمُ.

Hukum ribā: Haram,

وَلَا يَكُونُ إِلَّا فِي بَيْعِ النَّقْدَيْنِ بَعْضُهُمَا بِبَعْضٍ، وَمَطْعُومَاتِ الْأَدْمِيِّ كَذَلِكَ إِذَا
نَقَصَتْ شُرُوطُ صِحَّتِهِ.

Dan ia tidak berlaku melainkan pada jual beli wang sebahagiannya dengan sebahagian yang lain, dan begitu juga pada [jual beli] makanan manusia, sekiranya ia tidak memenuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan.

Syarat-Syarat Jual Beli Harta Ribawi

شُرُوطُ صِحَّةِ بَيْعِ النَّقْدِ بِالنَّقْدِ وَالْمَطْعُومِ بِالْمَطْعُومِ

Syarat-syarat sah bagi jual beli duit dengan duit dan makanan dengan makanan.

[i] Harta Ribawi Yang Sama Kategori dan Jenis (3)

شُرُوطُ صِحَّةِ بَيْعِ الذَّهَبِ بِالذَّهَبِ، وَالْفِضَّةِ بِالْفِضَّةِ، وَالْمَطْعُومِ بِجِنْسِهِ، زِيَادَةً عَلَى شُرُوطِ الْبَيْعِ الْمَارَّةِ ثَلَاثَةٌ:

[1] الْخُلُوفُ، [2] وَالتَّقَابُضُ فِي مَجْلِسِ الْعَقْدِ، [3] وَالتَّمَاثُلُ.

Syarat-syarat sah bagi jual beli emas dengan emas, dan [jual beli] perak dengan perak, dan [jual beli] makanan dengan makanan dari jenisnya [yang sama], mempunyai syarat tambahan berbanding syarat-syarat jual beli yang biasa dengan tiga (3) syarat tambahan:

1. Ia berlaku serta-merta [pada ungkapan akad, tanpa penangguhan].
2. Penyerahan kedua-dua barang pertukaran dilakukan di dalam majlis akad.
3. Kadar atau kuantiti yang sama [bagi kedua-dua barang pertukaran]

[iii] Harta Ribawi Yang Sama Kategori Tetapi Berlainan Jenis
(2)

وَشُرُوطُ صِحَّةِ بَيْعِ الذَّهَبِ بِالْفِضَّةِ وَعَكْسِهِ، وَالْمَطْعُومِ بِغَيْرِ جِنْسِهِ مِنْ
الْمَطْعُومَاتِ اثْنَانِ:

[1] الحُلُولُ، [2] وَالتَّقَابُضُ فِي مَجْلِسِ الْعَقْدِ.

Syarat-syarat sah bagi jual beli emas dengan perak dan sebaliknya, dan [jual beli] makanan dengan makanan dari jenis yang berlainan, adalah dua (2) perkara:

1. Ia berlaku serta-merta [pada ungkapan akad, tanpa penangguhan].
2. Penyerahan kedua-dua barang pertukaran dilakukan di dalam majlis akad.

Gambaran Riba

صُورَةُ الرَّبَا:

Gambaran riba:

[1. Riba al-Faḍl dalam Jual Beli]

أَنْ يَقُولَ زَيْدٌ لِعَمْرٍو: (بِعْتُكَ هَذَا الْخَاتَمَ الذَّهَبَ بِضِعْفِهِ وَزَنًا مِنَ الذَّهَبِ)،
فَيَقُولُ عَمْرٌو: (قَبِلْتُ).

Zaid berkata kepada Amar: “Aku menjual cincin emas ini kepada kamu dengan emas yang satu kali ganda lebih berat [darinya].”
Amar berkata: “Aku terima.”

[2. Riba al-Nasā' dalam Jual Beli]

أَوْ يَقُولَ لَهُ: (بِعْتِكَ هَذَا الْوَسْقَ الْحِنْطَةَ بِوَسْقَيْنِ مِنَ الذُّرَّةِ، مُؤَجَّلَيْنِ إِلَى شَهْرٍ)،
فَيَقُولُ عَمْرٌو: (قَبِلْتُ).

Atau Zaid berkata kepada Amar: “Aku menjual kepada-mu satu *wasq*⁶ gandum ini dengan dua *wasq* jagung, kedua-duanya ditangguhkan penyerahannya sehingga sebulan⁷.” Amar pun berkata: “Aku terima.”

[3. Riba al-Yad dalam Jual Beli]

أَوْ يَقُولَ لَهُ: (بِعْتِكَ هَذَا الْوَسْقَ الْحِنْطَةَ بِهَذَا الْوَسْقِ الْحِنْطَةِ)، فَيَقُولُ عَمْرٌو:
(قَبِلْتُ)، وَيَتَفَرَّقَا قَبْلَ التَّقَابُضِ.

Atau Zaid berkata kepada Amar: “Aku menjual kepada kamu satu *wasq* gandum ini dengan satu *wasq* gandum ini.” Amar pun berkata: “Aku terima,” dan mereka berdua berpisah dari majlis akad sebelum melakukan penyerahan kedua-dua barang.

⁶ Satu *wasq* (kata jamak: *awsuq*, *awsāq* dan *wusūq*) bersamaan 60 gantang (ṣā'). Satu ṣā' menyamai empat cupak (*mudd/amdād*). Satu cupak bersamaan 544 gram. Ini bermakna satu *wasq* ialah 544 gram x 4 x 60 = 130.56 kilogram.

⁷ Ini adalah kerana lafaz akad jual beli ini mengandungi elemen “tangguh”.


Jadual 1: Matriks Syarat Jual Beli Harta Ribawi Menurut Mazhab Syafie

Jenis	Sub-Jenis		Jenis 1		Jenis 2			
	Naw' 1	Harta Ribawi	Naw' 1	Naw' 2	Naw' 3	Naw' 4	Naw' 5	Naw' 6
			Emas	Perak	Tamar	Gandum	Barli	Garam
Jenis 1	Naw' 1	Emas	3	2	0	0	0	0
	Naw' 2	Perak	2	3	0	0	0	0
Jenis 2	Naw' 3	Tamar	0	0	3	2	2	2
	Naw' 4	Gandum	0	0	2	3	2	2
	Naw' 5	Barli	0	0	2	2	3	2
	Naw' 6	Garam	0	0	2	2	2	3

Nota:

3	Tiga (3) syarat: [i] Ḥulūl [ii] Taqābuḍ dan [iii] Tamāthul. Nota: Ḥanafīyyah, Mālikīyyah dan Ḥanābilah hanya mensyaratkan dua (2) syarat iaitu: [i] Taqābuḍ dan [ii] Tamāthul.
2	Dua (2) syarat: [i] Ḥulūl dan [ii] Taqābuḍ sahaja. Nota: Ḥanafīyyah, Mālikīyyah dan Ḥanābilah hanya mensyaratkan satu (1) syarat iaitu: [i] Taqābuḍ.
0	Tiada syarat tambahan.

Gambar Rajah 2: Syarat Jual Beli Harta Ribawi dan Kategori Riba Jual Beli Menurut Mazhab Syafie



[3] [Jual Beli] Salam

السَّلْمُ

Jual Beli Salam [dengan Bayaran Didahulukan]

Definisi

لُغَةً: الْإِسْتِعْجَالُ وَالتَّقْدِيمُ.

Dari sudut bahasa: “meminta sesuatu dengan segera dan mendahulukan/ memberi pendahuluan.”

وَشَرْعًا: بَيْعُ شَيْءٍ مَوْصُوفٍ فِي الذِّمَّةِ بِلَفْظِ السَّلْمِ أَوِ السَّلْفِ.

Dari sudut syarak: “jual beli sesuatu [barang] yang dideskripsikan (dinyatakan sifatnya/kualitinya) dalam tanggungjawab [penjual kerana ditangguhkan penyerahannya] dengan lafaz “salam” atau “salaf”.

Rukun-Rukun Salam (5)

أَرْكَانُ السَّلْمِ خَمْسَةٌ:

[1] مُسْلِمٌ، [2] وَمُسْلَمٌ إِلَيْهِ، [3] وَمُسْلَمٌ فِيهِ، [4] وَرَأْسُ مَالٍ، [5] وَصِيغَةٌ.

Rukun-rukun jual beli salam adalah lima (5) perkara:

1. *Muslim*: Pembeli di dalam akad salam.
2. *Muslim ilayh*: Penjual di dalam akad salam.
3. *Muslim fih*: Barang jualan di dalam akad salam.

4. *Ra's māl*: Harga bayaran yang diserahkan di dalam majlis akad.
5. Ungkapan akad.

Syarat-Syarat Sah Jual Beli Salam (+6)

شُرُوطُ صِحَّةِ السَّلْمِ زِيَادَةٌ عَلَى شُرُوطِ الْبَيْعِ سِتَّةٌ:

[1] حُلُولُ رَأْسِ الْمَالِ، [2] وَتَسْلِيمُهُ فِي الْمَجْلِسِ، [3] وَبَيَانُ مَكَانِ التَّسْلِيمِ،
 إِنْ أَسْلَمَ بِمَحَلٍّ غَيْرِ صَالِحٍ لَهُ، أَوْ كَانَ الْمُسَلَّمُ فِيهِ مُؤَجَّلاً، وَلِحْمَلِهِ إِلَى مَكَانِ
 الْعَقْدِ مُؤَنَّةً، [4] وَالْقُدْرَةُ عَلَى التَّسْلِيمِ وَقَتَ وُجُوبِهِ، [5] وَالْعِلْمُ لِلْعَاقِدَيْنِ
 وَعَدْلَيْنِ بِالْأَوْصَافِ الَّتِي يَخْتَلِفُ بِهَا الْغَرَضُ اخْتِلافاً ظَاهِراً، [6] وَذِكْرُهَا فِي
 الْعَقْدِ بِلُغَةٍ يَعْرِفُهَا الْعَاقِدَانِ وَعَدْلَانِ.

Syarat-syarat sah jual beli salam mempunyai enam (6) syarat tambahan berbanding syarat-syarat jual beli biasa:

1. Harga bayaran perlulah serta merta [pada ungkapan akad].
2. Dan diserahkan di dalam majlis akad.
3. Penerangan tentang tempat penyerahan barang, sekiranya jual beli salam tersebut dilakukan pada tempat yang tidak boleh dilakukan penyerahan barang tersebut, atau salam tersebut dilakukan dengan penangguhan [penyerahan barang] dan memerlukan kos tambahan untuk dibawa ke tempat akad tersebut.
4. Kemampuan untuk menyerahkan barang jualan salam pada waktu ia perlu diserahkan.

5. Pengetahuan kedua-dua pihak yang berakad dan kedua-dua saksi tentang ciri-ciri barang yang berbeza tujuan [jual beli] dengannya secara jelas.
6. Pernyataan/ pernyataan berkenaan [ciri-ciri] ini perlulah dilakukan di dalam ungkapan akad dengan bahasa yang diketahui oleh kedua-dua pihak yang berakad dan kedua-dua saksi.

Gambaran Jual Beli Salam

صُورَةُ السَّلَامِ:

Gambaran jual beli salam:

أَنْ يَقُولَ زَيْدٌ لِعَمْرٍو: (أَسَلَمْتُ إِلَيْكَ هَذِهِ الْمِئَةُ الدِّينَارِ فِي عَبْدٍ زَنْجِيٍّ ابْنِ خَمْسِ سِنِينَ، طُولُهُ خَمْسَةُ أَشْبَارٍ، تُسَلِّمُهُ لِي غُرَّةَ شَهْرِ كَذَا فِي بَلَدِ كَذَا)، فَيَقُولُ عَمْرٍو: (قَبِلْتُ).

Zaid berkata kepada Amar: “Aku menyerahkan (berjual beli salam) kepadamu seratus (100) dinar ini bagi mendapatkan seorang hamba *zinji* (berkulit gelap), berumur lima (5) tahun dan tingginya 5 jengkal; [dan] engkau menyerahkannya kepadaku pada awal bulan⁸ ini di negeri/daerah ini.” Amar pun berkata: “Aku terima.”

⁸ Makna bagi: (فِي أَوَّلِهِ، فِي طَلْعَتِهِ) ialah: (فِي غُرَّةِ الشَّهْرِ).

[4] Rahn (Gadaian)

الرَّهْنُ

Gadaian / Pajakan / Cagaran

Definisi

لُغَةً: الشُّبُوتُ.

Dari sudut bahasa: “tetap.”

وَشَرْعًا: جَعَلَ عَيْنَ مَالِيَّةٍ وَثِيقَةً بَدَيْنِ يُسْتَوْفَى مِنْهَا عِنْدَ تَعَدُّرِ وَفَائِهِ.

Dari sudut istilah syarak: “[akad bagi] menjadikan sesuatu barang yang berharga sebagai wathīqah (ikatan/sekuriti) terhadap hutang, diambil pembayaran hutang tersebut [daripada harga jualan]nya, apabila pihak penghutang tidak membayar hutang tersebut.”

Rukun-Rukun Al-Rahn (4)

أَرْكَانُ الرَّهْنِ أَرْبَعَةٌ:

[1] مَرَهُونٌ، [2] وَمَرَهُونٌ بِهِ، [3] وَعَاقِدَانِ، وَهُمَا: الرَّاهِنُ وَالْمُرْتَهِنُ، [4]

وَصِيغَةٌ.

Rukun-rukun akad al-rahm adalah empat (4) perkara:

1. Barang gadaian.
2. Hutang.
3. Dua pihak yang berakad, dan mereka ialah:
 - a. Penggadai (rāhin).
 - b. Peminta/ penerima/ pemegang gadaian (murtahin).

4. Ungkapan akad.

Syarat-Syarat Barang Marhūn (2)

شُرُوطُ الْمَرْهُونِ اثْنَانِ:

[1] أَنْ يَكُونَ عَيْنًا، [2] وَأَنْ يَصِحَّ بَيْعُهُ.

Syarat-syarat bagi barang yang digadaikan adalah dua (2) perkara:

1. Ia adalah barang (‘ayn).
2. Barang tersebut sah dijual beli.⁹

Syarat-Syarat Marhūn Bih (4)

شُرُوطُ الْمَرْهُونِ بِهِ أَرْبَعَةٌ:

[1] كَوْنُهُ دَيْنًا، [2] كَوْنُهُ مَعْلُومًا لِلْعَاقِدَيْنِ قَدْرًا وَصِفَةً، [3] وَكَوْنُهُ ثَابِتًا، [4] وَكَوْنُهُ لَازِمًا أَوْ آيِلًا إِلَى اللَّزُومِ بِنَفْسِهِ.

Syarat-syarat bagi harta yang diberikan gadaian untuknya adalah empat (4) perkara:

1. Ia adalah hutang.
2. Kadar (kuantiti) dan kriteria (kualiti) hutang tersebut diketahui oleh kedua-dua pihak [penggadai dan penerima gadaian].
3. Ia telah tetap (berlaku sebabnya).
4. Ia telah lazim atau hampir menjadi lazim dengan sendirinya.

⁹ Kaedah ini berbunyi: (مَا جَازَ بَيْعُهُ جَازَ رَهْنُهُ) - “Sesuatu yang boleh dijual beli, boleh dijadikan barang gadaian.”

Syarat-Syarat Pemberi Gadaian dan Penerima Gadaian (2)

شُرُوطُ الرَّاهِنِ وَالْمُرْتَمِنِ اثْنَانِ:

[1] الْإِخْتِيَارُ، [2] وَأَهْلِيَّةُ التَّبَرُّعِ.

Syarat-syarat penggadai dan pemegang gadaian itu adalah dua (2) perkara:

1. Pilihan (tanpa paksaan) / sukarela.
2. Kelayakan untuk melakukan tabarru'.

Syarat-Syarat Ungkapan Akad Al-Rahn (13)

شُرُوطُ صِغَةِ الرَّهْنِ:

هِيَ شُرُوطُ صِغَةِ الْبَيْعِ.

Syarat-syarat ungkapan al-rahm: ialah syarat-syarat yang sama bagi ungkapan jual beli.

Gambaran al-Rahn

صُورَةُ الرَّهْنِ:

Gambaran akad al-rahm:

أَنْ يَكُونَ لِزَيْدٍ عَلَى عَمْرٍو أَلْفُ دِينَارٍ دَيْنًا لَازِمًا. فَيَقُولُ عَمْرٌو لِزَيْدٍ: (رَهْنْتُكَ دَارِي بِالْأَلْفِ الَّذِي لَكَ عَلَيَّ). فَيَقُولُ زَيْدٌ: (قَبِلْتُ).

Amar berhutang kepada Zaid sebanyak seribu (1,000) dinar dengan hutang yang lazim¹⁰. Maka Amar berkata kepada Zaid: “Aku gadaikan rumahku bagi hutang seribu (1,000) dinar ke atasku bagimu.” Zaid berkata: “Aku terima.”

¹⁰ Sempurna syarat-syarat efektifnya.

[5] Qarḍ (Pinjaman Pakai Habis)

الْقَرْضُ

Akad Pinjaman [Bagi Barang Pakai Habis (*Mustahlak*)]

Definisi

لُغَةً: الْقَطْعُ.

Dari sudut bahasa: “potong/ pemotongan.”

وَشَرْعًا: تَمْلِكُ الشَّيْءَ بِرَدِّ بَدَلِهِ.

Dari sudut syarak: “memberi pemilikan sesuatu barang [kepada peminjamnya] dengan syarat dia memulangkan gantinya.”

Rukun-Rukun Akad Pinjaman (4)

أَرْكَانُ الْقَرْضِ أَرْبَعَةٌ:

[1] مُقْرِضٌ، [2] وَمُقْتَرِضٌ، [3] وَمُقْرَضٌ، [4] وَصِيعَةٌ.

Rukun-rukun qarḍ adalah empat (4) perkara:

1. Pemberi pinjaman.
2. Peminjam.
3. Barang yang dipinjamkan.
4. Ungkapan akad.

Syarat-Syarat Pemberi Pinjaman (2)

شُرُوطُ الْمُقْرِضِ اثْنَانِ:

[1] الإختيار، [2] وَأَهْلِيَّةُ التَّبَرُّعِ فِيمَا يُقْرَضُهُ.

Syarat-syarat pemberi pinjaman adalah dua (2) perkara:

1. Pilihan (tanpa paksaan) / sukarela.
2. Kelayakan untuk bertabarru' pada perkara yang diberi pinjam.

Syarat-Syarat Peminjam (2)

شُرُوطُ الْمُقْتَرَضِ اثْنَانِ:

[1] الإختيار، [2] وَأَهْلِيَّةُ الْمُعَامَلَةِ.

Syarat-syarat peminjam adalah dua (2) perkara:

1. Pilihan (tanpa paksaan) / sukarela.
2. Kelayakan untuk melakukan muamalah/ urusaniaga.

Syarat-Syarat Barang Pinjaman (1)

شُرُوطُ الْمُقْرَضِ:

أَنْ يَصِحَّ فِيهِ السَّلْمُ.

Syarat-syarat barang pinjaman: barang yang sah dijual beli dalam akad jual beli salam.

Syarat-Syarat Ungkapan Akad Pinjaman (13)

شُرُوطُ صِيغَةِ الْقَرْضِ:

هِيَ شُرُوطُ صِيغَةِ الْبَيْعِ.

Syarat-syarat ungkapan akad pinjaman: Ia adalah sama seperti syarat-syarat ungkapan jual beli.

Gambaran Akad Pinjaman

صُورَةُ الْقَرْضِ:

Gambaran akad pinjaman:

أَنْ يَقُولَ زَيْدٌ لِعَمْرٍو: (أَقْرَضْتُكَ هَذَا الدِّينَارَ)، فَيَقُولُ عَمْرٍو: (قَبِلْتُ).

Zaid berkata kepada Amar: “Aku meminjamkan [satu] dinar ini kepadamu.” Amar pun berkata: “Aku terima.”

[6] Ḥajr (Halangan Tasaruf)

الْحَجْرُ

Halangan Tasaruf/ Tindakan Pengelolaan/ Pengurusan

Definisi

لُغَةً: الْمَنْعُ.

Dari sudut bahasa, ia bermaksud: “halangan”.

وَشَرْعًا: الْمَنْعُ مِنْ تَصَرُّفٍ خَاصٍّ بِسَبَبٍ خَاصٍّ.

Dari sudut syarak, ia bermaksud: “halangan daripada tasaruf yang khusus dengan sebab yang khusus.”

Jenis-jenis Ḥajr (2)

أَنْوَاعُ الْحَجْرِ اثْنَانِ:

[1] مَا شُرِعَ لِمَصْلَحَةِ الْمَخْجُورِ عَلَيْهِ، وَتَحْتَهُ أَفْرَادٌ، [2] وَمَا شُرِعَ لِمَصْلَحَةِ غَيْرِهِ، وَتَحْتَهُ أَفْرَادٌ.

Terdapat dua (2) jenis ḥajr iaitu:

1. Ḥajr yang disyariatkan bagi menjaga kemaslahatan pihak yang dimahjūr (dikenakan halangan ke atasnya).
2. Ḥajr yang disyariatkan bagi menjaga kemaslahatan pihak lain, dan ia mempunyai beberapa jenis.

فَمِنْ أَفْرَادِ الْأَوَّلِ: الْحَجْرُ فِي الْمَالِ عَلَى السَّفِيهِ وَهُوَ الْمُبَدَّرُ لِمَالِهِ.

Dan di antara contoh bagi ḥajr jenis pertama ialah: ḥajr pada [tasaruf] harta ke atas orang yang *safih* iaitu “orang yang membazirkan hartanya.”

وَمِنْ أَفْرَادِ الثَّانِي: الْحَجْرُ عَلَى الْمُفْلِسِ فِي أَعْيَانِ مَالِهِ، وَهُوَ شَرْعًا: مَنْ زَادَ دَيْنَهُ
الْحَالُ اللَّازِمُ لِأَدْمِيٍّ عَلَى مَالِهِ.

Dan di antara contoh bagi ḥajr jenis kedua ialah: ḥajr ke atas si muflis pada *‘ayn* hartanya / barang-barang miliknya.

Dan [orang muflis] dari sudut syarak itu ialah: “seseorang yang hutangnya - telah matang dan wajib dibayar kepada orang lain - melebihi hartanya.”

Gambaran Ḥajr ke atas Safih

صُورَةُ الْحَجْرِ عَلَى السَّفِيهِ:

Gambarang bagi ḥajr yang dikenakan ke atas orang yang *safih*:

أَنْ يُبَدَّرَ عَمْرُو لِمَالِهِ بَعْدَ رُشْدِهِ، فَيَقُولُ الْحَاكِمُ: (مَنْعْتُ عَمْرًا مِنَ التَّصَرُّفِ فِي
مَالِهِ).

Amar telah membazirkan hartanya setelah dia dianggap matang dari sudut pengurusan harta. Si hakim pun berkata: “Aku telah melarang si Amar daripada melakukan tasaruf ke atas harta miliknya.”

Gambaran Ḥajr ke atas Muflis

صُورَةُ الْحَجْرِ عَلَى الْمُفْلِسِ:

Gambaran ḥajr yang dikenakan ke atas orang muflis:

أَنْ يَكُونَ لِزَيْدٍ عَلَى عَمْرٍو أَلْفٌ دِينَارٍ دَيْنًا حَالَةً لَازِمَةً زَائِدَةً عَلَى مَالِهِ، فَيَطْلُبُ
زَيْدٌ أَوْ عَمْرٌو أَوْ هُمَا مِنَ الْحَاكِمِ الْحُجْرَ عَلَى عَمْرٍو، فَيَقُولُ الْحَاكِمُ: (مَنْعْتُ عَمْرًا
مِنَ التَّصَرُّفِ فِي أَعْيَانِ مَالِهِ).

Amar mempunyai hutang sebanyak seribu (1,000) dinar – yang telah matang dan wajib dibayar - kepada Zaid dan ia melebihi harta miliknya. Maka Zaid atau Amar atau kedua-dua mereka membuat permintaan daripada hakim untuk mengenakan ḥajr ke atas Amar. Si hakim pun berkata: “Aku melarang Amar daripada melakukan tasaruf ke atas barang-barang miliknya.”

[7] Ṣulḥ (Perdamaian)

الصُّلْحُ

Putus Pertelingkahan / Perdamaian

Definisi

لُغَةً: قَطْعُ النَّزَاعِ.

Dari sudut bahasa: “menghentikan pertelingkahan.”

وَشَرْعًا: عَقْدٌ يَحْضُلُ بِهِ ذَلِكَ.

Dari sudut syarak: “akad [atau tindakan] yang menghasilkan penghentian pertelingkahan.”

Pembahagian Ṣulḥ (2)

أَقْسَامُ الصُّلْحِ اثْنَانِ:

[1] صُلْحٌ حَاطِطَةٌ [2] وَصُلْحٌ مُعَاوَضَةٌ.

Ṣulḥ terbahagi kepada dua (2), iaitu:

1. Ṣulḥ ḥaṭiṭah (ṣulḥ pengurangan).
2. Ṣulḥ mu‘āwadah (ṣulḥ penggantian).

فَالأَوَّلُ: هُوَ الصُّلْحُ مِنَ الْمُدَّعَى عَلَى بَعْضِهِ عَيْنًا كَانَ أَوْ دَيْنًا.

Yang pertama: Ṣulḥ daripada pihak plantif (pendakwa) ke atas sebahagian [subjek/ barang] yang didakwa sama ada barang ‘ayn atau hutang.

وَالثَّانِي: هُوَ الصُّلْحُ مِنَ الْمُدَّعَى عَلَى غَيْرِهِ عَيْنًا كَانَ الْمُدَّعَى أَوْ دَيْنًا.

Dan yang kedua: Şulh daripada pihak plantif (pendakwa) ke atas [subjek/ barang] yang lain dari subjek/ barang yang didakwa sama ada barang ‘ayn atau hutang.

Syarat-Syarat Sah Şulh (2)

شُرُوطُ صِحَّةِ الصُّلْحِ اثْنَانِ:

[1] سَبْقُ خُصُومَةٍ، [2] وَإِقْرَارُ الْخُصْمِ.

Syarat-syarat kesahihan şulh adalah dua (2) perkara:

1. Berlakunya pertelingkahan.
2. Pengakuan pihak yang bertelingkah.

Gambaran Akad Şulh

صُورَةُ الصُّلْحِ:

Gambaran bagi şulh:

أَنَّ يَدَّعِيَ زَيْدٌ عَلَى عَمْرٍو دَارًا أَوْ عِشْرِينَ دِينَارًا فِي ذِمَّتِهِ فَيُنْكِرُ عَمْرٌو ثُمَّ يُقْرَأُ،
فَيَقُولُ لَهُ زَيْدٌ: (صَالِحَتُكَ مِنْ هَذِهِ الدَّارِ عَلَى نِصْفِهَا) أَوْ (عَلَى هَذَا الثَّوْبِ)، أَوْ
(مِنَ الْعِشْرِينَ دِينَارًا عَلَى نِصْفِهَا) أَوْ (عَلَى هَذَا الثَّوْبِ)، فَيَقُولُ عَمْرٌو: (قَبِلْتُ).

Zaid membuat dakwaan ke atas Amar tentang sebuah rumah atau dua puluh (20) dinar yang dia berhutang kepadanya. Amar mengingkarinya dan kemudian memperakunya. Maka Zaid pun berkata kepada Amar:

“Aku membuat ṣulḥ denganmu berkenaan [tuntutanku] berkaitan rumah ini ke atas satu perdua [dari]nya,” (ṣulḥ ḥaṭīṭah) atau “ke atas pakaian ini” (ṣulḥ mu‘āwadah), atau:

“Aku membuat ṣulḥ denganmu berkenaan [tuntutanku] berkaitan dua puluh (20) dinar tersebut ke atas satu perdua [dari]nya,” (ṣulḥ ḥaṭīṭah) atau “ke atas pakaian ini” (ṣulḥ mu‘āwadah).

Amar pun berkata: “Aku terima.”

[8] Ḥawalah / Ḥiwālah (Pemindahan Hutang)

الْحَوَالَةُ (/ الْحَوَالَةُ)

Akad Pemindahan Hutang

Definisi

لُغَةً: التَّحَوُّلُ وَالْإِنْتِقَالُ.

Dari sudut bahasa: “bertukar dan berpindah.”

وَشَرْعًا: عَقْدٌ يَقْتَضِي نَقْلَ دَيْنٍ مِنْ ذِمَّةٍ إِلَى ذِمَّةٍ أُخْرَى.

Dari sudut syarak: “akad yang menjadikan perpindahan hutang dari tanggungjawab seseorang kepada tanggungjawab seorang yang lain.”

Rukun-Rukun Ḥawālah (7)

أَرْكَانُ الْحَوَالَةِ سَبْعَةٌ:

[1] مُحِيلٌ، [2] وَمُحْتَالٌ، [3] وَمُحَالٌ عَلَيْهِ، [4] وَدَيْنٌ لِلْمُحْتَالِ عَلَى الْمُحِيلِ،
[5] وَدَيْنٌ لِلْمُحِيلِ عَلَى الْمُحَالِ عَلَيْهِ، [6] وَإِيجَابٌ، [7] وَقَبُولٌ.

Rukun-rukun ḥawālah adalah tujuh (7) perkara:

1. Muḥīl (pihak yang memindahkan kewajipan hutangnya).
2. Muḥtāl (pihak yang dipindahkan hak hutangnya).
3. Muḥāl ‘alayh (pihak yang dipindahkan kewajipan hutang ke atasnya).
4. Hutang milik muḥtāl ke atas muḥīl.
5. Hutang milik muḥīl ke atas muḥāl ‘alayh.

6. Ijab.
7. Qabul.

Syarat-Syarat Muḥīl dan Muḥtāl (4)

يُشْتَرَطُ فِي الْمُحِيلِ وَالْمُحْتَالِ: مَا يُشْتَرَطُ فِي الْبَائِعِ وَالْمُشْتَرِي،

Disyaratkan pada muḥīl (pemindah hutang) dan muḥtāl (pihak yang dipindahkan hak hutang) sepertimana yang disyaratkan pada penjual dan pembeli.

Syarat-Syarat Ijāb dan Qabūl (13)

وَفِي الْإِجَابِ وَالْقَبُولِ: مَا يُشْتَرَطُ فِي صِغَةِ الْبَيْعِ.

Dan disyaratkan pada ijab dan qabul [akad ḥawālah] sepertimana yang disyaratkan pada ungkapan jual beli.

Syarat-Syarat Dua Hutang pada Ḥawālah (4)

شُرُوطُ الدَّيْنَيْنِ أَرْبَعَةٌ:

[1] ثُبُوتُهُمَا، [2] وَصِحَّةُ الْإِعْتِيَاظِ عَنْهُمَا، [3] وَعِلْمُ الْعَاقِدَيْنِ بِهِمَا، قَدْرًا، وَجِنْسًا، وَصِفَةً، وَحُلُولًا، وَتَأْجِيلًا، [4] وَتَسَاوِيَهُمَا فِيهَا.

Syarat-syarat bagi kedua-dua hutang tersebut adalah empat (4) perkara:

1. Kedua-duanya telah tetap.
2. Kedua-duanya boleh digantikan.

3. Pengetahun kedua-dua pihak berkenaan kedua-dua hutang tersebut: dari sudut kadar/kuantiti, jenis, sifat/kualiti, kematangan dan penangguhan.
4. Kedua-dua hutang tersebut adalah sama pada [ciri-ciri] tersebut.

Gambaran Akad Ḥawālah

صُورَةُ الْحَوَالَةِ:

Gambaran akad ḥawālah:

أَنْ يَكُونَ لِزَيْدٍ عَلَى عَمْرٍو أَلْفُ دِينَارٍ دَيْنًا حَالَةً صَحِيحَةً، وَلِعَمْرٍو عَلَى بَكْرٍ مِثْلُهَا، فَيَقُولُ عَمْرٌو لِزَيْدٍ: (أَحْلَتُكَ بِالْأَلْفِ الَّتِي لَكَ عَلَيَّ عَلَى بَكْرٍ)، فَيَقُولُ زَيْدٌ: (قَبِلْتُ).

Amar mempunyai kewajipan hutang terhadap Zaid sebanyak seribu (1,000) dinar yang telah matang dan sah (ṣaḥīḥ).

Bakar pula mempunyai kewajipan hutang yang sama terhadap Amar.

Maka Amar (muḥīl) berkata kepada Zaid (muḥtāl): “Aku memindahkan hutang seribu (1,000) dinar yang aku perlu bayar kepada kamu dengan hutang yang sama ke atas Bakar (muḥāl ‘alayh) untuk aku. [Maka selepas ini, tuntutan hutang tersebut daripada Bakar.]”

Zaid pun berkata: “Aku terima [ḥawālah ini].”

[9] Ḍamān (Jaminan)

الضَّمانُ

Jaminan/ Tanggungan

Definisi

لُغَةً: الْإِلْتِزَامُ.

Dari sudut bahasa: “tanggungjawab/ bertanggungjawab/ komitmen.”

وَشَرْعًا: الْإِتِّزَامُ حَقٌّ ثَابِتٌ فِي ذِمَّةِ الْغَيْرِ، أَوْ إِحْضَارُ عَيْنٍ مَّضْمُونَةٍ، أَوْ بَدَنٍ مَنْ يُسْتَحَقُّ حُضُورَهُ.

Dari sudut syarak pula, ia bermaksud:

[1] “Bertanggungjawab bagi hak (hutang) yang telah tetap di dalam tanggungjawab pihak lain (kafālat al-dayn),” atau:

[2] “Bertanggungjawab bagi menghadirkan barang yang dijamin, (kafālat al-‘ayn)” atau:

[3] “Bertanggungjawab bagi menghadirkan seseorang yang dikehendaki kehadirannya (kafālat al-badan/ al-wajh/ al-nafs).”

Rukun-Rukun Akad Ḍamān (5)

أَرْكَانُ الضَّمانِ خَمْسَةٌ:

[1] ضَامِنٌ، [2] وَمَضْمُونٌ لَهُ، [3] وَمَضْمُونٌ عَنْهُ، [4] وَمَضْمُونٌ، [5] وَصِيعَةٌ.

Rukun-rukun akad ḍamān adalah lima (5) perkara:

1. Penjamin.
2. Pihak penerima manfaat jaminan.
3. Pihak yang dijamin baginya.
4. Subjek/ perkara yang dijamin.
5. Ungkapan akad.

Syarat-Syarat Penjamin (Dāmin) (4)

شُرُوطُ الضَّامِنِ أَرْبَعَةٌ:

[1] أَنْ يَكُونَ فِيهِ أَهْلِيَّةُ التَّبَرُّعِ، [2] وَأَنْ يَكُونَ مُحْتَارًا، [3] وَأَنْ يَأْذَنَ لَهُ الْمَضْمُونُ أَوْ وَلِيُّهُ فِي ضَمَانِ الْبَدَنِ، [4] وَأَنْ يَكُونَ قَادِرًا عَلَى انْتِزَاعِ الْعَيْنِ فِي ضَمَانِ رَدِّهَا، أَوْ يَأْذَنَ لَهُ الْمَضْمُونُ عَنْهُ.

Syarat-syarat penjamin adalah empat (4) perkara:

1. Dia ialah seorang yang memiliki kelayakan bertabarru'.
2. Dia ialah seorang yang diberi pilihan/ sukarela (tidak dipaksa).
3. Dalam kes jaminan badan, pihak yang dijamin atau walinya memberikan keizinan baginya [untuk menjamin].
4. Dia ialah seorang yang mampu mengambil barang apabila berkaitan jaminan untuk mengembalikannya, atau pihak yang menerima manfaat jaminan memberi keizinan kepadanya.

Syarat Pihak Yang Mendapat Manfaat Jaminan (Maḍmūn lahu)

(1)

شَرَطُ الْمَضْمُونِ لَهُ:

أَنْ يَعْرِفَهُ الضَّامِنُ بِعَيْنِهِ.

Syarat pihak menerima manfaat jaminan: dia dikenali oleh pihak penjamin secara spesifik.

Syarat Pihak Yang Dijamin (Maḍmūn ‘anhu) (1)

شَرَطُ الْمَضْمُونِ عَنْهُ:

كَوْنُهُ مَدِينًا.

Syarat pihak yang dijamin: dia adalah seorang yang berhutang.

Syarat-Syarat Perkara Yang Dijamin (Maḍmūn) (3)

شُرُوطُ الْمَضْمُونِ ثَلَاثَةٌ:

[1] ثُبُوتُهُ، [2] وَلِزُومُهُ، [3] وَعِلْمُ الضَّامِنِ بِهِ جِنْسًا، وَقَدْرًا، وَصِفَةً، وَعَيْنًا

Syarat-syarat subjek/ perkara yang dijamin adalah tiga (3) perkara:

1. Ia telah tetap.
2. Ia telah lazim (wajib).
3. Penjamin mempunyai maklumat berkenaannya dari sudut jenis, kadar, sifat dan ain. (kualiti, kuantiti dan spesifikasi).

Syarat-Syarat Ungkapan Ḍamān (Jaminan) (3)

شُرُوطُ صِيغَةِ الضَّمَانِ ثَلَاثَةٌ:

أَنْ تَكُونَ بِلَفْظٍ يُشْعِرُ بِ: [1] الْإِلْتِزَامِ، [2] وَعَدَمِ التَّعْلِيْقِ، [3] وَعَدَمِ التَّأْقِيْتِ.

Syarat-syarat ungkapan jaminan adalah tiga (3) perkara:

1. Ia adalah dengan lafaz yang menunjukkan “kebertanggungjawaban.”
2. Ia tidak digantung pada perkara lain.
3. Ia tidak dihadkan dengan masa.

Gambaran Akad Ḍamān (Jaminan)

[صُورَةُ الضَّمَانِ:]

Contoh-contoh akad jaminan:

Contoh 1: Jaminan Hutang (al-Dayn)

صُورَةُ ضَمَانِ الدَّيْنِ:

Contoh jaminan hutang (al-dayn):

أَنْ يَكُونَ لِزَيْدٍ عَلَى عَمْرٍو مِئَةُ دِينَارٍ دَيْنًا لَازِمًا، فَيَقُولُ بَكَرٌ لِّزَيْدٍ: (ضَمِنْتُ دَيْنَكَ عَلَى عَمْرٍو).

Zaid (pemiutang) mempunyai hutang [miliknya] yang wajib dibayar oleh Amar (penghutang) sebanyak seratus (100) dinar yang telah lazim. Maka Bakar (pihak ketiga) berkata kepada Zaid: “Aku menjamin hutang [milik] kamu yang wajib dibayar oleh Amar.”

Contoh 2: Jaminan Pemulangan/ Pengambilan Barang (al-‘Ayn)

صُورَةٌ ضَمَانٍ رَدِّ الْعَيْنِ:

Contoh jaminan memulangkan barang (al-‘ayn):

أَنْ يَضَعَ زَيْدٌ يَدَهُ غَضَبًا عَلَى دَابَّةٍ لِعَمْرٍو، فَيَقُولُ بَكَرٌ لِعَمْرٍو: (ضَمِنْتُ رَدَّ دَابَّتِكَ الَّتِي غَضَبَهَا مِنْكَ زَيْدٌ).

Zaid merampas seekor haiwan milik Amar. Maka Bakar berkata kepada Amar: “Aku memberi jaminan untuk memulangkan haiwan [milik]mu yang telah dirampas oleh Zaid daripadamu.”

Contoh 3: Jaminan Kehadiran Individu (al-Badan)

صُورَةٌ ضَمَانِ الْبَدَنِ الْمُسَمَّى بِالْكَفَالَةِ:

Contoh jaminan bagi menghadirkan individu (al-badan) – yang dinamakan sebagai kafālah*:

أَنْ يَكُونَ لَزَيْدٍ عَلَى عَمْرٍو حَقٌّ مَالِيٌّ أَوْ قِصَاصٌ أَوْ حَدٌّ قَذْفٍ، فَيَقُولُ بَكَرٌ لَزَيْدٍ: (تَكَفَّلْتُ لَكَ بِبَدَنِ عَمْرٍو).

Zaid memiliki [tuntutan] ke atas Amar dalam bentuk hak [tuntutan] harta, atau [tuntutan] qisāṣ, atau [tuntutan] hukum hudud qadzaf. Maka Bakar berkata kepada Zaid: “Aku memberi jaminan untuk menghadirkan Amar kepada kamu.”

[*Mazhab Syafie menggunakan istilah “kafālah” bagi merujuk kepada jaminan bagi menghadirkan individu.]

[10] Sharikah (Perkongasian Modal)

الشَّرِكَةُ

Akad Perkongasian / Perkongasian Modal (Wang/Harta) /
Perkongasian Untung dan Rugi / Mushārah

Definisi

لُغَةً: الْإِخْتِلَاطُ.

Dari sudut bahasa: “percampuran.”

وَشَرْعًا: عَقْدٌ يَقْتَضِي ثُبُوتَ الْحَقِّ فِي شَيْءٍ لِأَيْنَيْنِ فَأَكْثَرَ عَلَى جِهَةِ الشُّيُوعِ.

Dari sudut syarak: “akad yang memberi implikasi bagi penetapan hak pada sesuatu bagi dua orang/ pihak atau lebih secara menyeluruh.”

Rukun-Rukun Akad Sharikah (5)

أَرْكَانُ الشَّرِكَةِ خَمْسَةٌ:

[1]، [2] عَاقِدَانِ، [3]، [4] وَمَالَانِ، [5] وَصِيغَةٌ.

Rukun-rukun akad sharikah adalah lima (5) perkara:

- 1 & 2: Dua pihak yang berakad.
- 3 & 4: Dua harta (atau modal).
- 5: Ungkapan akad.

Syarat Pihak Pemodal Sharikah (2/1)

شَرَطُ عَاقِدِي الشَّرِكَةِ:

[أ] أَهْلِيَّةُ التَّوَكُّلِ وَالتَّوَكُّلِ إِنْ تَصَرَّفَا، [ب] وَإِلَّا... فَالتَّوَكُّلُ فِي الْمُتَصَرِّفِ وَالتَّوَكُّلُ فَقَطُ فِي غَيْرِهِ.

Syarat dua pihak yang melaksanakan akad sharikah: [a] kelayakan memberi perwakilan (tawakul) dan menjadi wakil (tawakkul) sekiranya kedua-dua pemodal melakukan tasaruf [pada harta sharikah].

[b] Jika tidak, maka kelayakan menjadi wakil (tawakkul) [disyaratkan] pada pihak yang melakukan tasaruf [pada harta sharikah]; dan hanya kelayakan tawakul (melantik wakil) [disyaratkan] sahaja pada selainnya.


Syarat-Syarat Harta Modal Sharikah (4)

شُرُوطُ مَالِي الشَّرِكَةِ أَرْبَعَةٌ:

[1] اتِّفَاقُهُمَا جِنْسًا وَصِفَةً، [2] وَاخْتِلَاطُهُمَا، [3] وَالْإِذْنُ فِي التَّصَرُّفِ فِيهِمَا لِمَنْ يَتَصَرَّفُ، [4] وَكَوْنُ الرِّبْحِ وَالْخُسْرَانِ عَلَى قَدْرِهِمَا.


Syarat-syarat dua harta (modal) yang menjadi subjek akad sharikah adalah empat (4) perkara:

1. Kesamaan kedua-dua harta dari sudut jenis dan sifat.
2. Percampuran kedua-dua harta.
3. Kebenaran untuk bertasaruf bagi pihak yang perlu melakukan tasaruf pada kedua-dua harta [modal yang telah dicampurkan].
4. Keuntungan dan kerugian berdasarkan kadar harta (modal).

 Keberhakan Keuntungan dan Tanggungan Kerugian di dalam Akad Perkongsian Untung Rugi (Sharikah; Mushārah).

Bagi mazhab Syafie dan Hanbali, kaedah pembahagian keuntungan dan tanggungan kerugian ialah berdasarkan kadar/nisbah modal.

Kaedah Pembahagian Keuntungan	Kaedah Tanggungan Kerugian
الرَّبْحُ عَلَى قَدْرِ الْمَالَيْنِ	الْوَضِيعَةُ عَلَى قَدْرِ الْمَالَيْنِ
Keberhakan keuntungan adalah berdasarkan kadar pemilikan harta modal.	Tanggungan kerugian adalah berdasarkan kadar pemilikan harta modal.

 Bagi mazhab Hanafi dan Maliki, kaedah pembahagian keuntungan adalah berdasarkan persetujuan dan kaedah tanggungan kerugian adalah berdasarkan kadar/nisbah modal.

Kaedah Pembahagian Keuntungan	Kaedah Tanggungan Kerugian
الرَّبْحُ عَلَى شَرْطًا	الْوَضِيعَةُ عَلَى قَدْرِ الْمَالَيْنِ
Keberhakan keuntungan adalah berdasarkan syarat yang telah dipersetujui.	Tanggungan kerugian adalah berdasarkan kadar pemilikan harta modal.

Syarat Ungkapan (1)

شَرَطُ صِيغَةِ الشَّرِكَةِ:

أَنْ تُشْعِرَ بِالِإِذْنِ فِي التَّصَرُّفِ لِمَنْ يَتَصَرَّفُ.

Syarat *ṣiġah* akad *sharikah* ialah:

Hendaklah ia mengandungi makna keizinan untuk *tasaruf* bagi pihak yang melakukan *tasaruf*.

Gambaran Akad *Sharikah*

صُورَةُ الشَّرِكَةِ:

Gambaran akad *sharikah*:

أَنْ يَأْتِيَ زَيْدٌ بِمِئَةِ دِينَارٍ وَعَمْرٌو بِمِثْلِهَا، ثُمَّ يَخْلِطَاهَا، ثُمَّ يَقُولَا: (إِشْتَرَكْنَا وَأَذِنَّا فِي التَّصَرُّفِ).

Zaid membawa seratus (100) dinar dan Amar juga membawa jumlah yang sama. Kemudian, mereka berdua mencampurkannya dan berkata: “Kita telah melakukan *sharikah* (perkongasian) dan kita telah memberi keizinan [sesama kita] untuk bertasaruf [pada modal tersebut].”

[11] Wakālah (Perwakilan)

الْوَكَالَةُ

Akad Perwakilan (Melantik Wakil dan Menjadi Wakil)

Definisi

لُغَةً: التَّفْوِيضُ.

Dari sudut bahasa: “penyerahan urusan.”

وَأَصْطِلَاحًا: تَفْوِيضُ شَخْصٍ مَا لَهُ فِعْلُهُ مِمَّا يَقْبَلُ النِّيَابَةَ إِلَى غَيْرِهِ بِصِيغَةٍ، لَا لِيَفْعَلَهُ بَعْدَ مَوْتِهِ.

Dari sudut istilah: “penyerahan urusan oleh seseorang bagi perkara yang boleh dilakukan olehnya sendiri dan boleh digantikan kepada orang lain dengan ungkapan [akad], dan bukanlah untuk dilakukan selepas kewafatannya¹¹.”

Rukun-Rukun Wakālah (4)

أَرْكَانُ الْوَكَالَةِ أَرْبَعَةٌ:

[1] مُوَكَّلٌ، [2] وَوَكِيلٌ، [3] وَمُوَكَّلٌ فِيهِ، [4] وَصِيغَةٌ.

Rukun-rukun wakālah adalah empat (4) perkara:

1. Pewakil (*muwakkil*: [pihak yang melantik wakil]).
2. Wakil (pihak yang dilantik menjadi wakil).
3. Subjek/ pekerjaan yang diwakilkan.

¹¹ Sekiranya perkara tersebut dilakukan selepas kematiannya, maka ia adalah akad al-wiṣāyah.

4. Ungkapan akad.

Syarat Perwakilan (1)

شَرَطُ الْمُوَكَّلِ:

صِحَّةُ مُبَاشَرَتِهِ الْمُوَكَّلَ فِيهِ.

Syarat perwakilan: sah [dan berhak] untuknya melaksanakan secara langsung pekerjaan yang diwakilkan [kepada pihak lain].

Syarat-Syarat Wakil (2)

شُرُوطُ الْوَكِيلِ اثْنَانِ:

[1] صِحَّةُ مُبَاشَرَتِهِ التَّصَرُّفَ الْمَأْذُونِ فِيهِ لِنَفْسِهِ، [2] وَتَعْيِينُهُ.

Syarat-syarat wakil adalah dua (2) perkara:

1. Sah tasarufnya secara langsung bagi perkara yang diberikan keizinan untuk dia melakukannya bagi dirinya.
2. Penentuan pada dirinya [oleh perwakilan].

Syarat-syarat Tugas/ Pekerjaan Yang Diwakilkan (3)

شُرُوطُ الْمُوَكَّلِ فِيهِ ثَلَاثٌ:

[1] أَنْ يَمْلِكَهُ الْمُوَكَّلُ، [2] وَأَنْ يَكُونَ قَابِلًا لِلنِّيَابَةِ، [3] وَأَنْ يَكُونَ مَعْلُومًا
وَلَوْ بِوَجْهِهِ.

Syarat-syarat bagi tugas/ pekerjaan yang diwakilkan adalah tiga (3) perkara:

1. Pihak perwakilan memiliki hak untuk melakukannya.
2. Tugas tersebut boleh menerima penggantian [pada pelakunya].
3. Ia diketahui walaupun daripada satu sudut sahaja.

Syarat-syarat Ungkapan Wakālah (3)

شُرُوطُ صِيغَةِ الْوَكَالَةِ ثَلَاثَةٌ:

[1] لَفْظٌ مِنَ الْمَوْكَلِّ أَوْ الْوَكِيلِ يُشْعِرُ بِالرَّضَى، [2] وَعَدَمُ الرَّدِّ مِنَ الْآخِرِ، [3] وَعَدَمُ التَّعْلِيْقِ.

Syarat-syarat ungkapan akad wakālah adalah tiga (3) perkara:

1. Lafaz daripada perwakilan atau wakil yang mengandungi makna kerelaan [akad wakālah].
2. Tiada penolakan daripada pihak yang lain.
3. Tiada taklik (dikaitkan dengan peristiwa tertentu).

Gambaran Akad Wakālah

صُورَةُ الْوَكَالَةِ:

Gambaran akad wakālah:

أَنْ يَقُولَ زَيْدٌ لِعَمْرٍو: (وَكَّلْتُكَ فِي بَيْعِ دَارِي)، فَيَقُولُ عَمْرٍو: (قَبِلْتُ) أَوْ يَسْكُتُ.

Zaid berkata kepada Amar: “Aku mewakilkan kamu bagi menjual rumahku.”

Maka Amar berkata: “Aku terima [perwakilan ini]” atau beliau diam [tanpa menolak].

[12] Iqrār (Pengakuan)

الإقرار

Pengakuan

Definisi

لُغَةً: الْإِثْبَاتُ،

Dari sudut bahasa, iqrār bermakna: “menetapkan.”

وَشَرْعًا: إِخْبَارُ الشَّخْصِ بِحَقِّ عَلَيْهِ.

Dari sudut syarak, iqrār bermakna: “pemberitahuan oleh seseorang tentang kewajiban ke atasnya [terhadap sesuatu/ pihak lain].”

Rukun-Rukun Iqrār (4)

أَرْكَانُ الْإِقْرَارِ أَرْبَعَةٌ:

[1] مُقَرَّرٌ، [2] وَمُقَرَّرٌ لَهُ، [3] وَمُقَرَّرٌ بِهِ، [4] وَصِيغَةٌ.

Rukun-rukun pengakuan adalah empat (4) perkara:

1. Pengaku.
2. Pihak yang dibuat pengakuan untuknya.
3. Perkara/barang yang dibuat pengakuan padanya.
4. Ungkapan pengakuan.

Syarat-Syarat Pengaku/ Pembuat Pengakuan (2)

شُرُوطُ الْمُقَرَّرِ اثْنَانِ:

[1] إِطْلَاقُ التَّصَرُّفِ، [2] وَالْإِخْتِيَارُ.

Syarat-syarat pengaku adalah dua (2) perkara:

1. Memiliki hak sepenuhnya untuk melakukan tindakan tasaruf.
2. Pilihan (tanpa paksaan) / sukarela.

Syarat-Syarat Pihak Yang Dibuat Pengakuan Untuknya (3)

شُرُوطُ الْمُقَرَّرِ لَهُ ثَلَاثَةٌ:

[1] أَنْ يَكُونَ مُعَيَّنًا نَوْعَ تَعْيِينٍ، [2] وَأَهْلِيَّتُهُ لِاسْتِحْقَاقِ الْمُقَرَّرِ بِهِ، [3] وَأَنْ لَا يُكْذِبَ الْمُقَرَّرَ.

Syarat-syarat bagi pihak yang dibuat pengakuan untuknya adalah tiga (3) perkara:

1. Hendaklah dia ditentukan dengan penentuan yang jelas (naw').
2. Kelayakannya untuk memiliki perkara yang dibuat pengakuan.
3. Dia tidak mendustakan pihak pengaku.

Syarat-Syarat Subjek Pengakuan (2)

شُرُوطُ الْمُقَرَّرِ بِهِ اثْنَانِ:

[1] أَلَّا يَكُونَ مِلْكًا لِلْمُقَرَّرِ حِينَ يُقَرَّرُ، [2] وَأَنْ يَكُونَ بِيَدِ الْمُقَرَّرِ وَلَوْ مَالًا.

Syarat-syarat subjek pengakuan adalah dua (2) perkara:

1. Ia tidak dimiliki oleh pengaku ketika membuat pengakuan.
2. Ia berada di tangan pengaku walaupun pada masa akan datang.

Syarat-Syarat Ungkapan Pengakuan (1)

شَرَطُ صِيغَةِ الْإِقْرَارِ:

لَفْظٌ يُشْعِرُ بِالتَّزَامِ بِحَقِّ.

Syarat ungkapan pengakuan: Lafaz yang memberi makna kewajipan [ke atasnya] bagi sesuatu hak [milik orang lain].

Gambaran Iqrār

صُورَةُ الْإِقْرَارِ:

Gambaran bagi pengakuan:

أَنْ يَقُولَ زَيْدٌ: (هَذَا الثَّوبُ لِعَمْرٍو).

Zaid berkata: “Baju ini adalah milik Amar”; atau

أَوْ يَقُولَ: (عَلَيَّ لِعَمْرٍو أَلْفُ دِينَارٍ).

Zaid berkata: “Aku berhutang kepada Amar sebanyak seribu dinar.”

[13] ‘Āriyyah (Pinjaman Kegunaan)

الْعَارِيَّةُ

Akad Pinjaman [Bagi Barang Tidak Pakai Habis (*Musta'mal*)]

Definisi

لُغَةً: اسْمٌ لِمَا يُعَارُ وَلِعَقْدِهَا.

Dari sudut bahasa: nama bagi barang yang diberi pinjam dan bagi akad pinjaman tersebut.

وَشَرْعًا: إِبَاحَةُ الْإِنْتِفَاعِ بِمَا يَحِلُّ الْإِنْتِفَاعُ بِهِ مَعَ بَقَاءِ عَيْنِهِ بِصِيغَةٍ.

Dari sudut syarak: “mengharuskan penggunaan manfaat bagi barang yang dihalalkan manfaatnya, dengan berkekalan ainnya/fizikalnya, melalui ungkapan [akad].”

Rukun-Rukun ‘Āriyyah (4)

أَرْكَانُ الْعَارِيَّةِ أَرْبَعَةٌ:

[1] مُعِيرٌ، [2] وَمُسْتَعِيرٌ، [3] وَمُعَارٌ، [4] وَصِيغَةٌ.

Rukun-rukun ‘āriyyah adalah empat (4) perkara:

1. Pemberi pinjam.
2. Peminjam.
3. Barang yang dipinjam.
4. Ungkapan akad.

Syarat-Syarat Pemberi Pinjam (3)

شُرُوطُ الْمُعِيرِ ثَلَاثَةٌ:

[1] الْإِخْتِيَارُ، [2] وَصِحَّةُ التَّبَرُّعِ، [3] وَمِلْكُهُ الْمَنْفَعَةَ.

Syarat-syarat pemberi pinjam adalah tiga (3) perkara:

1. Pilihan (tanpa paksaan) / sukarela.
2. Kesahihahan (/kelayakan) untuk bertabarru'.
3. Pemilikannya bagi manfaat barang tersebut.

Syarat-Syarat Peminjam (2)

شُرُوطُ الْمُسْتَعِيرِ اثْنَانِ:

[1] التَّعْيِينُ، [2] وَإِطْلَاقُ التَّصَرُّفِ.

Syarat-syarat peminjam adalah dua (2) perkara:

1. Ditentukan.
2. Mempunyai kelayakan secara penuh bagi tasaruf.

Syarat-Syarat Perkara Yang Dipinjam (4)

شُرُوطُ الْمُعَارِ أَرْبَعَةٌ:

[1] أَنْ يَسْتَفِيدَ الْمُسْتَعِيرُ مَنَفَعَتَهُ، [2] وَأَنْ تَكُونَ مُبَاحَةً، [3] وَأَنْ تَكُونَ مَقْصُودَةً، [4] وَأَنْ يَكُونَ الْإِنْتِفَاعُ بِهِ مَعَ بَقَائِهِ.

Syarat-syarat barang yang dipinjam adalah empat (4) perkara:

1. Peminjam boleh mengambil faedah daripada manfaatnya.

2. Ia adalah sesuatu yang harus/halal.
3. Ia adalah dimaksudkan (sesuai tujuan dengan barang).
4. Ia boleh dimanfaatkan dengan berkekalan ainnya/ fizikalnya.

Syarat Ungkapan (1)

شَرَطُ صِيغَةِ الْعَارِيَّةِ:

لَفْظٌ يُشْعِرُ بِالِإِذْنِ فِي الْإِنْتِفَاعِ أَوْ بِطَلْبِهِ، مَعَ لَفْظِ الْآخِرِ أَوْ فِعْلِهِ.

Syarat ungkapan ‘āriyyah: lafaz yang memberi makna tentang keizinan untuk mengambil manfaat/ penggunaan [oleh pemberi pinjam], atau dengan permintaan [oleh si peminjam], dengan lafaz [penerimaan/ keizinan] daripada pihak lain (pemberi pinjam), atau perbuatannya [yang menunjukkan keizinannya].

Gambaran Akad al-‘Āriyyah

صُورَةُ الْعَارِيَّةِ:

Gambaran akad ‘āriyyah:

أَنْ يَقُولَ زَيْدٌ لِعَمْرٍو: (أَعْرَيْتُكَ هَذَا الثَّوْبَ لِتَلْبَسَهُ)، فَيَقُولُ عَمْرٍو: (قَبِلْتُ) أَوْ يَقْبِضُ.

Zaid berkata kepada Amar: “Aku memberi pinjam kepadamu baju ini untuk engkau memakainya.” Amar pun berkata: “Aku terima,” atau dia mengambilnya.

[14] Ghaṣb (Rampasan)

الْغَصْبُ

Rampasan

Definisi

لُغَةً: أَخَذَ الشَّيْءَ ظُلْمًا.

Dari dari sudut bahasa: “mengambil sesuatu dengan cara yang zalim.”

وَشَرْعًا: اسْتَيْلَاءٌ عَلَى حَقِّ الْغَيْرِ بِغَيْرِ حَقٍّ.

Dari sudut syarak: “menguasai hak milik orang lain tanpa kebenaran.”

Jenis-jenis Rampasan dan Hukumnya (4)

وَالْغَصْبُ عَلَى أَنْوَاعٍ:

Rampasan itu mempunyai beberapa jenis iaitu:

[1] مَا يَكُونُ فِيهِ الضَّمَانُ وَالْإِثْمُ: كَمَا إِذَا اسْتَوْلَى عَلَى مَالِ غَيْرِهِ الْمُتَمَوَّلِ عُدْوَانًا.

[1] Rampasan yang menyebabkan kewajipan gantirugi dan dosa: Seperti apabila seseorang itu merampas harta orang lain yang bernilai (berkembang) secara keras/bermusuh.

[2] مَا يَكُونُ فِيهِ الْإِثْمُ دُونَ الضَّمَانِ: كَمَا إِذَا اسْتَوْلَى عَلَى اخْتِصَاصِ غَيْرِهِ أَوْ مَالِهِ الَّذِي لَا يَتَمَوَّلُ عُدْوَانًا.

[2] Rampasan yang menyebabkan dosa tanpa kewajiban gantirugi: Seperti apabila seseorang itu menguasai hak khusus orang lain atau harta orang lain yang tidak bernilai secara keras/bermusuh.

[3] مَا يَكُونُ فِيهِ الضَّمَانُ دُونَ الْإِثْمِ: كَمَا إِذَا اسْتَوْلَى عَلَى مَالٍ غَيْرِهِ الْمُتَمَوِّلُ يَظُنُّهُ مَالَهُ.

[3] Rampasan yang menyebabkan kewajiban ganti rugi tanpa dosa: Seperti apabila seseorang itu menguasai harta orang lain yang bernilai dengan sangkaan bahawa itu adalah hartanya.

[4] مَا يَنْتَفِي فِيهِ الضَّمَانُ وَالْإِثْمُ: كَأَن يَأْخُذَ اخْتِصَاصَ غَيْرِهِ يَظُنُّهُ اخْتِصَاصَهُ.

[4] Rampasan yang tidak menyebabkan kewajiban gantirugi atau dosa:

Seperti apabila seseorang itu mengambil hak khusus orang lain yang dengan sangkaan bahawa itu adalah hak khususnya.

Gambaran al-Ghaṣb

صُورَةُ الْغَصْبِ:

Gambaran rampasan:

أَنَّ يَرْكَبَ زَيْدٌ دَابَّةَ عَمْرٍو بِغَيْرِ إِذْنِهِ.

Zaid menunggang binatang tunggangan milik Amar tanpa kebenarannya.

[15] Shuf'ah (Hak Membeli Secara Paksa)

الشُّفْعَةُ

Shuf'ah (Hak Membeli Secara Paksa bagi Menjaga Kemaslahatan dan Mengelak Mudarat)

Definisi

لُغَةً: الضَّمُّ.

Dari sudut bahasa: “menghimpun.”

وَشَرْعًا: حَقٌّ تَمَلُّكٍ قَهْرِيٍّ يَثْبُتُ لِلشَّرِيكِ الْقَدِيمِ عَلَى الشَّرِيكِ الْحَادِثِ فِيمَا مِلْكٍ بَعْوَضٍ.

Dari sudut syarak: “hak untuk mengambil pemilikan secara paksaan yang diberikan oleh syarak kepada pemilik bersama terdahulu ke atas pemilik bersama yang baru pada apa yang dia miliki [bagi harta tak alih/hartanah] dengan bayaran ganti.”

Rukun-Rukun Hak Shuf'ah (3)

أَرْكَانُ الشُّفْعَةِ ثَلَاثَةٌ:

[1] شَفِيعٌ، [2] وَمَشْفُوعٌ، [3] وَمَشْفُوعٌ مِنْهُ.

Rukun-rukun shuf'ah adalah tiga (3) perkara:

1. Shafi' (Pemilik hak shuf'ah).
2. Mashfū' (Harta shuf'ah).
3. Mashfū' minhu (Pihak yang dikenakan ke atasnya hak shuf'ah).

Syarat Shafī' (1)

شَرُطُ الشَّفِيعِ:

كَوْنُهُ شَرِيكًا.

Syarat shafī': Ia adalah merupakan pemilik bersama¹² [bagi harta tak alih/hartanah tersebut¹³].

Syarat-Syarat Mashfū' (3)

شُرُوطُ الْمَشْفُوعِ ثَلَاثَةٌ:

[1] أَنْ يَكُونَ مِمَّا يَقْبَلُ الْقِسْمَةَ، [2] وَأَنْ يَكُونَ مِمَّا لَا يُنْقَلُ مِنَ الْأَرْضِ، [3] وَأَنْ يُمْلَكَ بِعَوَضٍ.

Syarat-syarat mashfū' (harta shuf'ah) adalah tiga (3) perkara:

1. Ia boleh dibahagikan.
2. Ia terdiri dari kalangan harta tak alih.
3. Ia dimiliki dengan bayaran ganti [sama seperti harga jualan].

Syarat Mashfū' Minhu (1)

شَرُطُ الْمَشْفُوعِ مِنْهُ:

تَأَخُّرُ سَبَبِ مِلْكِهِ عَنِ سَبَبِ مِلْكِ الشَّفِيعِ.

¹² Ḥanafiyah juga memberikan hak shuf'ah kepada jiran bersebelahan dan tidak terhad kepada pemilik bersama (*sharīk*).

¹³ Zāhiriyyah juga memberikan hak shuf'ah bagi harta alih (*manqūl*) dan tidak hanya terhad bagi harta tak alih (*'aqār*).

Syarat bagi pihak yang dikenakan ke atasnya hak shuf'ah:

Kelewatan pemilikannya [terhadap harta yang dimiliki secara bersama] tersebut berbanding pemilikan pihak shafi'.

Gambaran Shuf'ah

صُورَةُ الشُّفْعَةِ:

Gambaran aplikasi hak shuf'ah:

أَنْ يَكُونَ بَيْنَ زَيْدٍ وَعَمْرٍو دَارٌ فَيَبِيعَ زَيْدٌ حِصَّتَهُ مِنْهَا مِنْ بَكْرٍ، فَيَقُولُ عَمْرٌو لِبَكْرٍ:
(أَخَذْتُ حِصَّتَكَ بِالشُّفْعَةِ)، وَيَقْبِضُ بَكْرٌ الثَّمَنَ أَوْ يَرْضَى بِكَوْنِهِ فِي ذِمَّةِ عَمْرٍو،
أَوْ يَقْضِي لَهُ الْقَاضِي بِالشُّفْعَةِ.

Zaid dan Amar memiliki sebuah rumah yang mereka miliki secara bersama, kemudian Zaid menjual bahagian miliknya kepada Bakar. Amar pun berkata kepada Bakar: "Aku mengambil bahagianmu [yang telah engkau beli daripada Zaid] dengan [hak] shuf'ah [yang aku miliki]."

Bakar pun mengambil harga bayaran [daripada Amar] atau dia reda harga tersebut sebagai hutang ke atas Amar, atau pihak Qāḍī mengeluarkan perintah [hak] shuf'ah untuknya (Amar) [ke atas Bakar sekiranya perkara ini dibawa ke mahkamah].

[16] Qirāḍ (Perkongasian Untung)

الْقِرَاضُ

Akad Qirāḍ / Muḍarabah/ Perkongasian Untung

Definisi

لُغَةً: مُشْتَقٌّ مِنَ الْقَرَضِ؛ وَهُوَ: الْقَطْعُ.

Dari sudut bahasa: ia diterbitkan dari “al-qarḍ” yang memberi maksud “pemotongan.”

وَشَرْعًا: تَوْكِيلُ مَالِكٍ بِجَعْلِ مَالِهِ بِيَدِ آخَرَ لِيَتَّجَرَ فِيهِ، وَالرَّيْحُ مُشْتَرَكٌ بَيْنَهُمَا.

Dari sudut syarak: “akad perwakilan oleh seorang pemilik harta yang menjadikan hartanya di dalam pengurusan pihak lain untuk dia berniaga dengannya dan keuntungan [yang terhasil] dikongsikan di antara mereka berdua.”

Rukun-Rukun Qirāḍ (6)

أَرْكَانُ الْقِرَاضِ سِتَّةٌ:

[1] مَالِكٌ، [2] وَعَامِلٌ، [3] وَمَالٌ، [4] وَعَمَلٌ، [5] وَرِبْحٌ، [6] وَصِغَةٌ.

Rukun-rukun qirāḍ adalah enam (6) perkara:

1. Pemilik harta/ modal.
2. Pengusaha (‘āmil atau muḍārib).
3. Harta/ modal (ra’s al-māl).
4. Pekerjaan (usaha yang perlu dilakukan).
5. Keuntungan.

6. Ungkapan akad.

Syarat Pemilik Modal Qirāḍ (1)

شَرُطُ مَالِكِ مَالِ الْقِرَاضِ:

صِحَّةُ مُبَاشَرَتِهِ مَا قَارَضَ فِيهِ.

Syarat pemilik harta [modal] qirāḍ: kesahihan untuk melibatkan dirinya secara langsung pada subjek qirāḍ.

Syarat-Syarat 'Āmil (3)

شُرُوطُ عَامِلِ الْقِرَاضِ ثَلَاثَةٌ:

[1] صِحَّةُ مُبَاشَرَتِهِ التَّصَرُّفِ الْمَأْذُونِ فِيهِ لِنَفْسِهِ، [2] وَتَعْيِينُهُ، [3] وَأَنْ يَسْتَقِلَّ بِالْعَمَلِ.

Syarat-syarat 'āmil bagi qirāḍ adalah tiga (3) perkara:

1. Kesahihan untuk melakukan secara langsung tasaruf harta yang dibenarkan bagi dirinya.
2. Pihak 'āmil ditentukan.
3. Melakukan tugas dengan kehendak/ keputusan sendiri [tanpa terikat dengan pemilik modal].

Syarat-syarat Modal Qirāḍ (3)

شُرُوطُ مَالِ الْقِرَاضِ ثَلَاثَةٌ:

[1] أَنْ يَكُونَ نَقْدًا خَالِصًا، [2] وَأَنْ يَكُونَ مَعْلُومًا، جِنْسًا وَقَدْرًا وَصِفَةً، [3]
وَأَنْ يَكُونَ مُعَيَّنًا بِيَدِ الْعَامِلِ.

Syarat-syarat harta (modal) qirāḍ adalah tiga (3) perkara:

1. Ia adalah matawang* semata-mata.
2. Ia diketahui dari sudut jenis, kadar (kuantiti) dan sifat.
3. Ia ditentukan dengan pegangan/ penguasaan oleh ‘āmil.

**Naqd* atau kata jamaknya *nuqūd* dari sudut istilah merujuk kepada wang emas (dinar) dan perak (dirham) sahaja. Manakala wang yang diperbuat dari selain emas dan perak dinamakan sebagai *fulūs*.

Syarat-Syarat Pekerjaan ‘Āmil (2)

شُرُوطُ عَمَلِ الْقِرَاضِ اثْنَانِ:

[1] كَوْنُهُ تِجَارَةً، [2] وَأَلَّا يُضَيِّقَهُ عَلَى الْعَامِلِ.

Syarat-syarat bagi pekerjaan dalam akad qirāḍ adalah dua (2) perkara:

1. Ia hendaklah merupakan perniagaan [yang boleh menjana keuntungan].
2. Ia tidak menyebabkan kesempitan ke atas ‘āmil [bagi melaksanakan usahanya].

Syarat-Syarat Keuntungan (2)

شُرُوطُ رِبْحِ الْقِرَاضِ اثْنَانِ:

[1] كَوْنُهُ هُمًّا، [2] وَأَنْ يُشْرَطَ لِلْعَامِلِ مِنْهُ جُزْءٌ مَعْلُومٌ مِنْهُ بِالْجُزْئِيَّةِ.

Syarat-syarat keuntungan qirāḍ adalah dua (2) perkara:

1. Ia dimiliki (secara berhak oleh) mereka berdua: pemilik modal dan ‘āmil.
2. Ia disyaratkan untuk ‘āmil dalam bentuk jujuk (*juz’iyyah*: pecahan atau peratusan) yang diketahui dari keuntungan* [dan bukan dalam bentuk jumlah tertentu#].

*Contoh: 50% dari keuntungan, atau, 70% dari keuntungan, atau, 3/5 dari keuntungan. Biasanya disebut sebagai Nisbah Perkongsian Untung (NPU) atau PSR (Profit Sharing Ratio).

#Contoh: RM10,000.00 dari keuntungan.

Syarat-Syarat Ungkapan (13)

شَرَطُ صِيغَةِ الْقِرَاضِ:

شَرَطُ صِيغَةِ الْبَيْعِ.

Syarat ungkapan qirāḍ ialah: [sama seperti] syarat ungkapan jual beli.

Gambaran Akad Qirāḍ

صُورَةُ الْقِرَاضِ:

Gambaran akad qirāḍ:

أَنْ يَقُولَ زَيْدٌ لِعَمْرٍو: (قَارَضْتُكَ فِي هَذِهِ الْأَلْفِ الدِّينَارِ عَلَى أَنْ الرَّبْحَ بَيْنَنَا)،
فَيَقُولُ عَمْرٌو: (قَبِلْتُ).

Zaid berkata kepada Amar: “Aku mengqirāḍkan kamu pada seribu (1,000) dinar ini [sebagai modal], dengan pembahagian keuntungannya di antara kita (50:50).” Amar berkata: “Aku terima.”

[17] Musāqāh (Usaha Sama Penyiraman)

الْمُسَاقَاةُ

Akad Usaha Sama Penyiraman/ Penjagaan Pertanian

Definisi

لُغَةً: مَاخُوذَةٌ مِنَ السَّقْيِ.

Dari sudut bahasa: diambil dari “al-saqy” [yang bermakna menuangkan atau menyiram air].

وَشَرْعًا: مُعَامَلَةٌ الشَّخْصِ غَيْرِهِ عَلَى شَجَرٍ مَخْصُوصٍ، لِيَتَعَهَّدَهُ بِسَقْيٍ وَغَيْرِهِ، وَالثَّمَرَةَ هُمَا، بِصِغَةٍ.

Dari sudut syarak: “muamalah seseorang dengan pihak lain bagi pohon yang dikhususkan untuk dia sentiasa menjaganya dengan menyiramnya dan lain-lain, dan hasil buahnya dibahagikan di antara mereka berdua, dengan sikhāh [akad].”

Rukun-Rukun Musāqāh (6)

أَرْكَانُ الْمُسَاقَاةِ سِتَّةٌ:

[1] مَالِكٌ، [2] وَعَامِلٌ، [3] وَعَمَلٌ، [4] وَثَمَرَةٌ، [5] وَصِغَةٌ، [6] وَمَوْرِدٌ لِلْعَمَلِ.

Rukun-rukun musāqāh adalah enam (6) perkara:

1. Pemilik pokok [dan tanah].
2. ‘Āmil (Pekerja/ Pengusaha).
3. Pekerjaan.

4. Buah.
5. Ungkapan akad.
6. Pohon-pohon untuk diusahakan.

Syarat-Syarat Pemilik dan 'Āmil (1)

شَرُطُ الْمَالِكِ وَالْعَامِلِ فِي الْمُسَاقَاةِ:

شَرُطُهُمَا فِي الْقِرَاذِ.

Syarat pemilik dan 'āmil bagi akad musāqāh: adalah [seperti] syarat pemilik modal dan 'āmil bagi akad qirāḍ (muḍārabah).

Syarat-Syarat Pekerjaan Musāqāh (2)

شُرُوطُ عَمَلِ الْمُسَاقَاةِ اثْنَانِ:

[1] أَلَّا يَشْرَطَ عَلَى الْعَاقِدِ مَا لَيْسَ عَلَيْهِ، [2] وَأَنْ يُقَدَّرَ بِزَمَنِ مَعْلُومٍ يُثْمَرُ فِيهِ الشَّجَرُ غَالِبًا.

Syarat-syarat pekerjaan dalam akad musāqāh adalah dua (2) perkara:

1. Tidak mensyaratkan ke atas pihak yang berakad sesuatu yang tidak termasuk dalam tanggungjawabnya.
2. Hendaklah ia ditentukan kadarnya dengan tempoh masa yang diketahui pada kebiasaannya pokok akan berbuah.

Syarat-syarat Hasil Buah (2)

شُرُوطُ الثَّمَرَةِ اثْنَانِ:

[1] كَوْنُهَا لِلْعَاقِدَيْنِ، [2] وَكَوْنُهَا مَعْلُومَةً بِالْجُزْئِيَّةِ.

Syarat-syarat buah adalah dua (2) perkara:

1. Ia diberikan kepada kedua-dua pihak yang berakad.
2. Ia diketahui dengan juz'iyah (nisbah juzuk yang diketahui).

Syarat-Syarat Şīghah (12)

شَرْطُ صِيغَةِ الْمُسَاقَاةِ:

شَرْطُ صِيغَةِ الْبَيْعِ إِلَّا عَدَمَ التَّأْقِيتِ.

Syarat şighah akad musāqāh ialah: [seperti] syarat akad jual beli melainkan tiada penentuan masa. [Ini adalah kerana akad musāqāh perlu ditentukan masanya].

Syarat-Syarat Pokok Musāqāh (6)

شُرُوطُ مَوْرَدِ الْمُسَاقَاةِ سِتَّةٌ:

[1] أَنْ يَكُونَ نَخْلًا أَوْ عِنَبًا، [2] وَأَنْ يَكُونَ مَغْرُوسًا، [3] وَأَنْ يَكُونَ مُعَيَّنًا،
[4] وَأَنْ يَكُونَ مَرِيئًا، [5] وَأَنْ يَكُونَ بِيَدِ الْعَامِلِ، [6] وَأَنْ لَا يَبْدُو صَلَاحُ
ثَمْرِهِ.

Syarat-syarat pokok bagi akad musāqāh adalah enam (6) perkara:

1. Ia hendaklah pohon tamar atau anggur*.
2. Ia hendaklah pohon yang telah ditanam.
3. Ia hendaklah pohon yang telah ditentukan.
4. Ia hendaklah pohon yang boleh dilihat.
5. Ia hendaklah dengan usaha pihak 'āmil.

6. Ia hendaklah pohon yang belum zahir keelokan buahnya.

*Ini adalah merupakan qawl jadīd. Qawl qadīm membenarkan musāqāh pada semua jenis pokok yang berbuah (*muthmirah*).

Gambaran Akad Musāqāh

صُورَةُ الْمُسَاقَاةِ:

Gambaran akad musāqāh:

أَنْ يَقُولَ زَيْدٌ لِعَمْرٍو: (سَاقَيْتُكَ عَلَى هَذَا النَّخْلِ سَنَةً لِتَتَعَهَّدَهُ بِنِصْفِ الثَّمَرِ)،
فَيَقُولُ عَمْرٍو: (قَبِلْتُ).

Zaid berkata kepada Amar: “Aku bermusāqāh dengan kamu ke atas pokok tamar ini selama tempoh setahun untuk engkau menjaganya dan bagimu separuh dari hasil buahnya.” Amar berkata: “Aku terima.”

[18] Ijārah (Sewaan dan Upah)

الْإِجَارَةُ

Akad Sewaan atau Upah

Definisi

لُغَةً: اسْمٌ لِلْأُجْرَةِ.

Dari sudut bahasa: ia merupakan kata nama bagi upah atau sewa.

وَشَرْعًا: عَقْدٌ عَلَى مَنفَعَةٍ مَعْلُومَةٍ، مَقْصُودَةٍ، قَابِلَةٌ لِلبَدْلِ وَالْإِبَاحَةِ بِعَوَاضٍ مَعْلُومٍ.

Dari sudut syarak: ia merupakan “akad yang dilakukan ke atas suatu manfaat yang diketahui, yang dimaksudkan, yang boleh diusahakan dan diharuskan (/dibenarkan) dengan ‘iwad (ganti) yang diketahui.”

Rukun-Rukun Ijārah (4)

أَرْكَانُ الْإِجَارَةِ أَرْبَعَةٌ:

[1] صِيغَةٌ، [2] وَأُجْرَةٌ، [3] وَمَنفَعَةٌ، [4] وَعَاقِدٌ.

Rukun-rukun akad ijārah adalah empat (4) perkara:

1. Ungkapan akad.
2. Upah atau sewa.
3. Manfaat.
4. Pihak yang berakad.

Syarat-syarat Ungkapan Ijārah (12)

شَرُطُ صِيغَةِ الْإِجَارَةِ:

شَرُطُ صِيغَةِ الْبَيْعِ إِلَّا عَدَمَ التَّأْقِيتِ.

Syarat bagi ṣighah akad ijārah: ialah sama seperti syarat ṣighah jual beli, melainkan tiada penentuan masa. [Ini adalah kerana akad ijārah perlu ditentukan masanya].

Syarat-Syarat Upah (3)

شَرُطُ الْأُجْرَةِ:

[1] رُؤْيُهَا إِنْ كَانَتْ مُعَيَّنَةً، [2] وَكَوْنُهَا مَعْلُومَةً جِنْسًا وَقَدْرًا وَصِفَةً إِنْ لَمْ تَكُنْ كَذَلِكَ، [3] وَكَوْنُهَا حَالَةً مُسَلَّمَةً فِي الْمَجْلِسِ فِي إِجَارَةِ الذِّمَّةِ.

Syarat-syarat upah adalah:

1. Ia telah dilihat sekiranya ia sesuatu yang ditentukan.
2. Sekiranya ia tidak ditentukan, maka ia perlu diketahui dari sudut jenis, kadar dan sifatnya.
3. Ia perlulah diserahkan semerta (serta merta) di dalam majlis akad bagi akad upah (ijārah al-dzimmah).

Syarat-Syarat Manfaat (5)

شُرُوطُ الْمَنْفَعَةِ خَمْسَةٌ:

[1] كَوْنُهَا مُتَقَوِّمَةٌ، [2] وَكَوْنُهَا مَعْلُومَةٌ، [3] وَكَوْنُهَا مَقْدُورَةٌ التَّسْلِيمِ، [4] وَكَوْنُهَا وَاقِعَةٌ لِلْمُسْتَأْجِرِ، [5] وَكَوْنُهَا غَيْرَ مُتَضَمِّنَةٍ أَسْتِيفَاءِ عَيْنِ قَصْدًا.

Syarat-syarat manfaat adalah lima (5) perkara:

1. Ia sesuatu yang bernilai (mutaqawwim).
2. Ia sesuatu yang diketahui (ma'lūm).
3. Ia sesuatu yang mampu diambil penyerahan (maqdūr al-tasallum).
4. Ia sesuatu yang berlaku/ wujud kegunaannya bagi penyewa.
5. Ia tidak mengandungi penggunaan ain barang [sehingga habis ayn/fizikalnya] sebagai tujuan.

Syarat-Syarat Pihak Berakad (3)

شَرَطُ عَاقِدِ الْإِجَارَةِ مِنْ مُأَجَّرٍ (/ مُؤَجَّرٍ) وَمُسْتَأْجِرٍ:

شَرَطُ عَاقِدِ الْبَيْعِ مِنْ بَائِعٍ وَمُشْتَرٍ، سِوَى إِسْلَامِ الْمُسْتَأْجِرِ لِمُسْلِمٍ.

Syarat bagi pihak yang melakukan akad ijārah sama ada pemberi sewa atau upah dan penyewa atau pengambil upah: ialah sama seperti syarat bagi pihak yang melakukan akad jual beli bagi penjual dan pembeli, melainkan Islamnya penyewa bagi [hamba] muslim [dan seperti penyewa mushaf al-Quran dan alatan perang].

Gambaran Akad Ijārah

[صُورُ الْإِجَارَةِ]:

Gambaran-gambaran akad ijārah:

Ijārat al-‘Ayn

صُورَةُ إِجَارَةِ الْعَيْنِ:

Gambaran akad ijārat al-‘ayn (sewaan barang):

أَنْ يَقُولَ زَيْدٌ لِعَمْرٍو: (أَجْرْتُكَ هَذِهِ الدَّارَ سَنَةً، لِتَسْكُنَهَا بِمِئَةِ دِينَارٍ)، فَيَقُولُ
عَمْرٍو: (قَبِلْتُ).

Zaid berkata kepada Amar: “Aku menyewakan rumah ini kepada kamu selama setahun untuk kamu tinggal di dalamnya dengan seratus (100) dinar [sebagai kadar sewa].” Amar berkata: “Aku terima.”

Ijārat al-Dzimmah

صُورَةُ إِجَارَةِ الذِّمَّةِ:

Gambaran akad ijārat al-dzimmah (upah kerja):

أَنْ يَقُولَ زَيْدٌ لِعَمْرٍو: (أَلْزَمْتُ ذِمَّتَكَ حَمْلَ هَذَا الْبُرِّ إِلَى بَلَدٍ كَذَا بِهَذَا الدِّينَارِ)،
فَيَقُولُ عَمْرٍو: (قَبِلْتُ).

Zaid berkata kepada Amar: “Aku meletakkan tanggungjawab ke atasmu untuk membawa gandum ini ke negeri itu dengan dinar ini [yang telah ditentukan dan diperlihatkan atau disifatkan].” Amar berkata: “Aku terima.”

[19] Iḥyā' al-Mawāt (Mengusahakan Tanah Mawāt)

إِحْيَاءُ الْمَوَاتِ

Mengusahakan Tanah Yang Terbiar dan Tidak Dimiliki

Definisi

[لُغَةً: (إِحْيَاءُ) جَعَلَ الشَّيْءَ حَيًّا، وَ(الْمَوَاتُ) مَا لَا رُوحَ فِيهِ، وَالْمُرَادُ بِهِ: الْأَرْضُ الَّتِي لَمْ تُعْمَرَ وَلَا مَالِكَ لَهَا.

Dari sudut bahasa: iḥyā' bermaksud “menjadikan sesuatu itu hidup.”

Dan “al-mawāt” ialah “sesuatu yang tidak ada roh padanya.” Dan maksudnya ialah: “tanah yang tidak diusahakan dan tidak mempunyai pemilik.”

وَاصْطِلَاحًا: عِمَارَةُ الْأَرْضِ الْحَرَبِيَّةِ الَّتِي لَا مَالِكَ لَهَا وَلَا يَنْتَفِعُ بِهَا أَحَدٌ.

Dari sudut istilah [syarak]: “membangunkan (/mengusahakan) tanah yang terbiar yang tidak mempunyai pemilik dan tidak dimanfaatkan oleh sesiapa pun.”

Rukun-Rukun Iḥyā' al-Mawāt (2)

أَرْكَانُهُ اثْنَانِ:

[1] الإِحْيَاءُ، [2] وَالْمَوَاتُ].

Rukun-rukunnya adalah dua (2) perkara:

1. Iḥyā' (usaha menghidupkan)
2. Mawāt (tanah terbiar tanpa pemilik)

Syarat Iḥyā' (1)

إِحْيَاءُ الْمَوَاتِ الَّذِي يَتَرْتَّبُ عَلَيْهِ مِلْكُهُ:

أَنْ مِيئاً كُلُّ شَيْءٍ مِنْهُ لِمَا يُقْصَدُ مِنْهُ غَالِبًا.

Syarat iḥyā' al-mawāt yang memberi implikasi kepemilikan: disediakan setiap sesuatu daripadanya (tanah kepemilikan tersebut) bagi sesuatu tujuan yang menjadi kebiasaannya.

Syarat Tanah Mawāt (2)

الْمَوَاتُ الَّذِي يُمْلِكُ بِالْإِحْيَاءِ:

[1] أَرْضٌ لَمْ تُعْمَرَ فِي الْإِسْلَامِ، [2] وَلَمْ تَكُنْ حَرِيمَ عَامِرٍ.

Syarat bagi tanah mawāt yang boleh dimiliki dengan iḥyā':

1. Tanah yang belum pernah diusahakan sejak zaman Islam berkuasa.
2. Ia bukanlah tanah sekeliling bagi sebuah tanah yang diusahakan.

Gambaran Iḥyā' al-Mawāt

صُورَةُ إِحْيَاءِ الْمَوَاتِ:

Gambaran bagi iḥyā' al-mawāt:

أَنْ يَعْمَدَ زَيْدٌ إِلَى بُقْعَةٍ مِنَ الْمَوَاتِ لِيَجْعَلَهَا مَسْكَنًا، فَيُحَوِّطَهَا بِنِيبَاءٍ، وَيُنْصِبَ عَلَيْهَا بَابًا وَيَسْقِفَ بَعْضَهَا.

Zaid pergi dengan sengaja ke sebuah kawasan dari tanah mawāt untuk dia menjadikannya sebagai tempat tinggal, lalu dia pun membina binaan mengelilinginya, meletakkan pintu baginya dan meletakkan bumbung bagi sebahagiannya.

[20] Waqf (Wakaf)

الْوَقْفُ

Akad Wakaf¹⁴

Definisi

لُغَةً: الْحَبْسُ.

Dari sudut bahasa: “menahan.”

وَشَرْعًا: حَبْسٌ مُعَيَّنٌ، مَمْلُوكٌ، قَابِلٌ لِلنَّقْلِ، يُمَكِّنُ الْإِنْتِفَاعَ بِهِ، مَعَ بَقَاءِ عَيْنِهِ،
بِقَطْعِ التَّصَرُّفِ فِي رَقَبَتِهِ، عَلَى مَصْرِفٍ مُبَاحٍ، مَوْجُودٍ.

Dari sudut syarak: “menahan harta tertentu, yang dimiliki, boleh dipindahkan [hak miliknya], serta boleh dimanfaatkan dengan kekal ainnya, serta dengan memutuskan hak tasaruf pada

¹⁴ Wakaf: “(1) sesuatu yg diberikan untuk kegunaan orang ramai (sebagai derma), sesuatu yang diberikan atau diuntukkan bagi keperluan dan sebagainya yang berkaitan dengan agama Islam; sumur (telaga) ~ sumur (telaga) yang dibuat utk orang ramai; tanah ~ tanah yang diuntukkan bagi keperluan agama (untuk perkuburan, mendirikan masjid, dan lain-lain); (2) badan (institusi) yang dibentuk yang ada kaitan dengan agama Islam; berwakaf memberikan sesuatu (tanah, harta, dan lain-lain) untuk keperluan (kegunaan) umum atau keagamaan; mewakafkan memberikan (tanah, harta, dan lain-lain) untuk kegunaan orang ramai, memberikan se-suatu untuk hal atau keperluan yang berkaitan dengan agama: pokok manggis itu diwakafkan kepada sesiapa yang tidak mempunyai pokok manggis dalam paraknya; pewakaf orang yang mewakafkan sesuatu: ~ berkuasa menentukan orang yg bertanggungjawab sebagai pentadbir harta wakafnya.” (Kamus Dewan Edisi Keempat).

pemilikannya¹⁵, [dibenarkan manfaat dan hasilnya] bagi pihak yang dibenarkan dan wujud.”

Rukun-Rukun Wakaf (4)

أَرْكَانُ الْوَقْفِ أَرْبَعَةٌ:

[1] وَاقِفٌ، [2] وَمَوْقُوفٌ عَلَيْهِ، [3] وَمَوْقُوفٌ، [4] وَصِغَةٌ.

Rukun-rukun wakaf adalah empat (4) perkara:

1. Pewakaf (wāqif).
2. Penerima wakaf (mawqūf ‘alayh).
3. Harta wakaf (mawqūf).
4. Ungkapan akad wakaf (ṣīghah).

Syarat-Syarat Pewakaf (2)

شُرُوطُ الْوَأَقِفِ اثْنَانِ:

[1] الْإِخْتِيَارُ، [3] وَأَهْلِيَّةُ التَّبَرُّعِ فِي الْحَيَاةِ.

Syarat-syarat pewakaf adalah dua (2) perkara:

1. Pilihan (tanpa paksaan)/ sukarela.
2. Kelayakan bertabarru' pada waktu hidup.

¹⁵ Menurut mazhab Syafie, harta yang telah diwakafkan menjadi milik Allah.

Syarat-syarat Penerima Wakaf (2)

شُرُوطُ الْمَوْقُوفِ عَلَيْهِ اثْنَانِ:

[1] أَنْ لَا يَكُونَ مَعْصِيَةً، [2] وَإِمْكَانُ تَمَلُّكِهِ إِنْ كَانَ مُعَيَّنًا.

Syarat-syarat penerima wakaf adalah dua (2) perkara:

1. Bukan maksiat.
2. Boleh mengambil pemilikan sekiranya ia ditentukan [oleh pewakaf].

Syarat-Syarat Harta Wakaf (8)

شُرُوطُ الْمَوْقُوفِ ثَمَانِيَةٌ:

[1] كَوْنُهُ عَيْنًا، [2] وَكَوْنُهَا مُعَيَّنَةً، [3] وَكَوْنُهَا مَمْلُوكَةً، [4] وَكَوْنُهَا قَابِلَةً لِلنَّقْلِ، [5] وَكَوْنُهَا نَافِعَةً، [6] وَكَوْنُ نَفْعِهَا لَا يَذْهَابُ عَيْنِهَا، [7] وَكَوْنُهُ مُبَاحًا، [8] وَكَوْنُهُ مَقْصُودًا.

Syarat-syarat harta wakaf adalah lapan (8) perkara:

1. Ia adalah ain [bukan manfaat].
2. Ia ditentukan.
3. Ia dimiliki oleh pewakaf.
4. Ia boleh dipindah milik.
5. Ia memberi manfaat.
6. Manfaatnya boleh digunakan tanpa menghilangkan ainnya.
7. Ia diharuskan.
8. Ia dikehendaki / menjadi tujuan.

Syarat-Syarat Ungkapan Akad Wakaf (5)

شُرُوطُ صِيغَةِ الْوَقْفِ خَمْسَةٌ:

[1] لَفْظٌ يُشْعِرُ بِالْمُرَادِ، [2] وَالتَّأْيِيدُ، [3] وَالتَّنْجِيزُ، [4] وَبَيَانُ الْمَصْرِفِ، [5] وَالْإِلْزَامُ.

Syarat-syarat ungkapan akad wakaf adalah lima (5) perkara:

1. Lafaz yang memberi maksud “kehendak berwakaf”.
2. Kekal.
3. Serta merta.
4. Penerangan tentang pihak yang menjadi penerima [manfaat] wakaf.
5. Tidak boleh ditarik balik.

Gambaran Akad Wakaf

صُورَةُ الْوَقْفِ:

Gambaran akad wakaf:

أَنْ يَقُولَ زَيْدٌ: (وَقَفْتُ هَذِهِ الدَّارَ عَلَى الْفُقَرَاءِ).

Zaid berkata: “Aku telah mewakafkan rumah ini bagi orang-orang fakir [miskin].”

[21] Hibah

الْهِبَةُ

Akad Hibah; Pemberian secara Sukarela, Tanpa Timbal Balik/ Ganti

Definisi

لُغَةً: مَا أُخُوذَةُ مِنْ هَبِّ بِمَعْنَى مَرٍّ.

Dari sudut bahasa, ia berasal daripada [kata kerja] “habba“ yang bermakna “telah lalu.”

وَشَرْعًا: تَمْلِيكَ تَطَوُّعٍ فِي الْحَيَاةِ.

Dari sudut syarak: “memilikkan sesuatu dengan percuma kepada pihak lain ketika masih hidup.”

Rukun-Rukun Hibah (4)

أَرْكَانُ الْهِبَةِ أَرْبَعَةٌ:

[1] وَاهِبٌ، [2] وَمَوْهُوبٌ لَهُ، [3] وَمَوْهُوبٌ، [4] وَصِيغَةٌ.

Rukun-rukun hibah adalah empat (4) perkara:

1. Pemberi hibah.
2. Penerima hibah.
3. Barang hibah.
4. Ungkapan akad.

Syarat-Syarat Pemberi Hibah (2)

شُرُوطُ الْوَاهِبِ اثْنَانِ:

[1] الْمَلِكُ حَقِيقَةً أَوْ حُكْمًا، [2] وَإِطْلَاقُ التَّصَرُّفِ فِي مَالِهِ.

Syarat-syarat pemberi hibah adalah dua (2) perkara:

1. Memiliki secara hakiki atau hukmi.
2. Memiliki hak tasaruf secara mutlak/ penuh pada hartanya tersebut.

Syarat Penerima Hibah (1)

شَرَطُ الْمُؤَهَّبِ لَهُ:

أَهْلِيَّةٌ مِلْكٍ مَا يُوهَبُ لَهُ.

Syarat penerima hibah: kelayakan untuk memiliki barang yang dihibahkan kepadanya.

Syarat-Syarat Barang Hibah (5)

شُرُوطُ الْمُؤَهَّبِ خَمْسَةٌ:

[1] أَنْ يَكُونَ مَعْلُومًا، [2] وَأَنْ يَكُونَ طَاهِرًا، [3] وَأَنْ يَكُونَ مُتَّفَعًا بِهِ، [4]
وَأَنْ يَكُونَ مَقْدُورًا عَلَى تَسْلِيمِهِ، [5] وَأَنْ يَكُونَ مَمْلُوكًا لِلْوَاهِبِ.

Syarat-syarat barang hibah adalah lima (5) perkara:

1. Ia diketahui.
2. Ia suci.
3. Ia boleh dimanfaatkan.
4. Ia mampu diserahkan.
5. Ia dimiliki oleh pemberi hibah.

Syarat Ungkapan Hibah (13)

شَرَطُ صِيغَةِ الْهِبَةِ:

شَرَطُ صِيغَةِ الْبَيْعِ.

Syarat ungkapan hibah: syarat ungkapan jual beli.

Gambaran Akad Hibah

صُورَةُ الْهِبَةِ:

Gambaran akad hibah:

أَنْ يَقُولَ زَيْدٌ لِعَمْرٍو: (وَهَبْتُكَ هَذَا الْكِتَابَ)، فَيَقُولَ عَمْرٌو: (قَبِلْتُ).

Zaid berkata kepada Amar: “Aku menghibahkan kamu kitab ini.”

Maka Amar berkata: “Aku terima.”

[22] Luqāṭah (Barang Hilang dan Dijumpai)

اللُّقْطَةُ

Barang Yang Hilang dan Dijumpai serta Tidak Diketahui Pemiliknya

Definisi

لُغَةً: الشَّيْءُ الْمُلْتَقَطُ.

Dari sudut bahasa: “sesuatu yang dikutip.”

وَشَرْعًا: مَا وُجِدَ مِنْ حَقِّ مُحْتَرَمٍ غَيْرِ مُحْرَزٍ، لَا يَعْرِفُ الْوَاجِدُ مُسْتَحِقَّهُ.

Dan dari sudut syarak: “suatu yang dijumpai daripada hak/ milik yang dihormati, tidak tersimpan, dan orang yang menjumpainya tidak mengetahui pihak yang berhak terhadap barang tersebut.”

Rukun-Rukun Luqāṭah (3)

أَرْكَانُ اللُّقْطَةِ ثَلَاثَةٌ:

[1] الْإِتْقَاطُ، [2] وَمُلْتَقَطٌ، [3] وَلُقْطَةٌ.

Rukun-rukun bagi luqāṭah adalah tiga (3) perkara:

1. Ittiqāṭ (perbuatan mengambil).
2. Multaqiṭ (pihak yang mengambil).
3. Luqāṭah (barang yang dijumpai dan diambil).

Jenis-jenis Luqāṭah dan Hukumnya (10)

أَقْسَامُ اللَّقْطَةِ عَشْرَةٌ:

Luqāṭah mempunyai sepuluh (10) pembahagian/ jenis:

Jenis 1

[1] مَالٌ حَيَوَانٌ آدَمِيٌّ: كَرَقِيقٍ غَيْرِ مُمَيِّزٍ.

وَحُكْمُهُ: تَخْيِيرُ اللَّاقِطِ بَيْنَ إِمْسَاكِهِ * وَبَيْعِهِ، ثُمَّ تَعْرِيفُهُ لِتَمَلِّكَ اللَّاقِطِ أَوْ الثَّمَنِ.

[1] Harta yang berbentuk manusia seperti budak hamba yang belum mumayyiz.

Hukumnya: Lāqīṭ diberi pilihan sama ada: [i] memegangnya atau [ii] menjualnya, dan kemudian dia melakukan ta'rif [dengan syarat-syaratnya] agar dia dapat memiliki hamba tersebut atau harga jualannya.

Jenis 2

[2] وَمَالٌ حَيَوَانٌ غَيْرٌ آدَمِيٌّ لَا يَمْتَنِعُ بِنَفْسِهِ مِنْ صِغَارِ السَّبَاعِ: كَشَاةٍ وَجَدَهُ بِمَفَازَةٍ.

وَحُكْمُهُ: تَخْيِيرُهُ بَيْنَ حِفْظِهِ وَتَمَلُّكِهِ، ثُمَّ أَكْلَهُ فِي الْحَالِ وَغُرْمِ قِيَمَتِهِ * وَبَيْعِهِ وَحِفْظِ ثَمَنِهِ، ثُمَّ تَعْرِيفُهُ لِتَمَلِّكَ الثَّمَنِ.

[2] Harta yang berbentuk haiwan yang tidak mampu mempertahankan dirinya daripada binatang buas yang kecil seperti seekor kambing yang dijumpainya di tanah lapang.

Hukumnya: Lāqīṭ diberi pilihan sama ada: [i] memeliharanya dan memilikinya, kemudian memakannya dengan semerta dan menanggung nilainya atau [ii] menjualnya, dan menjaga harga jualannya, kemudian melakukan ta'rif untuk memiliki harga jualan tersebut.

Jenis 3

[3] وَمَالٌ حَيَوَانٌ غَيْرُ آدَمِيٍّ لَا يَمْتَنِعُ بِنَفْسِهِ مِنْ صِغَارِ السَّبَاعِ، وَجَدَهُ بَعْمَرَانٍ.
وَحُكْمُهُ: تَخْيِيرُهُ بَيْنَ حِفْظِهِ وَتَمَلُّكِهِ بَعْدَ تَعْرِيفِهِ، * وَبَيْعِهِ وَحِفْظِ ثَمَنِهِ، ثُمَّ تَعْرِيفِهِ
لِيَتَمَلَّكَ الثَّمَنَ.

[3] Harta yang berbentuk haiwan yang tidak mampu mempertahankan dirinya daripada binatang buas yang kecil seperti seekor kambing yang dijumpainya di kawasan yang mempunyai bangunan.

Hukumnya: Lāqīṭ diberi pilihan sama ada: [i] memeliharanya dan memilikinya, setelah melakukan ta'rif atau [ii] menjualnya, dan menjaga harga jualannya, kemudian melakukan ta'rif untuk memiliki harga jualan tersebut.

Jenis 4

[4] وَمَالٌ حَيَوَانٌ غَيْرُ آدَمِيٍّ يَمْتَنِعُ بِنَفْسِهِ مِنْ صِغَارِ السَّبَاعِ: كِحِصَانٍ وَظَبْيٍ
وَحَمَامَةٍ، وَجَدَهُ بِصَحْرَاءَ آمِنَةٍ.
وَحُكْمُهُ: أَنَّهُ لَا يُجُوزُ لَهُ أَخْذُهُ إِلَّا لِلْحِفْظِ فَقَطْ.

[4] Harta yang berbentuk haiwan yang mampu mempertahankan dirinya daripada binatang buas yang kecil seperti seekor kuda,

seekor kijang, seekor burung merpati yang dijumpainya di tanah lapang yang selamat.

Hukumnya: Tidak harus baginya mengambilnya melainkan untuk dijaga sahaja.

Jenis 5

[5] وَمَالٌ حَيَوَانٌ غَيْرُ آدَمِيٍّ يَمْتَنِعُ بِنَفْسِهِ مِنْ صِغَارِ السَّبَاعِ، وَجَدَهُ بِصَحْرَاءَ غَيْرِ
أَمْنَةٍ.

وَحُكْمُهُ: تَخْيِيرُهُ بَيْنَ حِفْظِهِ، * وَتَمْلُكِهِ بَعْدَ تَعْرِيفِهِ.

[5] Harta yang berbentuk haiwan yang mampu mempertahankan dirinya daripada binatang buas yang kecil yang dijumpainya di kawasan lapang yang tidak selamat.

Hukumnya: Lāqīṭ diberi pilihan sama ada: [i] menjaganya atau [ii] memilikinya setelah melakukan ta'rif baginya.

[6] وَمَالٌ حَيَوَانٌ غَيْرُ آدَمِيٍّ يَمْتَنِعُ بِنَفْسِهِ مِنْ صِغَارِ السَّبَاعِ، وَجَدَهُ بِعِمْرَانٍ.
وَحُكْمُهُ: تَخْيِيرُهُ بَيْنَ حِفْظِهِ، * وَبَيْعِهِ وَحِفْظِ ثَمَنِهِ، ثُمَّ تَعْرِيفِهِ لِيَتَمَلَّكَ الثَّمَنَ.

Jenis 6

[6] Harta yang berbentuk haiwan yang mampu mempertahankan dirinya daripada binatang buas yang kecil yang dijumpainya di kawasan yang mempunyai bangunan.

Hukumnya: Lāqīṭ diberi pilihan sama ada: [i] menjaganya atau [ii] menjualnya dan menyimpan harganya, kemudian mentakrifkannya bagi mengambil pemilikan ke atas harga jualan tersebut.

[7] وَمَالٌ غَيْرُ حَيَوَانٍ يَبْقَى عَلَى الدَّوَامِ بِلَا عِلَاجٍ: كَذَهَبٍ وَفِضَّةٍ.

وَحُكْمُهُ: تَخْيِيرُهُ بَيْنَ حِفْظِهِ * وَتَمَلُّكِهِ بِشَرْطِ الضَّمَانِ.

Jenis 7

[7] Suatu harta yang bukan haiwan dan boleh kekal tanpa proses penjagaan seperti emas dan perak.

Hukumnya: Lāqīṭ diberi pilihan sama ada [i] menjaganya atau [ii] mengambil pemilikan ke atasnya dengan syarat tanggungan gantirugi.

Jenis 8

[8] وَمَالٌ غَيْرُ حَيَوَانٍ يَبْقَى عَلَى الدَّوَامِ لَكِنْ بِعِلَاجٍ: كَرُطَبٍ.

وَحُكْمُهُ: أَنْ يَفْعَلَ فِيهِ مَا فِيهِ الْمَصْلَحَةُ، مِنْ بَيْعِهِ وَحِفْظِ ثَمَنِهِ، ثُمَّ تَعْرِيفِهِ لِتَمَلُّكِ الثَّمَنِ، * أَوْ تَجْفِيفِهِ وَحِفْظِهِ.

[8] Suatu harta bukan haiwan yang boleh kekal tetapi dengan proses penjagaan seperti tamar yang basah.

Hukumnya: Lāqīṭ melakukan sesuatu yang mempunyai masalah iaitu sama ada [i] menjualnya dan menyimpan harga jualannya, kemudia melakukan ta'rif untuk memiliki harga jualan tersebut, atau [ii] mengeringkannya dan menyimpannya.

Jenis 9

[9] وَمَالٌ غَيْرُ حَيَوَانٍ لَا يَبْقَى عَلَى الدَّوَامِ: كَهَرِيْسَةٍ.

وَحُكْمُهُ: تَخْيِيرُهُ بَيْنَ تَمَلُّكِهِ، ثُمَّ أَكْلِهِ وَغُرْمِ بَدَلِهِ، * وَبَيْعِهِ وَحِفْظِ ثَمَنِهِ، ثُمَّ تَعْرِيفِهِ
لِيَتَمَلَّكَ الثَّمَنَ.

[9] Suatu harta yang bukan haiwan dan tidak boleh kekal seperti manisan atau kuih manis.

Hukumnya: Lāqīṭ diberi pilihan sama ada [i] mengambil pemilikannya kemudian memakannya dan menanggung gantinya atau [ii] menjualnya dan menyimpan harga jualannya, kemudian melakukan ta'rif untuk memiliki harga jualan tersebut.

Jenis 10

[10] وَغَيْرُ مَالٍ: كَكَلْبٍ نَافِعٍ.

وَحُكْمُهُ: تَخْيِيرُهُ بَيْنَ الْإِخْتِصَاصِ * وَالْحِفْظِ.

[10] Dan sesuatu yang bukan merupakan harta seperti anjing yang mempunyai manfaat.

Hukumnya: Lāqīṭ diberi pilihan sama ada untuk [i] mengambil ikhtisās dan [ii] memeliharanya.

[23] Laqīṭ (Orang Hilang dan Dijumpai)

الَلَّقِيطُ

Orang Hilang Yang Dijumpai serta Tidak Diketahui Ibu Bapanya atau Penjaganya

Definisi

لُغَةً: مَا أُخِذَ مِنَ اللَّقِطِ، وَهُوَ مُطْلَقُ الْأَخِذِ.

Dari sudut bahasa: ia diambil dari [kalimah] “al-laqīṭ”, dan ia bermakna “mengambil” secara mutlak.

وَشَرْعًا: صَبِيٌّ، أَوْ مَجْنُونٌ، لَا كَافِلَ لَهُ مَعْلُومٌ.

Dari sudut syarak: “kanak-kanak atau orang gila yang tidak diketahui penjaganya.”

Hukum Mengambil Laqīṭ

حُكْمُ لَقْطِ اللَّقِيطِ:

[أ] الْوُجُوبُ الْكِفَائِيُّ [إِنْ عَلِمَ بِهِ أَكْثَرُ مِنْ وَاحِدٍ، وَإِلَّا [ب] فَفَرَضٌ عَيْنٍ]

Hukum mengambil laqīṭ [ke atas orang yang menemukannya]:

- Fardu kifayah, jika pihak yang mengetahui tentangnya itu lebih daripada seorang.
- Jika tidak, ia menjadi fardu ain [ke atasnya].

Rukun-Rukun Laqṭ (Mengambil Laqīṭ) (3)

أَرْكَانُ اللَّقْطِ الشَّرْعِيِّ ثَلَاثَةٌ:

[1] لَقْطٌ لُغَوِيٌّ، [2] وَلَا قِطُّ، [2] وَمَلْقُوطٌ.

Rukun-rukun laqṭ (mengambil laqīṭ) dari sudut syarak adalah tiga (3) perkara:

1. Perbuatan laqṭ (mengambil).
2. Orang yang mengambil (lāqīṭ).
3. Orang yang diambil (malqūṭ).

Syarat-Syarat Lāqīṭ (3)

شُرُوطُ اللَّاقِطِ ثَلَاثَةٌ:

[1] أَحْرِيَّةٌ، [2] وَالرُّشْدُ، [3] وَالْعَدَالَةُ.

Syarat-syarat* orang yang mengambil laqīṭ (iaitu lāqīṭ) adalah tiga (3) perkara:

1. Merdeka [bukan hamba].
2. Bijaksana [bukan safīh].
3. ‘Adālah [bukan seorang yang fasiq].

[*Maka tidak sah *laqṭ* oleh seorang hamba atau kanak-kanak atau orang gila atau orang safīh atau orang fasik atau orang kafir.]

[24] Ji'ālah/ Ja'ālah/ Ju'ālah (Janji Hadiah)

الْجُعَالَةُ (/ الْجُعَالَةُ/ الْجُعَالَةُ)

Akad Janji Pemberian Hadiah dengan Kerja Yang Perlu Dilakukan

Definisi

لُغَةً: اسْمٌ لِمَا يُجْعَلُ لِلْإِنْسَانِ عَلَى شَيْءٍ.

Dari sudut bahasa: ia merupakan kata nama bagi “sesuatu yang dijadikan (diberikan/dijanji) kepada seseorang untuk melakukan sesuatu [pekerjaan].”

وَشَرْعًا: التَّزَامُ عِوَضٍ مَعْلُومٍ، عَلَى عَمَلٍ مُّعَيَّنٍ.

Dari sudut syarak: “tanggungjawab (janji) untuk memberikan suatu timbal balik (‘iwad) yang diketahui kerana melakukan kerja yang ditentukan.”

Rukun-Rukun Ji'ālah (4)

أَرْكَانُ الْجُعَالَةِ أَرْبَعَةٌ:

[1] عَمَلٌ، [2] وَجُعْلٌ، [3] وَصِيغَةٌ، [4] وَعَاقِدٌ.

Rukun-rukun ji'ālah adalah empat (4) perkara:

1. Pekerjaan/ amalan.
2. Hadiah yang dijanjikan.
3. Ungkapan akad.
4. Pihak yang berakad.

Syarat-Syarat Pekerjaan Ji'ālah (3)

شُرُوطُ عَمَلِ الْجَعَالَةِ ثَلَاثَةٌ:

[1] أَنْ يَكُونَ فِيهِ كُفَّةٌ، [2] وَأَنْ لَا يَتَّعَيْنَ، [3] وَأَنْ لَا يُؤَقَّتَ.

Syarat-syarat bagi pekerjaan ji'ālah adalah tiga (3) perkara:

1. Ada beban kepayahan.
2. Tidak tertentu (secara wajib ke atas yang melakukannya).
3. Tidak ditentukan/ dihadkan dengan masa.

Syarat Hadiah Ji'ālah (5)

شَرَطُ جُعْلِ الْجَعَالَةِ:

شَرَطُ الْمَيْعِ.

Syarat-syarat bagi hadiah yang dijanjikan: seperti syarat barang jualan.

Syarat Ungkapan Ji'ālah (1)

شَرَطُ صِيغَةِ الْجَعَالَةِ:

لَفْظٌ مِنْ طَرَفِ الْمُتَزِمِ، يَدُلُّ عَلَى إِذْنِهِ فِي الْعَمَلِ بِجُعْلِ.

Syarat ungkapan akad ji'ālah: lafaz daripada pihak yang memberi janji, yang menunjukkan keizinannya bagi pekerjaan tersebut, dengan hadiah yang dijanjikan.

Syarat-Syarat Pelaksana Akad Ji'ālah (4)

شُرُوطُ عَاقِدِ الْجَعَالَةِ أَرْبَعَةٌ:

[1] إِطْلَاقُ تَصَرُّفِ الْمُتَعَزِّمِ، [2] وَاخْتِيَارُهُ، [3] وَعِلْمُ الْعَامِلِ بِالِالْتِزَامِ، [4] وَأَهْلِيَّةُ الْعَامِلِ الْمُعَيَّنِ لِلْعَمَلِ.

Syarat-syarat pihak yang melakukan akad ji'ālah adalah empat (4) perkara:

1. Pihak yang mengambil tanggungjawab memiliki kelayakan tasaruf secara mutlak/ penuh.
2. Pilihan (tanpa paksaan) / sukarela.
3. Pengetahuan pihak yang melakukan pekerjaan dengan janji tersebut.
4. Kelayakan pihak yang ditentukan untuk melakukan pekerjaan tersebut.

Gambaran Akad Ji'ālah

صُورَةُ الْجَعَالَةِ:

Gambaran akad ji'ālah:

أَنْ يَقُولَ زَيْدٌ لِعَمْرٍو: (إِنْ رَدَدْتَ أَبِي، فَلَكَ دِينَارٌ)، فَيُرُدُّهُ،

Zaid berkata kepada Amar: “Sekiranya engkau dapat mengembalikan semula hambaku yang lari, maka aku akan memberimu satu dinar.” Lalu Amar berjaya mengembalikannya.

أَوْ يَقُولَ: (مَنْ رَدَّ أَبِي، فَلَهُ دِينَارٌ)، فَيُرُدُّهُ مَنْ تَأَهَّلَ لِلْعَمَلِ.

Atau Zaid berkata: “Siapa yang mengembalikan hambaku yang lari, maka baginya satu dinar.” Lalu seorang yang layak melakukan pekerjaan tersebut telah mengembalikannya.

[25] Wadī'ah (Penjagaan Barang)

الْوَدِيعَةُ

Barang Jagaan/ Amanah/ Penjagaan Barang

Definisi

لُغَةً: مَا وُضِعَ عِنْدَ غَيْرِ مَالِكِهِ لِحِفْظِهِ.

Dari sudut bahasa: “sesuatu [harta] yang diletakkan pada selain pemiliknya dengan tujuan untuk dijaga.”

وَشَرْعًا: الْعَقْدُ الْمُقْتَضِي لِلِاسْتِحْفَاطِ.

Dari sudut syarak: “akad yang menuntut penjagaan sesuatu [harta].”

Rukun-Rukun Wadī'ah (4)

أَرْكَانُ الْوَدِيعَةِ أَرْبَعَةٌ:

[1] وَدِيعَةٌ، [2] وَصِيغَةٌ، [3] وَمُودِعٌ، [4] وَوَدِيعٌ.

Rukun-rukun wadī'ah adalah empat (4) perkara:

1. Barang jagaan (wadī'ah).
2. Ungkapan akad (ṣīghah).
3. Penyerah (/pemilik) barang jagaan (mūdi').
4. Penerima (/penjaga) barang jagaan (wadī').

Syarat Barang Wadī'ah (1)

شَرَطُ الْوَدِيعَةِ:

كَوْنُهَا مُحْتَرَمَةً.

Syarat barang jagaan: ia adalah suatu [harta] yang dihormati [di sisi syarak].

Syarat Ungkapan Akad Wadī'ah (2)

شَرَطُ صِيغَةِ الْوَدِيعَةِ:

[1] أَلْفَظُ مِنْ أَحَدِ الْجَانِبَيْنِ، [2] وَعَدَمُ الرَّدِّ مِنَ الْآخِرِ.

Syarat ungkapan akad wadī'ah:

1. Lafaz daripada salah seorang pihak berakad - pemberi atau penerima.
2. Tiada penolakan daripada pihak yang lain.

Syarat Mūdi' dan Wadī' (1)

شَرَطُ الْمُوَدِّعِ وَالْوَدِيعِ:

إِطْلَاقُ التَّصَرُّفِ.

Syarat pemberi dan penerima/ penjaga barang jagaan: tiada halangan bagi tasarufnya (tindakan pengelolaan/ pengurusannya) [ke atas barang jagaan].

Gambaran Akad Wadī'ah

صُورَةُ الْوَدِيعَةِ:

Gambaran akad wadī'ah:

أَنْ يَقُولَ زَيْدٌ لِعَمْرٍو: (أَوْدَعْتُكَ هَذَا الْكِتَابَ)، فَيَقُولُ: (قَبِلْتُ)، أَوْ يَأْخُذُ الْكِتَابَ.

Zaid berkata kepada Amar: “Aku tinggalkan kitab ini kepada kamu [sebagai barang jagaan (wadī'ah)].” Amar pun berkata: “Aku terima,” atau Amar mengambil kitab tersebut.

[26] Musābaqah (Pertandingan)

المُسَابَقَةُ

Pertandingan

Definisi

لُغَةً: مَاخُودَةٌ مِنَ السَّبْقِ وَهُوَ التَّقَدُّمُ.

Dari sudut bahasa, ia diambil dari [kalimah] “al-sabq” dan ia memberi makna “mendahului.”

Hukum (5)

حُكْمُ الْمُسَابَقَةِ:

[1] النَّذْبُ: لِلرِّجَالِ الْمُسْلِمِينَ بِقَصْدِ الْجِهَادِ، [2] وَالْإِبَاحَةُ: بِغَيْرِ قَصْدِهِ، [3] وَالْوُجُوبُ: إِنْ تَعَيَّنَتْ طَرِيقًا لِقِتَالِ الْكُفَّارِ، [4] وَالْكَرَاهَةُ: إِذَا كَانَتْ سَبَبًا فِي قِتَالِ قَرِيبٍ كَافِرٍ لَمْ يَسِبْ اللَّهُ وَرَسُولَهُ، [5] وَالْحُرْمَةُ: إِنْ قُصِدَ بِهَا مُحَرَّمٌ كَقَطْعِ الطَّرِيقِ.

Hukum pertandingan:

1. Sunat bagi para lelaki muslim dengan tujuan jihad.
2. Harus tanpa niat tersebut.
3. Wajib sekiranya ia adalah satu-satunya cara untuk memerangi golongan kafir [ḥarbī].
4. Makruh sekiranya ia menjadi sebab bagi memerangi kaum kerabat yang dekat dan kafir yang tidak mencaci Allah dan Rasul-Nya.

5. Haram jika diniatkan dengannya tujuan yang haram seperti merompak di jalanan.

وَهِيَ لَازِمَةٌ فِي حَقِّ مُلْتَزِمِ الْعَوَاضِ.

Dan ia [hadiah pertandingan] menjadi lāzim (wajib) ke atas pihak yang menjanjikan hadiah pertandingan tersebut.

Subjek Pertandingan

الْمُسَابِقُ عَلَيْهِ:

Haiwan (/kenderaan) yang ditunggang dalam pertandingan:

الْمُسَابِقَةُ تَكُونُ عَلَى الدَّوَابِّ وَتُسَمَّى بِالرَّهَانِ.

Pertandingan hendaklah dilakukan dengan menggunakan haiwan tunggangan dan ia dinamakan sebagai rihān.

وَلَا تَجُوزُ إِلَّا عَلَى خَمْسَةِ أَنْوَاعٍ:

[1] الْخَيْلِ، [2] وَالْإِبِلِ، [3] وَالْبِغَالِ، [4] وَالْحَمِيرِ، [5] وَالْفِيلَةِ.

Dan tidak diharuskan melainkan dengan lima (5) jenis haiwan:

1. Kuda.
2. Unta.
3. Baghal.
4. Keldai.
5. Gajah.

وَتَكُونُ عَلَى السَّهَامِ وَنَحْوِهَا: وَتُسَمَّى بِالنِّضَالِ.

Pertandingan juga boleh dilakukan dengan memamah dan seumpamanya dan ia dinamakan sebagai niḍāl.

Syarat-Syarat Pertandingan (13)

شُرُوطُ الْمُسَابَقَةِ ثَلَاثَةٌ عَشْرٌ:

[1] أَنْ تَكُونَ الْمَسَافَةُ مَعْلُومَةً، [2] وَصِفَةُ الْمُسَابَقَةِ مَعْلُومَةً، [3] وَأَنْ يَكُونَ الْمَعْقُودُ عَلَيْهِ عُدَّةً قِتَالٍ، [4] وَتَعْيِينُ الْمَرْكُوبَيْنِ عَيْنًا فِي الْمُعَيَّنِ فِي الْعَقْدِ، وَصِفَةُ فِي الْمَوْصُوفِ فِي الذَّمِّ، [5] وَإِمْكَانُ سَبْقِ كُلِّ مِنْهُمَا لِلآخَرِ، [6] وَإِمْكَانُ قَطْعِ كُلِّ مِنْهُمَا الْمَسَافَةَ بِلا انْقِطَاعٍ وَلَا تَعَبٍ، [7] وَتَعْيِينُ الرَّاكِبَيْنِ عَيْنًا فَقَطْ، وَأَنْ يَرْكَبَا الْمَرْكُوبَيْنِ، [8] وَالْعِلْمُ بِالْمَالِ الْمَشْرُوطِ جِنْسًا وَقَدْرًا وَصِفَةً، [9] وَاجْتِنَابُ شَرْطِ مُفْسِدٍ، [10] وَأَنْ يُدْخَلَ - إِذَا كَانَ الْعَوْضُ مِنْهُمَا مُحَلًّا كُفُؤًا لهُمَا، وَذَابْتَهُ كُفُؤٌ لِدَابَّتَيْهِمَا، يَأْخُذُ مَا أَخْرَجَاهُ إِذَا سَبَقَهُمَا، [11] وَلَا يَغْرَمُ شَيْئًا إِذَا سَبَقَاهُ، [12] وَأَنْ يُبَيِّنَ الْبَادِيءَ بِالرَّمِيِّ مِنْهُمَا، [13] وَأَنْ يُبَيِّنَ قَدْرَ الْغَرَضِ، وَارْتِفَاعَهُ مِنَ الْأَرْضِ إِنْ ذُكِرَ وَلَمْ يَغْلِبْ عُرْفٌ.

Syarat-syarat pertandingan adalah tiga belas (13) perkara:

1. Jarak pertandingan hendaklah diketahui.
2. Sifat/kaedah pertandingan hendaklah diketahui.
3. Barang yang dijadikan pertandingan mestilah alat-alat peperangan.
4. Ditentukan haiwan tunggangan secara ain (fizikal) pada pertandingan yang ditentukan binatang pertandingannya; atau ditentukan sifatnya pada haiwan yang diletakkan dalam

- tanggungjawab pihak yang bertanding (tidak ditentukan secara ain (fizikal)).
5. Setiap haiwan tunggangan mempunyai kebarangkalian untuk mendahului yang lain.
 6. Setiap haiwan tunggangan mempunyai kemampuan untuk menghabiskan jarak pertandingan tanpa berhenti atau penat.
 7. Penentuan penunggang hanya secara ain.
 8. Kedua-dua penunggang hendaklah menunggang haiwan tunggangan masing-masing.
 9. Pengetahuan berkenaan harta yang disyaratkan [sebagai hadiah pertandingan] dari sudut jenis, kadar/kuantiti dan sifat/kualiti.
 10. Tidak mempunyai sebarang syarat yang merosakkan pertandingan.
 11. Hendaklah mereka berdua memasukkan *muḥallil* yang *kufu'* (setara dan mempunyai kemungkinan untuk menang) di dalam pertandingan di antara mereka berdua sekiranya hadiah pertandingan diambil dari mereka berdua. Haiwan tunggangan *muḥallil* mestilah *kufu'* dengan haiwan tunggangan mereka berdua. Si *muḥallil* akan mengambil hadiah tersebut sekiranya dia mengalahkan mereka berdua. Dan si *muḥallil* tidak mengalami apa-apa kerugian sekiranya dikalahkan oleh mereka berdua.
 12. Hendaklah diterangkan pihak yang memulakan lontaran/ panahan di antara mereka berdua.
 13. Kadar tempat (sasaran) lontaran/panahan mestilah diterangkan dan begitu juga kadar ketinggiannya dari tanah, jika dinyatakan dan tidak ada kadar yang menjadi uruf kebiasaan.

Gambaran Akad Pertandingan (4)

صُورَةُ عَقْدِ الْمُسَابَقَةِ:

Contoh akad pertandingan:

Gambaran 1

أَنْ يَقُولَ زَيْدٌ لِعَمْرٍو: (تَسَابَقْتُ مَعَكَ، فَإِنْ سَبَقْتَنِي فَلَكَ عَلَيَّ دِينَارٌ، وَإِنْ سَبَقْتِكَ فَلَا شَيْءَ عَلَيْكَ)، فَيَقُولُ عَمْرٍو: (قَبِلْتُ).

Zaid berkata kepada Amar: “Aku bertanding denganmu.

- Sekiranya engkau mendahuluiku, maka engkau akan mendapat satu dinar [daripadaku].
- Dan sekiranya aku mendahuluiimu, maka engkau tidak dikenakan apa-apa.”

Amar berkata: “Aku terima.” [Hadiah pertandingan ini halal].

Gambaran 2

أَوْ يَقُولُ: (تَنَاضَلْتُ مَعَكَ عَلَى أَنْ يَرْمِيَ كُلُّ وَاحِدٍ مِّنَّا عَشْرِينَ، فَإِنْ أَصَبْتَ فِي خَمْسَةٍ مِنْهَا، فَلَكَ عَلَيَّ دِينَارٌ، وَإِنْ أَصَبْتُ فِي خَمْسَةٍ مِنْهَا، فَلَا شَيْءَ عَلَيْكَ)، فَيَقُولُ عَمْرٍو: (قَبِلْتُ).

Zaid berkata kepada Amar: “Aku bertanding memamah denganmu.

Setiap daripada kita membuat dua puluh (20) panahan.

- Sekiranya engkau dapat mengenai sasaran pada lima daripadanya, maka engkau akan diberikan satu dinar [olehku].
- Dan sekiranya aku yang dapat mengenai sasaran pada lima daripadanya, maka engkau tidak dikenakan apa-apa.”

Amar berkata: “Aku terima.” [Hadiah pertandingan ini halal].

Gambaran 3

أَوْ يَقُولُ لَهُ: (تَسَابَقْنَا بِشَرَطِ أَنْ يَدْخُلَ بَيْنَنَا بَكْرٌ مُحَلَّلًا، فَإِنْ سَبَقْتَنَا، فَلَكَ عَلَيَّ دِينَارٌ، وَإِنْ سَبَقْتِكُمَا فِلي عَلَيكَ دِينَارٌ، وَإِنْ سَبَقَنَا بَكْرٌ، فَلَهُ عَلَي كُلِّ وَاحِدٍ مِنَّا دِينَارٌ، وَإِنْ سَبَقَ مَعَ أَحَدِنَا قَاسِمَهُ، وَإِنْ سَبَقْنَاهُ، فَلَا شَيْءَ عَلَيهِ)، فَيَقُولُ عَمْرُو: (قَبِلْتُ).

Zaid berkata kepada Amar: “Kita akan saling bertanding, dengan syarat Bakar akan masuk sebagai *muḥalil*l.

- Jika engkau mendahului kami, maka engkau akan diberikan satu dinar [olehku].
- Dan sekiranya aku mendahului kamu berdua, maka aku diberikan satu dinar olehmu.
- Dan sekiranya Bakar yang mendahului kita berdua, maka dia akan diberikan satu dinar oleh setiap seorang daripada kita.
- Dan sekiranya dia (Bakar) mendahului pertandingan dengan salah seorang daripada kita, maka mereka berdua akan membahagikan hadiah tersebut.
- Dan sekiranya kita berdua mendahuluinya, maka dia tidak dikenakan apa-apa.”

Amar berkata: “Aku terima.” [Hadiah pertandingan ini halal].

Gambaran 4

أَوْ يَقُولُ لَهُ: (تَنَاضَلْنَا بِشَرَطِ أَنْ يَدْخُلَ بَيْنَنَا بَكْرٌ مُحَلَّلًا عَلَي أَنْ يَرْمِي كُلَّ وَاحِدٍ مِنَّا عِشْرِينَ، فَإِنْ أَصَبْتَ فِي خَمْسَةٍ مِنْهَا، فَلَكَ عَلَيَّ دِينَارٌ، وَإِنْ أَصَبْتُ فِي خَمْسَةٍ

مِنْهَا، فَلَی عَلَیْكَ دِینَارٌ، وَإِنْ أَصَابَ بَكَرٌ فِی خَمْسَةِ مِنْهَا، فَلَهُ عَلَی كُلِّ وَاحِدٍ مِّنَّا دِینَارٌ، وَإِنْ لَمْ یُصِبْ فَلَا شَیْءَ عَلَیْهِ، فِیَقُولُ عَمْرُو: (قَبِلْتُ).

Zaid berkata kepada Amar: “Kita akan saling bertanding memanah, dengan syarat Bakar akan masuk sebagai *muḥalill*, dan setiap seorang daripada kita akan membuat dua puluh (20) panahan.

- Jika engkau dapat mengenai sasaran pada lima daripadanya, maka engkau akan diberikan satu dinar [olehku].
- Dan jika aku yang dapat mengenai sasaran pada lima daripadanya, maka aku diberikan satu dinar olehmu.
- Dan jika Bakar yang dapat mengenai sasaran pada lima daripadanya, maka dia akan diberikan satu dinar oleh setiap seorang daripada kita.
- Dan jika Bakar tidak mengenai sebarang sasaran, maka dia tidak dikenakan apa-apa.”

Amar berkata: “Aku terima.” [Hadiah pertandingan ini halal].

PENGAJIAN KITAB AL-YĀQŪT AL-NAFĪŞ (2023)

Penulis telah mempelajari kitab al-Yāqūt al-Nafīş ini dengan lengkap secara bertalaqqi di bawah bimbingan al-Shaykh al-‘Allāmah Muhammad ‘Abd al-Raḥīm al-Wuṣābī – Semoga Allah memelihara beliau – pada bulan Ramadan 1444 Hijrah [bersamaan bulan Mac 2023] di Madrasah Nur Shafiee [anjaran: Maahad Tahfiz al-Madani], Subang Jaya, Selangor.



*Gambar bersama al-Shaykh al-‘Allāmah Muhammad ‘Abd al-Raḥīm al-Wuṣābī dan sebahagian rakan-rakan pengajian setelah selesai pengajian kitab al-Yāqūt al-Nafīs. [Penulis: Dua dari kanan]. Alhamdulillah.

Berdasarkan pengalaman pengajian ini, penulis berpandangan bahawa kitab “al-Yāqūt al-Nafīs” selayaknya dan sepatutnya dijadikan sebagai salah satu silibus paling awal dalam pengajian fiqh mazhab Syafie bersama dengan matan-matan paling asas yang lain seperti “Safīnat al-Şalāh”, “Safīnat al-Najā” dan Matan “Abī Shujā’”. Dengan asas yang tersusun dan sistematik merangkumi seluruh bab fiqh sepertimana yang terdapat di dalam kitab ini, para pelajar dapat membina “peta minda” ilmu fiqh yang

jelas dan seterusnya memudahkan pengajian bagi peringkat yang lebih tinggi.

Beberapa gambar sekitar majlis pengajian:



DOA PENUTUP MAJLIS ILMU

يَا رَبَّنَا أَعْتَرَفْنَا

بِأَنَّا أَقْتَرَفْنَا

[1] Wahai Tuhan kami, kami mengiktiraf (/mengakui) ✨ bahawa sesungguhnya kami telah melakukan dosa.

وَأَنَّا أَسْرَفْنَا

عَلَى لُظَى أَشْرَفْنَا

[2] Dan sesungguhnya kami telah melampaui [batasan] ✨ [dan] kami begitu hampir dengan [api neraka] yang marak menjulang.

فَتُبَّ عَلَيْنَا تَوْبَةً

تَغْسِلُ لِكُلِّ حَوْبَةٍ

[3] Maka kurniakanlah taubat kepada kami (/terimalah taubat kami) ✨ [yang dengannya] Engkau membasuh (/memaafkan) tiap-tiap dosa [yang kami lakukan].

وَأَسْتُرْنَا الْعَوْرَاتِ

وَأَمِنِ الرَّوْعَاتِ

[4] Dan tutupkanlah keaiban-keaiban kami ✨ dan amankanlah kami dari segala ketakutan [di dunia dan akhirat].

وَأَغْفِرْ لِي وَالِدَيْنَا

رَبِّ وَمَوْلُودَيْنَا

[5] Dan ampunkanlah ibu bapa kami ✨ wahai Tuhan kami, juga buat anak-anak kami;

وَالْأَلِيَّ وَالْإِخْوَانَ

وَسَائِرِ الْخِلَّانِ

[6] Dan ahli keluarga [kami] serta saudara mara [kami] ❀ dan seluruh teman rapat [kami];

أَوْ جِيرَةٍ أَوْ صُحْبَةٍ	وَكُلِّ ذِي مَحَبَّةٍ
----------------------------	-----------------------

[7] Dan setiap orang yang kami cintai ❀ dan jiran [kami] serta sahabat [kami];

أَمِينَ رَبِّ أَسْمَعُ	وَالْمُسْلِمِينَ أَجْمَعُ
------------------------	---------------------------

[8] Dan buat seluruh para muslimin ❀ wahai Tuhanku, terimalah dan dengarkanlah (/perkenankanlah) [doaku ini];

لَا بِاِكْتِسَابٍ مِنَّا	فَضْلًا وَجُودًا مِنَّا
--------------------------	-------------------------

[9] [Perkenankanlah doa ini] semata-mata dengan limpah kurnia dan kemurahan (/keluasan) pemberian [daripada-Mu] ❀ dan bukanlah dengan (/berdasarkan) [kelayakan] usaha (/amalan) kami [yang penuh kekurangan].

نَحْطِي بِكُلِّ سُؤْلِ	بِالْمُصْطَفَى الرَّسُولِ
------------------------	---------------------------

[10] [Dan perkenankanlah doa ini] dengan [kemuliaan] [Nabi Muhammad ﷺ] al-Muṣṭafā ❀ maka [dengan ini] kami akan mendapat setiap permintaan [kami] [lantaran kami bertawassul dengan Baginda ﷺ di dalam doa kami].

عَلَيْهِ عَدَّ الْحَبِّ	صَلَّى وَسَلَّم رَبِّي
-------------------------	------------------------

[11] Berselawatlah dan kurniakanlah kesejahteraan, wahai Tuhanku, ﷻ ke atas Baginda ﷺ dengan sebanyak bilangan biji-bijian [yang tidak diketahui bilangannya melainkan oleh-Mu];

عِدَادَ طَشِّ السُّحْبِ	وَأَلِيهِ وَالصَّحْبِ
-------------------------	-----------------------

[12] Juga buat ahli keluarga Baginda ﷺ dan para sahabat Baginda ﷺ sebanyak air hujan yang diturunkan awan [yang tidak diketahui kadarnya melainkan oleh-Mu];

فِي الْبَدءِ وَالْتَّأْهِ	وَالْحَمْدُ لِلَّهِ
---------------------------	---------------------

[13] Dan segala pujian hanyalah bagi [Allah] Tuhan yang berhak disembah ﷻ di permulaan dan pengakhiran [segala-galanya].

Rujukan (teks arab): “Bekal Akhirat” oleh al-Shaykh Ahmad Fahmi Zamzam al-Banjari al-Nadwī al-Mālikī. [Dengan ijazah daripada beliau].

PENTERJEMAH DAN EDITOR

Dr. Abdullaah Jalil merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, Negeri Sembilan. Beliau memperolehi Sarjana Muda Syariah (Fiqh and Pengajian Islam) dari Universiti Yarmouk, Jordan dengan Kelas Pertama (*Mumtāz*) pada tahun 2001, Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dengan pengkhususan Perbankan dan Kewangan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 2004 dan dikurniakan Anugerah Pelajar Terbaik Program serta PhD Kewangan Islam dari INCEIF (The Global University of Islamic Finance) pada tahun 2019.

Beliau turut memainkan peranan sebagai ahli Jawatankuasa Syariah di dalam industri perbankan Islam, takaful, koperasi dan wakaf sejak 2012 sehingga ke hari ini. Beliau juga merupakan ahli Panel Syariah USIM sejak ia ditubuhkan dan menjadi salah seorang penyelidik fatwa bagi Jabatan Mufti Negeri Sembilan sejak tahun 2016. Beliau telah menerima perlantikan sebagai “Felo Nadwah Ahli Sunnah Wal Jama’ah Darul Ridzuan” dari Jabatan Mufti Negeri Perak Darul pada Februari 2023.

Beliau juga terlibat di dalam bidang Deradikalisasi dan PCVE (Kefahaman Agama) sejak tahun 2008 dan dianugerahkan anugerah “Friends of the Police” pada Hari Polis Kebangsaan 2012 di atas sumbangan beliau di dalam bidang ini. Beliau telah dilantik sebagai sebagai Ahli Panel Deradikalisasi dan Pakar Rujuk Bagi Kes-kes Keganasan Yang Disiasat Di Bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 oleh Kementerian Dalam Negeri. Beliau pernah memberi latihan berkenaan Deradikalisasi di Rabdan Academy (United Arab Emirates) dan dilantik sebagai salah seorang Advisory Committee bagi Global Peace Institute (Maldives) dan kini terlibat sebagai salah seorang ahli penyelidik untuk membangunkan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Mencegah dan Menangani Pelampau Keganasan (NAPPCVE).

Dalam pembinaan polisi dan kertas kerja hukum, beliau pernah terlibat sebagai salah seorang panel kepakaran bagi pembinaan Standard MQA bagi Program Muamalat dan Kewangan Islam (2012), Manual Pengurusan Wang Khairat JAWHAR (2014), AJK (Kluster Ekonomi) Pembangunan Dasar Dakwah Negara (2014), Kertas Kerja Hukum Berkaitan Isu-isu Syariah Madinah Mawaddah Wakaf City (2020) dan Kertas Kerja Hukum Penjanaaan dan Pelaburan Dana Masjid (2021). Beliau juga merupakan salah seorang ahli kumpulan penyelidik IMARAH (USIM) yang telah membangunkan satu sistem pengurusan kewangan masjid dan surau yang dinamakan sebagai Sistem e-MIMAS^{TM 16}.

Bidang kajian beliau merangkumi Fiqh Muamalat, Perbankan dan Kewangan Islam, Tadbir Urus Syariah, Wakaf Korporat, Kewangan Masjid, Ahli Sunnah Wal Jama'ah, Deradikalisasi dan PCVE (Preventing and Countering Violent Extremism). Di antara kursus-kursus di peringkat siswazah yang pernah dikendalikan oleh beliau ialah Fiqh Muamalat I, Fiqh Muamalat II, Pengurusan Haji dan Umrah, Pengurusan Institusi Perbankan Islam dan Takaful, Pasaran Wang dan Modal, Halaqah (Pengantar Kitab Turath), Usul Fiqh dan Kewangan Islam. Manakala di peringkat siswazah, beliau pernah mengendalikan kursus Qawa'id Fiqhiyyah, Aplikasi Fiqh Muamalat serta Halal dan Haram di dalam Islam.

Beliau juga meminati pengajian ilmu turath dan sering menghadiri majlis-majlis talaqqi ilmu dan pengajian turath berkitab bersama para *mashāyikh*.

Di antara buku-buku karangan beliau ialah:

1. (2011). The Four Introductory Theories of Fiqh Muamalat.
2. (2012). Pengurusan Kewangan Masjid: Model Imarah Masjid.
3. (2013). 40 Hadith Pengurusan Harta dan Perancangan Kewangan.

¹⁶ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk di tautan ini: <https://imarah.org>

4. (2013). Menjawab Persoalan Agama: Konsep al-Tark dan Perkara Baru dan Baik dari Perspektif Shariat.
5. (2013). Natijah Fikir dan 40 Hadith Kelebihan Zikir.
6. (2013). Pengajian Halaqah UTH3012: Program Pensiswazahan Guru.
7. (2013). Cahaya-Cahaya Sunnah Yang Khusus Berkenaan Kelebihan Selawat Ke Atas Nabi Yang Terpilih ﷺ, Karangan Al-Imām al-Ḥāfiẓ Abū al-‘Abbās al-Uqlīshī. (Abdullaah Jalil, Terjemahan).
8. (2013)a & (2016)b. Nuṣūṣ Turāthiyyah: Dirāsah Manhajiyah.
9. (2014). The Four Main Contracts of Fiqh Muamalat.
10. (2014). Fiqh and Management of Hajj and ‘Umrah: The Malaysian Perspective.
11. (2014). Arabic-English Terminology for Special Purposes in Management Studies.
12. (2015). Miftah al-Muamalat: The Gateway to Business.
13. (2016). 40 Hadith Puasa dan Ramadan: Dengan Nota Ringkas Fiqh Mazhab al-Shafi’i dan Fiqh Perbandingan.
14. (2016). Sosial Sekuriti (Takaful Ijtima’i) Menurut Perspektif Islam.
15. (2017) Quranic Index for Medical Sciences.
16. (2017) Quranic Index for Economics, Business and Management.
17. (2017). 40 Hadith Berkenaan Ketegasan Pengharaman Riba, Karangan Al-‘Allamah al-Qadi Yusuf Isma’il al-Nabhani. (Abdullaah Jalil: Terjemahan).
18. (2018). 40 Hadith Berkenaan Ibadat Harta.
19. (2018). Islamic Law of Tort.

20. (2019). 50 Hadith Utama Berkenaan Kepentingan dan Kelebihan Zikir.
21. (2019). Natijah Fikir dan Mutiara Nabawi Berkenaan Majlis Zikir.
22. (2019). 50 Hadith Doa Rasulullah ﷺ dan Adab serta Kelebihannya.
23. (2019). 40 Hadith Kelebihan Ilmu dan Adab-adabnya.
24. (2019). 40 Hadith Berkenaan Kelebihan Penghulu Para Rasul ﷺ (Abdullaah Jalil: Terjemahan).
25. (2020). Aqidah Murshidah dan Beberapa Muqaddimah Aqidah.
26. (2020). 40 Hadith Kemuliaan Masjid dan Adab-adabnya.
27. (2020). 40 Hadith Imam Nawawi Berkenaan Asas-asas Agama Islam dan Prinsip Hukum Syariat.
28. (2021). Matan Abi Shuja': Bahagian Muamalat.
29. (2021). Mutiara Nabawiyyah Berkenaan Kelebihan Haji, Umrah dan Zulhijjah.
30. (2022). Empat Puluh Hadith Qudsi, Karangan al-Imām al-‘Allāmah al-Muḥaddith al-Faqīh Mullā ‘Alī al-Qārī al-Ḥanafī al-Māturīdī al-Ṣūfī (w.1014H) (Abdullaah Jalil: Terjemahan, Ulasan dan Edit).
31. (2022). Matan Ummu al-Barāhīn dan Pengenalan Ahli Sunnah dan Jamaah.
32. (2022). Pengenalan Asas bagi Mengenal Kelebihan Rasulullah ﷺ [Terjemahan kitab Bidāyat al-Sūl fi Tafḍīl al-Rasūl ﷺ, Karangan al-Imām Sulṭān al-‘Ulamā’ ‘Izz al-Dīn bin ‘Abd al-Salām al-Shāfi‘ī (w.660H).
33. (2023). Fiqh Qurban, Aqidah dan Asas Penyembelihan.


34. (2023). 40 Hadith Berkenaan 40 Amalan Sunat Harian: Keampunan Dosa dan Pahala Luar Biasa.
 35. (2023). Natijah Fikir Berkenaan Hukum Menjaharkan Zikir.
 36. (2023). Empat Puluh Hadith Berkenaan Kelebihan Berselawat ke atas Baginda Nabi ﷺ, Karangan al-‘Allāmah al-Qāḍī Yūsuf al-Nabhānī (Abdullaah Jalil: Terjemahan).
 37. (2023). Matan al-Yāqūt al-Nafīs: Bahagian Muamalat. [Kitab ini]
 38. (2023). Imam Syafie: Sejarah, Manaqib, Manhaj dan Sumbangan.
 39. (2023). 50 Hadith Berkenaan Zakat bersama Nota Fiqh Asas.
 40. (2024). Israk Mikraj: Aqidah, Sirah dan Hikmah.
 41. (2024). Definisi Ahli Sunnah Wal Jama'ah: Pendekatan Para Ulama' Muktabar.
-

BIBLIOGRAFI

- Abbas, K.H. Siradjuddin. (2004). *Sejarah dan Keagungan Madzhab Syafi'i*. Pustaka Tarbiyah.
- Abū Nu'aym al-Asbahānī. (1409H). *Hilyat al-Awliyā' wa Ṭabaqāt al-Ashfiyā'* (Vol. 10). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Aḥmad al-Shāṭirī, Ibn 'Umar. (2011). *al-Yāqūt al-Nafīs fi Madzhab Ibn Idrīs*. Dār al-Minhāj.
- Aḥmad, Ibn Ḥanbal. *al-Zuhd*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn. (1420H). *al-Madkhal ilā al-Sunan al-Kubrā* [Taḥqiq: Muḥammad Ḍiyā' al-Raḥmān al-A'zamī]. Aḍwā' al-Salaf.
- al-Bazzār, Abū Bakr. (1997). *al-Baḥr al-Zakḥkhār bi Musnad al-Bazzār*. Maktabat al-'Ulūm wa al-Ḥikam.
- al-Ḥiṣnī, Taqiyy al-Dīn. (1998). *Kifāyat al-Akhyār fi Ḥall Ghāyat al-Ikhtiṣār*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Khin, Muṣṭafā, al-Bughā, Muṣṭafā, & al-Sharbajī, Ali. (1998). *al-Fiqh al-Manhajī: Manhaj Fiqh al-Shāfi'ī*. Dār al-Qalam.
- al-Nawawī, Yaḥyā Sharaf. (1999). *al-Minhāj: Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Ibn al-Ḥajjāj*. Dār al-Ma'rifah.
- al-Sa'dī, 'Abd al-Razzāq 'Abd al-Raḥmān. (2008, April 21). *Manhaj al-Taḥarrī wa al-Taḥqīq fi Ta'yīn al-Ra'y al-Mu'tamad fi Madzhab al-Shāfi'ī*. Nadwah al-Mudḥakarrah al-'Ilmiyyah lī al-Fatāwā al-Thāminah, INFAD.
- al-Ṭabarānī, Sulaymān Aḥmad. *al-Mu'jam al-Kabīr*. Maktabat al-'Ulūm wa al-Ḥikam.
- al-Yūsī, al-Ḥasan. (2003). *Zahr al-Akam fi al-Amthāl wa al-Ḥikam*. Dar al-Thaqafah.
- Ibn Fāris, Aḥmad. (1979). *Mu'jam Maqāyīs al-Lughāh*. Dār al-Fikr.
- Muḥammad al-Shāṭirī, Aḥmad 'Umar. (2007). *Sharḥ al-Yāqūt al-Nafīs (al-Ṭarīqah al-Hadīthah li al-Tadrīs fi Kitāb al-Yāqūt al-Nafīs)*. Dār al-Minhāj.

Shubayr, ‘Uthmān. (2007). Al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah al-Mu‘āṣirah fī al-Fiqh al-Islāmī. Dār al-Nafā’is.

Shubayr, ‘Uthmān. (2010). Al-Madkhal ilā Fiqh al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah: al-Māl, al-Milkiyyah, al-‘Aqd. Dār al-Nafā’is.



Matan **AL-YAQUT AL-NAFIS**

Pengajian ilmu Fiqh Muamalat adalah salah satu tuntutan fardu ain yang perlu dilakukan oleh semua umat Islam yang mukallaf (baligh dan berakal). Ilmu Fiqh Muamalat ini dapat membimbing umat Islam melakukan urusanniaga melalui akad-akad muamalat dan mengetahui hak serta tanggungjawab berkaitan akad-akad tersebut. Buku ini merupakan terjemahan bagi **bahagian Muamalat dari Matan al-Yāqūt al-Nafīs** – sebuah matan asas fiqh yang masyhur di dalam mazhab Syafie. Modul ini disediakan bagi membantu pengajian Fiqh Muamalat berteraskan ilmu turath mazhab Syhafie dengan mengekalkan teks asalnya. Semoga ia memberi manfaat kepada para pelajar khususnya dan masyarakat secara umum.

Dr. Abdullaah Jalil merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, Negeri Sembilan. Beliau turut memainkan peranan sebagai ahli Jawatankuasa Syariah di dalam industri perbankan Islam, takaful, retakaful, koperasi dan wakaf sejak 2012 sehingga ke hari ini. Beliau juga merupakan ahli Panel Syariah USIM sejak ia ditubuhkan dan menjadi salah seorang penyelidik fatwa bagi Jabatan Mufti Negeri Sembilan sejak tahun 2016. Beliau juga terlibat di dalam bidang Deradikalisasi dan PCVE (Kefahaman Agama) sejak tahun 2008 dan dianugerahkan anugerah “Friends of the Police” pada Hari Polis Kebangsaan 2012.



WISDOM
PUBLICATION